



Telefon: 03-8886 7000 • SMS: 019-6000 696 • Emel: info@sprm.gov.my



www.sprm.gov.my

TEMA

Konsep *Puzzle* diangkat sebagai suatu tema yang relevan untuk disetarakan dengan corak kerja dan penyelesaian SPRM.


Seperti sedang bermain *Puzzle*, SPRM sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah teka-teki yang sering berhubung kait antara satu pihak ke satu pihak yang lain. Permainan *Puzzle* kadangkala dilihat remeh, tetapi untuk menyelesaikannya dengan realiti sebenar, ianya kompleks.

DITERBITKAN OLEH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
BLOK D6, KOMPLEK D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
PETI SURAT 6000
62007 PUTRAJAYA
MALAYSIA

BEBAS

Suruhanjaya ini bebas dan tidak dipengaruhi dalam membuat keputusan.

Disamping itu, perjalanan tugas hariannya tidak dirujuk kepada mana-mana pihak.



TELUS

Perjalanan aktiviti-aktiviti SPRM dipantau dan dinasihati oleh lima badan khas yang bebas, disusuli dengan pembentangan laporan aktiviti SPRM di Parlimen.

IONAL



PROFESIONAL

Pegawai Suruhanjaya bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan dengan dibekalkan ilmu dan kemahiran yang secukupnya supaya dapat melaksanakan tugas dengan kompeten, kreatif, inovatif dan efektif.



Rasional Logo



Bintang (14 Bucu)

Mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.



Bulan Sabit

Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.



Keris Bersilang

Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang Negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.



Perisai

Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.



Bunga Padi

Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.



Harimau

Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.



14 Jalur Putih dan Merah

Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.

سورونجاي قنچكهان رسواه مليسيا

Tulisan Jawi

Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.



Emas

Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu Negara yang bebas rasuah.



Kuning

Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.



Biru

Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, badan ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.



Hitam

Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang ampuh.



Kelabu Gelap

Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam usaha membanteras jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.



Merah

Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.



Putih

Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

KANDUNGAN



| | | | |
|---|-----------|---|------------|
| PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM | 6 | PENCEGAHAN | 71 |
| | | Pemeriksaan dan Perundingan | 72 |
| MEKANISME CHECK AND BALANCE | 15 | Pemantapan Keutuhan Pengurusan | 86 |
| | | NKRA – Perangi Rasuah | 91 |
| MAKLUMAT KORPORAT | 23 | PENDIDIKAN MASYARAKAT | 99 |
| Carta Organisasi | 24 | Pendidikan Masyarakat | 100 |
| Pengurusan Tertinggi | 25 | Unit Komunikasi Korporat | 115 |
| Visi dan Misi | 28 | | |
| Objektif dan Piagam Pelanggan | 29 | DIMENSI ANTARABANGSA | 119 |
| Kod Etika dan Strategi | 30 | | |
| Fungsi dan Aspirasi SPRM | 31 | PROFESIONALISME | 131 |
| | | Akauntabiliti dan Profesionalisme | 132 |
| TRANSFORMASI SPRM | 33 | Keselamatan | 137 |
| | | Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia | 142 |
| PENGUATKUASAAN | 41 | PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN | 153 |
| Operasi SPRM | 42 | | |
| Bantuan dan Kerjasama Antarabangsa | 58 | LAMPIRAN | 159 |
| Statistik Operasi | 59 | Lampiran 1 | 160 |
| Perundangan dan Pendakwaan | 63 | Lampiran 2 | 161 |
| | | Lampiran 3 | 164 |

Perutusan

“Sesungguhnya kejayaan yang dicatatkan oleh SPRM pada tahun 2011 telah menjadikan Suruhanjaya ini sebagai sebuah agensi yang dinamik dan sentiasa bergerak ke arah kecemerlangan.”

DATO' SRI HJ. ABU KASSIM BIN MOHAMED
KETUA PESURUHJAYA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



**Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh,
salam sejahtera dan salam 1 Malaysia**

Era globalisasi yang wujud kesan daripada ledakan teknologi maklumat menjadikan jenayah rasuah semakin kompleks, sofistikated dan melangkaui sempadan. Ia merupakan suatu cabaran besar kepada agensi penguatkuasaan untuk turut menyaingi dan menyeimbangkan keupayaan serta kemampuan dalam menangani jenayah rasuah.

Bagi meneruskan kelangsungan kecemerlangan dan keberkesanan tindakannya, SPRM perlu membuat perubahan yang drastik terhadap pendekatan dan strategi yang ada agar selari dengan kompleksiti dan cabaran semasa. Tahun 2011 merupakan tahun penting bagi proses transformasi SPRM. Warga SPRM perlu bersiap sedia untuk menyahut cabaran ini dengan menerima dan memberikan sokongan padu kepada Pengurusan Tertinggi SPRM untuk merealisasikan hasrat murni ini.

Pelan transformasi yang dirangka dan diterjemahkan dalam bentuk Pelan Strategik SPRM 2011-2013 telah diperkenalkan dengan memberi fokus kepada empat bidang utama iaitu pengurusan siasatan yang efektif, pencegahan dan pendidikan masyarakat yang efektif, meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM dan pembangunan sumber manusia secara terancang.

Melalui keempat-empat strategi ini, sembilan sasaran khusus telah ditetapkan, antaranya kejayaan tinggi dalam pelaksanaan tugas siasatan, meningkatkan kadar pertuduhan dan sabitan kes, meningkatkan aspek pendidikan masyarakat dan memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah telah digariskan sebagai keutamaan.

Bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan sebagaimana perancangannya, pihak Pengurusan Tertinggi SPRM telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) bermula Julai 2011 bagi mengkaji dan menasihati Pengurusan dalam melaksanakan pelan strategik tersebut. Keanggotaan JET terdiri daripada dua orang ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), seorang daripada Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), seorang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan dan dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.

OPERASI SPRM

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 1,304 (20.1%) Kertas Siasatan (KS) dibuka hasil daripada 6,475 maklumat berunsur rasuah yang diterima. Jumlah KS yang dibuka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 84 KS (6.9%) berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak 1,220 KS. Daripada 1,304 KS yang dibuka ini, sebanyak 967 atau 74.2% KS telah berjaya disiapkan dalam tahun semasa iaitu meningkat sebanyak 0.4% dari segi kadar penyiapan berbanding tahun 2010 yang hanya 900 KS sahaja dapat disiapkan dalam tahun semasa.

Peningkatan ke atas jumlah penyiapan kertas siasatan ini menunjukkan perkembangan yang amat positif dari segi kecekapan SPRM dalam menyempurnakan siasatan yang dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sepanjang 2011 juga, sebanyak 918 orang telah ditangkap iaitu menurun sebanyak tiga peratus berbanding pada tahun 2010 iaitu 944 orang. Berdasarkan jumlah keseluruhan tangkapan, 413 orang telah ditangkap atas kesalahan memberi rasuah, 419 orang menerima rasuah dan 41 orang ditangkap kerana kesalahan mengemukakan tuntutan palsu. Bagi kesalahan menyalahgunakan kedudukan pula tangkapan meningkat kepada 17 orang berbanding hanya seorang pada tahun 2010.

OPS 3B

Salah satu kejayaan besar SPRM sepanjang tahun 2011 adalah berkaitan Operasi 3B (Ops 3B). Pendekatan multi-agensi atau penglibatan pelbagai agensi dalam proses siasatan merupakan pendekatan dan strategi terbaru yang diperkenalkan menerusi program transformasi SPRM.

Pada 28 Mac 2011, sebuah pasukan khas (*special task-force*) terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah ditubuhkan dan mula membuat siasatan ke atas ejen-ejen penghantaran.

Pasukan khas ini telah melancarkan Ops 3B yang bertujuan mengesan kegiatan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang telah mengakibatkan Kerajaan kehilangan cukai berbilion ringgit akibat penipuan dalam pengisytiharan cukai. Seramai 63 pegawai dan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah di tangkap.

Hasil kerjasama dan tindakan pasukan khas dalam Ops 3B ini diyakini memberi kesan dan menyumbang kepada peningkatan hasil Duti Kastam sebanyak 7.4% (2.1 bilion) bagi kutipan tahun 2011 iaitu meningkat kepada RM30.4 bilion berbanding RM28.3 bilion tahun sebelumnya.

KES-KES BERPROFIL TINGGI

Penumpuan kepada kes-kes yang melibatkan individu berprofil tinggi dan rasuah di sektor swasta turut diperkenalkan dalam program transformasi SPRM. Beberapa kes berprofil tinggi yang melibatkan sektor swasta telah berjaya didakwa di mahkamah termasuklah kes rasuah melibatkan pendakwaan terhadap bekas Eksekutif Akaun Alcatel Network Sdn. Bhd.

Selain dari tindakan pendakwaan, SPRM juga telah memperakukan kepada Kerajaan untuk menyenaraihitamkan syarikat berkenaan dari memperoleh sebarang tender Kerajaan. Ini merupakan isyarat jelas kepada mana-mana syarikat antarabangsa mengenai keseriusan Kerajaan dalam memerangi rasuah khususnya dalam aspek perolehan negara.

SPRM juga berjaya membongkar sindiket penyelewengan dalam kontrak perolehan bagi beberapa projek pembangunan di Wilayah Iskandar. Siasatan kes ini telah membawa kepada penahanan beberapa orang individu termasuk Pegawai Kanan Iskandar Investment Berhad (IIB) yang juga merupakan suami kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IIB atas tiga kesalahan meminta dan menerima suapan berjumlah RM1.6 juta.

SPRM turut membuat siasatan terhadap kes-kes melibatkan ahli politik, antaranya ialah kes bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kewangan Kedua. Kes berkenaan telah berjaya membawa kepada penyitaan sebuah rumah banglo serta sebuah rumah kedai bernilai RM4.6 juta.

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2011, seramai 263 orang telah dihadapkan di mahkamah atas kesalahan rasuah. Ia melibatkan 141 (53.6%) orang awam, 80 (30.4%) orang penjawat awam, 41 (15.6%) orang daripada sektor swasta dan seorang (0.4%) ahli politik. Peningkatan jumlah pendakwaan terhadap orang awam adalah atas kesalahan cubaan menyogok pegawai awam.

Ini menunjukkan petanda positif ke atas usaha kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan pegawai awam berhubung tanggungjawab melaporkan cubaan pemberian rasuah. Dalam masa yang sama, kempen kesedaran berhubung kesalahan memberi rasuah dipergiatkan kepada semua anggota masyarakat.

Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah pada 16 Februari 2011 telah berjaya menyelesaikan perbicaraan kes-kes rasuah dengan lebih cepat dan ini telah menyebabkan peningkatan mendadak dari segi penyelesaian kes-kes rasuah.

Daripada 776 kes perbicaraan di Mahkamah Rendah, sejumlah 520 kes telah berjaya diselesaikan di peringkat perbicaraan awal, dimana sejumlah 259 (49.8%) kes telah disabitkan kesalahan, 129 (24.8%) kes mengaku salah, 114 (21.9%) kes lepas dan bebas, dan 18 kes (3.5%) lepas tanpa dibebaskan. Manakala baki 256 kes masih lagi dalam peringkat perbicaraan.

Sebanyak 146 kes telah selesai rayuannya di peringkat Mahkamah Tinggi, dimana 98 kes telah berpihak kepada Pendakwa Raya dan 48 kes tidak berpihak kepada Pendakwa Raya. Manakala di peringkat Mahkamah Rayuan, sebanyak 99 kes telah selesai dan 116 kes masih belum diputuskan.

Pada tahun 2011 juga, sebanyak 24 kes yang diputuskan Mahkamah Rendah tiada kes *prima facie* tetapi setelah dirayu, Mahkamah Tinggi memerintahkan kes tersebut dipanggil untuk membela diri.

Sementara itu, sejumlah 19 kes daripada 21 kes pelucuthakan harta telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Sebanyak 18 (94.7%) kes memihak kepada Pendakwa Raya dan satu kes memihak kepada Orang Kena Tuduh (OKT). Denda yang telah berjaya dikutip atas kesalahan rasuah adalah berjumlah RM10,872,145.

PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Jenayah rasuah tidak boleh dihapuskan hanya menerusi tindakan punitif semata-mata. Strategi serampang tiga mata turut diaplikasikan dalam semua siasatan kes-kes rasuah. Strategi yang digunakan adalah melibatkan tindakan punitif, pencegahan dan pendidikan.

Strategi ini didapati berkesan untuk menutup semua ruang dan peluang perlakuan rasuah. Bahagian-bahagian yang berkaitan tugas-tugas operasi, pencegahan dan pendidikan akan turut dilibatkan bagi memperhalusi punca perlakuan jenayah rasuah terbabit.

Hasil daripada operasi yang dijalankan oleh Bahagian Siasatan SPRM, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan telah menjalankan khidmat pemeriksaan dan perundingan melalui khidmat nasihat berhubung isu-isu yang menjadi tumpuan umum seperti isu-isu berkaitan urusan import dan eksport, subsidi diesel, penerbitan buku teks dan urusan Lembaga Tabung Haji.

Salah satu hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Bahagian ini adalah termasuk kajian ke atas sistem dan prosedur yang berkait rapat dengan kutipan cukai di pintu-pintu masuk utama negara khususnya di pelabuhan. Beberapa cadangan penambahbaikan telah dicadangkan hasil daripada pemeriksaan ini. Antara cadangan penambahbaikan tersebut seperti menaiktaraf atau menggantikan Sistem Maklumat Kastam yang dikenalpasti mempunyai kelemahan dari segi penyimpanan dan semakan rekod-rekod pengisytiharan.

Pelbagai cadangan penambahbaikan telah dikemukakan sehingga isu ini dibawa ke peringkat mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan (JKKMKP) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat JKKMKP bersetuju supaya Unit Pemodenan Pentadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjalankan kajian menyeluruh tentang keperluan sistem dan peralatan JKDM.

SPRM turut menjalankan kajian terhadap kelemahan amalan, sistem dan prosedur kerja berhubung penyaluran diesel bersubsidi kepada nelayan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang menyebabkan berlakunya ketirisan dan penyelewengan diesel bersubsidi.

Kerajaan dianggarkan menanggung kerugian sebanyak RM266 juta antara 2006 hingga 2010 akibat lima peratus ketirisan daripada 5.32 bilion liter diesel bersubsidi yang disalurkan kepada nelayan oleh LKIM.

SPRM juga melaksanakan beberapa inisiatif lain, antaranya berkaitan pembiayaan politik. Inisiatif ini merujuk kepada ketelusan dalam pembiayaan sesuatu parti politik di mana sebarang sumbangan politik yang diterima perlulah diisytiharkan dan dimasukkan ke dalam akaun parti. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Satu lagi inisiatif penting sepanjang 2011 adalah pengenalan "*Integrity Pact*" dalam perolehan kerajaan. Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan surat Pekeliling Perbendaharaan bersetuju semua projek mega di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) dijadikan sebagai projek peneraju "*Integrity Pact*".

PENDIDIKAN MASYARAKAT

Aktiviti pendidikan masyarakat adalah antara program pencegahan yang menjadi tulang belakang SPRM dalam menyampaikan mesej kepada segenap lapisan masyarakat merangkumi sektor kerajaan, swasta serta orang awam. Aktiviti bersama masyarakat amat penting untuk meraih sokongan mereka dalam memerangi rasuah. Aktiviti pendidikan ini merangkumi pelbagai pendekatan seperti komunikasi bersemuka dan promosi media.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 2,105 ceramah telah disampaikan yang melibatkan seramai 162,512 audiens. Hasil daripada analisa keberkesanan ceramah mendapati 99.5% orang responden menyatakan ceramah yang disampaikan berguna kepada mereka.

Malahan SPRM telah mengadakan sebanyak 28 seminar di seluruh Malaysia, antaranya ialah penglibatan SPRM dalam seminar "Ke Arah Hidup Cemerlang Tanpa Rasuah" yang dianjurkan dengan kerjasama Kumpulan Karangraf. Seminar-seminar yang diadakan ini disertai oleh "*Key Communicator*" daripada pelbagai agensi penguatkuasaan di seluruh Malaysia.

Satu lagi pendekatan baru yang diperkenalkan ialah Diskusi Meja Bulat. Ia merupakan saluran utama perbincangan dan penganalisan isu rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan antara SPRM dengan agensi-agensi berkaitan. Sejak ia diperkenalkan, sebanyak 74 sesi diskusi meja bulat telah dilaksanakan dengan melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan Dan Koperasi. Inisiatif ini membolehkan SPRM berinteraksi secara bersemuka dan membantu agensi terlibat menyelesaikan masalah yang timbul akibat wujudnya ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

SPRM juga mengambil inisiatif berterusan mendekati pelajar yang bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada mereka supaya meningkatkan tahap integriti serta mengetahui kesalahan-kesalahan rasuah sebelum melangkah ke dunia kerjaya sebenar kelak. Sebanyak 17 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menganjurkan 113 aktiviti, antaranya Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menghimpunkan semua ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT dan alumni. Konvensyen ini bertujuan untuk merangka pelan strategi pencegahan rasuah dalam kalangan pelajar universiti.

DIMENSI ANTARABANGSA

Sesebuah negara tidak mungkin mampu bertindak dan melawan jenayah rasuah secara bersendirian. Ini kerana sifat jenayah rasuah telah berubah dan melangkaui sempadan sesebuah negara. Aktiviti pengubahan wang haram dan proses pengaliran wang haram ini memerlukan kerjasama antarabangsa untuk mengesan, menyita dan mengembalikannya.

Justeru, kerjasama dan penglibatan aktif SPRM di peringkat antarabangsa merupakan kunci kepada kejayaan SPRM dalam menyelesaikan kes-kes rasuah yang bersifat antarabangsa ini.

SPRM turut terlibat secara aktif dalam pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa sebagai langkah perkongsian kepakaran dan maklumat. Malaysia telah dipilih oleh *International Association of Anti Corruption Authorities* (IAACA) untuk menjadi tuan rumah bagi Persidangan dan Mesyuarat Kali Ke-6 IAACA di Kuala Lumpur pada 4 hingga 7 Oktober 2012.

Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap Malaysia kerana terpilih menjadi tuan rumah persidangan yang melibatkan penyertaan 128 buah negara. Ia juga merupakan sumbangan SPRM yang sentiasa berusaha bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang serius dalam membanteras rasuah.

Malaysia juga merupakan destinasi pilihan bagi lawatan belajar mahupun lawatan kerja bagi delegasi luar negara. Antara delegasi luar yang mengadakan lawatan ke SPRM sepanjang tahun 2011 termasuk Jordan Anti-Corruption Commission, Komisi Pembanterasannya Korupsi Indonesia, Anti-Corruption & Civil Right Commission of Korea, Government Inspectorate of Vietnam dan beberapa buah lagi agensi pencegahan rasuah antarabangsa.

AKAUNTABILITI DAN PROFESIONALISME

Beberapa pendekatan bagi melahirkan warga SPRM yang cemerlang dan profesional telah dilaksanakan dengan membuat pemantauan ke atas peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan. Antaranya melalui program pengurusan pematuhan, pengurusan tatakelakuan dan penambahbaikan tatacara. SPRM juga membudayakan amalan inovasi dan kreativiti bagi memastikan warga SPRM berketerampilan tinggi dalam merealisasikan aspirasi SPRM.

KESELAMATAN

SPRM sentiasa meletakkan aspek keselamatan sebagai keutamaan. Pada tahun 2011, seramai 18 pengawal keselamatan SPRM telah mendapat kelulusan pelantikan sebagai polis bantuan yang mempunyai kuasa polis bantuan dalam menjalankan tugas pengawalan keselamatan perlindungan oleh pihak PDRM.

Bagi memastikan keselamatan berada pada tahap maksimum, SPRM telah melaksanakan pemasangan 710 unit kamera sistem CCTV di semua pejabat SPRM seluruh negara dengan menggunakan teknologi rakaman digital berkualiti tinggi dan berupaya merakamkan pergerakan saksi dan pelawat. SPRM juga telah mengambil inisiatif mempertingkatkan aspek keselamatan dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan khusus untuk kawalan ke atas pelawat, saksi dan orang tahanan.

Bermula 28 Mac hingga 31 Disember 2011, sebanyak 34 buah bilik temuduga berveideo yang dilengkapi dengan sistem rakaman telah dan akan dibina di semua pejabat SPRM negeri dan cawangan seluruh Malaysia.

SPRM juga menyediakan aspek keselamatan fizikal, perlindungan penempatan, sokongan kewangan dan jika perlu melibatkan penukaran identiti saksi melalui Akta Perlindungan Saksi 2009. Antara kes yang mengimplementasikan Akta ini adalah kes yang melibatkan mantan Menteri Besar Selangor.

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

Pada tahun 2011, sebanyak 132 program telah dilaksanakan oleh MACA untuk pegawai dan kakitangan SPRM dan lain-lain jabatan di peringkat dalam dan luar negara. Peranan MACA juga diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui program yang dilaksanakan dengan UNDP. Tiga program usahasama telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan kefahaman dan kapasiti teknikal pegawai-pegawai penguatkuasaan pencegahan rasuah dari negara anggota *Organization Of Islamic Cooperation* (OIC). Pelbagai bengkel juga dianjurkan oleh MACA melibatkan agensi pencegahan rasuah beberapa negara luar seperti Bhutan dan negara-negara Arab. Selain itu, MACA juga mengadakan program latihan untuk beberapa buah agensi swasta dalam negara antaranya Sime Darby Group dan Tenaga Nasional Berhad.

Seiring dengan keperluan latihan pegawai SPRM, pembangunan fizikal MACA turut dipertingkatkan. Pada 11 November 2011, Kompleks Fasa II yang siap dibina telah diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya. Kompleks ini membabitkan pembinaan dua blok asrama, dua blok kuarters pegawai dan staf MACA, dua unit banglo, dewan makan, padang kawad, surau dan sebuah jambatan. Kemudahan penginapan asrama ini mampu menjimatkan kos pengurusan latihan kerana ia dapat memuatkan 320 orang pelatih dalam satu-satu masa yang mana sebelum ini mereka menginap di hotel-hotel di sekitar akademi ini.



KEPERLUAN PERJAWATAN SPRM

Sehingga 23 November 2011, sebanyak 2,271 perjawatan telah diisi melibatkan seramai 1,541 orang pegawai Suruhanjaya, dan selebihnya melibatkan pegawai dan kakitangan sokongan. Walaupun berhadapan dengan jumlah keanggotaan yang terhad, SPRM telah melaksanakan pelbagai tugas dengan jayanya. Ia dibuktikan melalui kes-kes yang telah disiasat dan pelbagai operasi yang dilancarkan oleh Suruhanjaya ini.

HARAPAN

Cabaran yang bakal ditempuhi oleh SPRM pada tahun-tahun mendatang ialah membuktikan kepada masyarakat bahawa transformasi yang dilalui SPRM akan membawa perubahan besar kepada keseluruhan sistem operasinya. Pelan Strategik 2011-2013 memperlihatkan pemantapan dan pengukuhan ke atas fungsi SPRM sebagai penguatkuasa, penasihat, pendidik dan pemangkin kepada usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Sesungguhnya kejayaan yang dicatatkan oleh SPRM pada tahun 2011 telah menjadikan Suruhanjaya ini sebagai sebuah agensi yang dinamik dan sentiasa bergerak ke arah kecemerlangan. Siasatan yang dilaksanakan kini bukan sekadar memastikan tertuduh diheret ke muka pengadilan tetapi memastikan setiap kes yang disiasat membawa impak keberkesanan dalam jangka masa panjang.

Justeru itu, beberapa kes yang disiasat oleh SPRM selain berjaya meningkatkan hasil negara, ia juga telah berjaya menyenaraihitamkan dan menyekat penjenayah rasuah yang terlibat daripada menerima sebarang projek kerajaan.



M E K A N I S M E
C H E C K A N D
B A L A N C E

Mekanisme *Check And Balance*

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan yang bertindak sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan (JA) dibuat melalui peruntukan undang-undang. Manakala pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO) serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran.

Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.

Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan Kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.



Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah

Dari kiri:

Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abd Mutalib,
Dr. Tan Seng Giaw,
Tuan Salahuddin bin Hj. Ayub,
Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Pengerusi),
Senator Dato' Armani binti Hj. Mahirudin,
Senator Ir. Hj. Zamri bin Hj. Yusuf* dan
Dato' Hj. Abdul Rahman bin Dahlan.

* sehingga 19 Mei 2011



Jawatankuasa ini diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mewakili parti pemerintah dan pembangkang. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai Jawatankuasa Khas ini.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya;
- Memeriksa ulasan oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta; dan
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan daripada Suruhanjaya mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

Dari kiri bawah:

Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hj. Hamid bin Bugu,
Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin bin Megat Khas,
Tan Sri Datuk Yong Poh Kon,
Puan Sri Zaitun Zawiyah binti Puteh (Pengerusi),
Datuk Rashpal Singh a/l Jeswant Singh dan
Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun.

Dari kiri atas:

En. Chelvarajah R.R.,
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar bin Hassan,
Dato' Anwar bin Fazal,
Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim dan
Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal bin Hassan.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah



TERMA RUJUKAN LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- Menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya membanteras rasuah;
- Menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- Meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- Meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- Mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota *ex-officio* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(1)(b) Akta tersebut.

Jawatankuasa Aduan

Dari kiri:

En. Ravindran V. Muthu,
Datuk Muhammad bin Mohd Noor,
Datuk Haji Mohd Nor bin Abdullah (Pengerusi),
Datuk Wan Abdul Wahab bin Abdullah dan
En. Chooi Mun Sou*.

* sehingga 21 April 2011



Jawatankuasa ini juga dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA ADUAN

- Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salahlaku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya; dan
- Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Berdiri dari kiri bawah:

Prof. Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad,
Datin Aminah Pit binti Abdul Rahman,
En. Walter a/l Doss Sandosam.

Duduk dari kiri atas:

Dato' Zamani bin Abdul Ghani,
Tan Sri Dato' Cecil W. M. Abraham,
Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin
Abdul Jalil (Pengerusi),
Dato' Hamzah bin Kassim,
En. Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff.

Panel Penilaian Operasi

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri dari kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan oleh Suruhanjaya. PPO adalah mekanisme '*check and balance*' terhadap kes penyiasatan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuashati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.



TERMA RUJUKAN PANEL PENILAIAN OPERASI

- Menerima dan mendapatkan penjelasan berhubung perangkaan Kertas Siasatan yang dibuka oleh Suruhanjaya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi 12 bulan;
- Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi 6 bulan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung keputusan-keputusan Kertas Siasatan yang telah dibuat oleh Pendakwa Raya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang dikemukakan kepada Pendakwa Raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi 6 bulan ke atas;
- Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh;
- Menasihati dan membantu Suruhanjaya ke arah keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPO kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan oleh Suruhanjaya.

Panel Perundingan Dan Pencegahan Rasuah

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) juga diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.

Berdiri Dari Kiri:

Datuk David Chua Kok Tee,
Prof. Dr. Engr. Chin Yew Sin,
Datuk Seri Wong Chun Wai,
En. Syed Akbar bin Ali,
En. Hj. Anis Yusal bin Yusoff,
Datuk Marimuthu Nadason dan
Dr. Zainal Abidin bin Abdul Majeed.

Duduk dari kiri:

Datuk Seri Azman bin Ujang,
Tan Sri Dato' Sri Dr. Lim Kok Wing,
Datuk Johan bin Jaaffar (Pengerusi),
Dato' Dr. Ishak bin Tambi Kechik dan
Dato' Prof. Emeritus Dr. Abdul Rahman bin Hj. Embong.



TERMA RUJUKAN PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH

- Meneliti dan memperakukan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan (*priority areas*) amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang mempunyai ruang dan peluang untuk jenayah rasuah berkembang;
- Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;
- Membentuk dan menggubal amalan terbaik (*best practices*) dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;
- Menasihati Suruhanjaya berhubung pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;
- Meneliti keberkesanan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan memperakukan cadangan penambahbaikan;
- Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Membantu Suruhanjaya sebagai '*key communicator*' dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya



M A K L U M A T
K O R P O R A T

Carta Organisasi SPRM

| Singkatan Pangkat Pegawai SPRM | |
|--------------------------------|----------------------------------|
| KPj | Ketua Pesuruhjaya |
| TKPj | Timbalan Ketua Pesuruhjaya |
| Pj | Pesuruhjaya |
| TPj | Timbalan Pesuruhjaya |
| KPKPj | Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya |
| PPj | Penolong Pesuruhjaya |



KETUA PESURUHJAYA
 KPj. Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (OPERASI)
 TKPj Datox Hj. Mohd Shukri bin Abdull



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME)
 Pj Datox Hj. Zakaria bin Hj. Jaafar



TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENCEGAHAN)
 Pj. Dato' Hjh. Sutinah binti Sutan



BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN
 Dato' Abdul Razak bin Musa



BAHAGIAN SIASATAN
 Pj Datuk Hj. Mustafar bin Ali



AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
 TPj Abdul Wahab bin Abdul Aziz



BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
 TPj Dato' Samsiah binti Abu Bakar



BAHAGIAN DASAR PENYELIDIKAN & KORPORAT
 KPKPj Dato' Ahmad Khusairi bin Yahya



BAHAGIAN PERISIKAN
 TPj Shamsun Baharin bin Mohd Jamil



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN AM
 Hjh. Rohani binti Kadir



BAHAGIAN PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN
 TPj Shahrudin bin Khalid



BAHAGIAN OPERASI KHAS
 TPj Dato' Mohd Jamidan bin Abdullah



BAHAGIAN KECEMERLANGAN DAN PROFESIONALISME
 KPKPj Nasaruddin bin Mohd Nor



BAHAGIAN KEUTUHAN PENGURUSAN
 KPKPj Raja Khan bin Raja Ahmad



BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
 PKPj Hj. Nor Azmi bin Karim



BAHAGIAN KESELAMATAN
 KPKPj Sharuddin bin Hj. Sapijan

Pengurusan Tertinggi SPRM



Dari Kiri:

Pj Dato Hj. Zakaria bin Hj. Jaafar, TKPj Datuk Hj. Mohd Shukri bin Abdull,
KPj Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed dan Pj Dato' Hjh. Sutinah binti Sutan

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat SPRM



Dari kiri atas:

Dato' Abdul Razak bin Musa, KPKPj Raja Khan bin Raja Ahmad, Pj Datuk Hj. Mustafar bin Hj. Ali, TPj Dato' Mohd Jamidan bin Abdullah, KPKPj Dato' Ahmad Khusairi bin Yahaya, TPj Shahrudin bin Khalid dan KPKPj Nasaruddin bin Mohd Nor

Dari kiri bawah:

KPKPj Sharuddin bin Hj. Sopian, PKPj Nor Azmi bin Karim, TPj Dato' Samsiah binti Abu Bakar, Hjh. Rohani binti Kadir, TPj Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dan TPj Abdul Wahab bin Abdul Aziz.

Pengarah-Pengarah SPRM Negeri



Dari kiri atas:

KPKPj Hassan bin Yahya, TPj Hj. Jalil bin Jaafar, TPj Hjh. Nooraziah binti Abd. Manaf, PPj Alias bin Darus, KPKPj Hj. Md Yusoff bin Md Zin, PPj Hasbilah bin Mohamad Salleh, KPKPj Hishamuddin bin Hashim dan KPKPj Moh. Samsudin bin Yusof

Dari kiri bawah:

TPj Simi bin Abdul Ghani, TPj Mohd Yusoff bin Akope, TPj Dato' Samarajoo a/l Manikam, TPj Dato' Ja'afar bin Mahat, TPj Dato' Hjh. Latipah binti Md Yatim, KPKPj Nor Rasmi bin Shari dan TPj Hj. Bahri bin Mohamad Zin



VISI

1. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah; dan
2. Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

MISI

1. Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia; dan
2. Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.



OBJEKTIF

Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

PIAGAM PELANGAN

- Bertindak ke atas aduan berunsur rasuah dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima;
- Pengadu boleh mengetahui status siasatan ke atas aduannya selepas 28 hari bekerja;
- Siasatan dilengkapkan dalam tempoh 6 bulan;
- Pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan terhadap sistem dan tatacara kerja dilengkapkan dalam tempoh 90 hari bekerja;
- Keputusan Tapisan Keutuhan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja;
- Maklumat dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa;
- Menjamin keselamatan saksi-saksi selaras dengan Akta Perlindungan Saksi 2009;
- Mendapatkan dan memelihara sokongan masyarakat dalam usaha pencegahan rasuah; dan
- Mendidik masyarakat dalam memerangi rasuah.



KOD ETIKA

- Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang digunapakai;
- Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan;
- Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan;
- Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik;
- Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran;
- Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti; dan
- Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

STRATEGI

Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) seperti berikut:

Penguatkuasaan

- Mengesan kesalahan rasuah; dan
- Menyiasat kesalahan rasuah

Pendidikan Masyarakat

- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah

Pencegahan

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur; dan
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah



ASPIRASI SPRM


Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme

Aspirasi ini adalah untuk menjadikan SPRM sebagai Suruhanjaya yang berwibawa serta disegani dari kaca mata masyarakat dalam dan luar negara dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dengan cekap, tegas dan adil. Di samping itu, SPRM komited memberikan pendidikan dan penerangan mengenai kejiikan jenayah rasuah dan langkah-langkah pencegahannya demi memelihara sokongan masyarakat supaya bersama memerangi jenayah rasuah.

FUNGSI

Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan fungsi pegawai-pegawai Suruhanjaya sepertimana berikut:

- a. Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;
- b. Mengesan dan menyiasat:
 - i. Apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini;
 - ii. Apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; dan
 - iii. Apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- c. Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta ini dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;
- d. Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;
- e. Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan-kewajipan badan-badan awam itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;
- f. Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan
- g. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.



**T
R
A
N
S
F
O
R
M
A
S
I**

TRANSFORMASI SPRM

Program Transformasi Kerajaan (*GTP*) telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dua objektif *GTP*, yang pertama adalah untuk mentransformasikan Kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab ke atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat. Manakala objektif yang kedua adalah untuk memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu padu dan saksama dengan tahap kehidupan yang tinggi.

Pelan *GTP* tersebut merupakan pelan hala tuju bagi penyampaian agenda kerajaan yang dipandu prinsip “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Selari dengan prinsip ini, SPRM telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET) yang bertanggungjawab dalam meningkatkan prestasi kualiti, pentadbiran mekanisme penyeliaan, memantau dan melaksanakan pembaharuan struktur dan pengurusan SPRM, keberkesanan siasatan, memantapkan pencapaian peranan operasi melalui pembangunan modal insan, memajukan keupayaan siasatan perakaunan forensik serta memperhalusi usaha-usaha SPRM yang sedia ada bagi mengesan sebarang kelemahan serta mengambil tindakan pemulihan bagi memacu peningkatan tahap kualiti operasi SPRM.

Unit Transformasi

BAGI TAHUN 2011, SPRM MENERUSKAN USAHA MEMPERTINGKATKAN KEYAKINAN DAN MEMPERBAIKI PERSEPSI MASYARAKAT DALAM DAN LUAR NEGARA TERHADAP USAHA PENCEGAHAN RASUAH OLEH SPRM

Bagi menyahut tindakan perubahan oleh Kerajaan, pihak Pengurusan Tertinggi SPRM telah membentuk dan memperkenalkan Aspirasi SPRM di mana ianya bertujuan untuk mempertingkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat dalam dan luar negara terhadap usaha pencegahan rasuah dengan berteraskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

SPRM telah merangka beberapa inisiatif untuk dilaksanakan yang bertujuan bagi menjayakan aspirasi ini. Salah satu daripadanya adalah penubuhan Unit Transformasi. Mandat dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Unit Transformasi antara lain adalah untuk mengkaji, menyelidik dan membentuk pelan strategik SPRM yang terperinci dan komprehensif berkaitan organisasi, struktur, proses, sumber manusia dan budaya kerja SPRM.


Salah satu daripada tindakan awal Unit Transformasi ini adalah dengan menjalankan kajian bagi mendapatkan pandangan jujur warga SPRM terhadap organisasi, pengurusan dan kebajikan. Kajian ini disempurnakan dengan usahasama pihak perunding Universiti Kebangsaan Malaysia.

Peta Perjalanan Transformasi SPRM

Lanjutan daripada kajian tersebut, Unit Transformasi sekali lagi mendapatkan khidmat pakar luar bagi membantu pembentukan Pelan Strategik SPRM. Unit Transformasi dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Strategik (*SMD*) Bank Negara Malaysia telah mengatur perancangan dan strategi bagi menghasilkan pelan tersebut. Beberapa siri pertemuan dan perbincangan berkumpulan (*Working Group*) serta sesi percambahan idea diadakan secara berdisiplin dan berkala untuk tujuan pembentukan Pelan Strategik SPRM.


Perjalanan transformasi SPRM di bawah bimbingan Bank Negara Malaysia boleh dilihat melalui tiga fasa atau peringkat seperti di **Rajah 2**.

Rajah 2: Perjalanan Transformasi SPRM



Rajah 3: Pelan Strategik SPRM 2011-2013

VISI SPRM



Pelan Strategik SPRM menunjukkan tumpuan transformasi SPRM adalah kepada empat bidang utama iaitu Pengurusan Siasatan Yang Efektif (*Effective Management of Investigation*), Pencegahan dan Pendidikan Masyarakat Yang Efektif (*Effective Prevention and Public Education*), Mengekalkan Keyakinan (*Sustain Confidence*) masyarakat terhadap SPRM dan Pembangunan Kapasiti dan Kapabiliti Sumber Manusia (*Capacity and Capability Building*).

Bagi menjayakan transformasi SPRM, sembilan sasaran khusus dipertanggungjawabkan kepada setiap warga SPRM secara individu mahupun berpasukan iaitu:

- i. Kejayaan tinggi dalam pelaksanaan tugas siasatan;
- ii. Meningkatkan kadar pertuduhan dan sabitan kes;
- iii. Keyakinan masyarakat terhadap siasatan SPRM;
- iv. SPRM sebagai pemangkin dan pusat rujukan amalan terbaik tadbir urus;
- v. Meningkatkan aspek pendidikan kepada masyarakat;
- vi. Penglibatan aktif masyarakat dalam memerangi rasuah;
- vii. Penyaluran maklumat yang cepat dan tepat kepada masyarakat;
- viii. Memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah; dan
- ix. Memperkasa aspek modal insan.

Dengan pembentukan sembilan sasaran khusus ini, seluruh warga SPRM di peringkat bahagian atau negeri bersama-sama memberikan komitmen yang tinggi dan jitu bagi merealisasikan keberhasilan yang telah digariskan. Setiap pelan tindakan dan strategi dipantau secara berkala dan sistematik bagi mencapai keberhasilan sasaran SPRM.


Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET)

Pihak Pengurusan Tertinggi SPRM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi pada Julai 2011 yang bertujuan untuk mengkaji dan menasihati pengurusan dalam pelaksanaan pelan strategik SPRM. Tenaga pakar dan mahir dalam pelbagai bidang dikenalpasti dan dilantik untuk memandu dan menentukan kejayaan setiap tindakan dan strategi yang dibangunkan seperti di **Rajah 4**.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM dan ahli-ahli terdiri daripada:

- i. Tiga orang Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi, Pengurusan & Profesionalisme dan Pencegahan)
- ii. Seorang daripada ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
- iii. Seorang daripada ahli Panel Penilaian Operasi (PPO)
- iv. Seorang daripada ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
- v. Seorang bekas Hakim Mahkamah Rayuan yang juga Pengerusi dalam Jawatankuasa Aduan (JA)
- vi. Seorang bekas Hakim Mahkamah Persekutuan yang juga merupakan ahli panel kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja Kes Teoh Beng Hock.

Rajah 4: Struktur Jawatankuasa Eksekutif Transformasi (JET)



Terma rujukan Jawatankuasa Eksekutif Transformasi adalah untuk:

- i. Melihat secara keseluruhan struktur organisasi SPRM;
- ii. Mengkaji semula sistem dan operasi SPRM masa kini;
- iii. Meneliti dan melaksanakan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan berdasarkan Laporan Suruhanjaya Diraja Untuk Menyiasat Kematian Teoh Beng Hock;
- iv. Meningkatkan prestasi kualiti dan mekanisme pentadbiran penyeliaan dalaman SPRM;
- v. Memantau dan melaksanakan perubahan struktur pengurusan SPRM;
- vi. Menentukan halatuju aspek pembangunan modal insan SPRM;
- vii. Memajukan keupayaan siasatan perakaunan forensik;
- viii. Memperhalusi usaha-usaha SPRM sedia ada bagi mengesan sebarang kelemahan; dan
- ix. Mengambil tindakan pemulihan segera bagi memacu peningkatan kualiti operasi SPRM secara keseluruhan.



P
E
N
G
U
A
T
K
U
A
S
A
A
N

OPERASI SPRM

Selaras dengan usaha penambahbaikan dan transformasi SPRM, pendekatan pelaksanaan Pengurusan Siasatan Berkesan (*Effective Investigation Management - EIM*) yang diperkenalkan mulai pertengahan tahun 2010 dan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2011 telah memberikan keberhasilan besar dalam tindakan operasi SPRM. Setiap penyiasatan bermula dengan maklumat atau aduan. Aduan berkualiti dan disokong dengan analisis kes yang mantap, diperkukuhkan pula dengan pelan penyiasatan yang dirancang rapi menentukan hala tuju penyiasatan. Penyiasatan secara berpasukan dan kolaborasi serta kerjasama yang baik dengan pelbagai agensi, termasuklah dengan sokongan pakar meskipun dalam keupayaan yang terhad, diperkukuh dengan pemantauan kes yang teratur dan berkesan berasaskan keberhasilan penyiasatan (*outcome based investigation*).

KEJAYAAN OPERASI

Pelaksanaan berkesan dalam penyiasatan dan kejayaan operasi siasatan SPRM bergantung kepada kerjasama semua pihak, khususnya masyarakat dalam penyampaian maklumat berkualiti. Di samping itu, kesedaran untuk melaporkan jenayah rasuah yang berlaku di sekitar mereka dan komitmen dalam memberikan keterangan sama ada di peringkat penyiasatan mahupun pendakwaan.

SPRM melaksanakan kaedah penyiasatan berasaskan proaktif (*proactive-based investigation*) dan penyiasatan berasaskan perisikan (*intelligence-based investigation*) dalam menjalankan siasatan dan operasi.

Pelaksanaan operasi secara proaktif ini bukan sahaja menghasilkan tangkapan dan pertuduhan terhadap mereka yang terbabit dengan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, malah SPRM berjaya membongkar penglibatan jenayah yang dilakukan secara bersindiket.

Rasuah berlaku bukan hanya kerana individu tetapi juga kerana kelemahan sistem dan prosedur. Justeru, selain bertindak ke atas penjenayah rasuah, operasi dan siasatan turut mengenalpasti kelemahan sistem dan prosedur dalam tadbir urus (*governance*) sesebuah organisasi. Akibat tadbir urus yang tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, maka individu di dalamnya mengambil kesempatan ruang dan peluang untuk melakukan penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah. Akibatnya, berlaku kelemahan, ketirisan dan kerugian kepada organisasi berkenaan khususnya dan negara amnya. Memperbaiki sistem dan prosedur serta mengambil langkah-langkah penambahbaikan supaya jenayah rasuah tidak berulang atau diminimakan.

Menjayakan pelaksanaan siasatan dan operasi SPRM memerlukan penggembleran semua pihak. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan yang terancang, bersepadu dan berterusan yang dilakukan oleh SPRM sepanjang tahun 2011 menghasilkan pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan.

Ops 3B: Kutipan Hasil Dipertingkatkan

**“MEREKA YANG MENGAMALKAN RASUAH BUKAN KERANA TIDAK CUKUP GAJI ATAU PENDAPATAN. MEREKA MELAKUKAN BUKAN KERANA KELAPARAN ATAU SERBA KEKURANGAN. TETAPI MEREKA MELAKUKANNYA KERANA RASA TAMAK HALOBA, SENTIASA INGIN HIDUP LEBIH MEWAH, TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN MENGKHIANATI AMANAH”
– SPRM**

Pengenalan

Berdasarkan pelbagai maklumat yang telah diperolehi berhubung kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001, satu operasi besar-besaran telah dirancang dengan teliti dan dilancarkan.

Pada 28 Mac 2011, satu Pasukan Petugas (*Task Force*) Operasi 3B (Ops 3B) yang diketuai sendiri oleh Peguam Negara Malaysia dan dianggotai oleh pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cyber Security telah melakukan serbuan secara serentak terhadap 84 ejen penghantaran (*forwarding agents*), syarikat induk (*holding company*) serta 24 anak syarikat berkaitan. Operasi juga dilancarkan ke atas 25 premis Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) seluruh Malaysia.

Operasi yang dikenali Ops 3B mempunyai sasaran untuk mengesan dan berusaha mendapatkan kembali sekurang-kurangnya RM3 billion yang dipercayai hasil negara yang hilang atau lesap akibat ketirisan dan kelemahan dalam sistem dan prosedur serta perbuatan rasuah segelintir mereka yang terbabit.

Tujuan

Dianggarkan berlaku kehilangan cukai kastam yang mencecah sehingga RM2.2 bilion akibat penipuan dalam pengisytiharan barangan import-eksport, pengisytiharan cukai di bawah nilai, penyelewengan, pengisytiharan pendapatan yang dimanipulasikan sehingga menyebabkan syarikat-syarikat tertentu dapat ‘melarikan diri’ dari cukai pendapatan. Ini semua diburukkan lagi dengan wujudnya konspirasi dan kesepakatan perlakuan jenayah rasuah oleh segelintir pegawai Kastam bagi membiarkan keadaan ini berlaku.

Kegiatan haram ini menyebabkan pelbagai jenis barangan mudah dibawa masuk melepasi sempadan negara atau di tempat-tempat kawalan tanpa pemeriksaan atau mengikut prosedur yang ditetapkan. Terdapat juga pemeriksaan yang dibuat secara minima dan hanya untuk mengaburi mata pihak-pihak berwajib.

Di samping itu, sistem dan prosedur yang ada dimanipulasikan bagi membuat pengisytiharan barangan yang dibawa masuk di bawah nilai sebenar. Operasi yang dijalankan secara besar-besaran ini melibatkan sehingga lebih 500 orang pegawai penyiasat SPRM dan bergabung dengan pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara, LHDN, BNM, SSM dan Cyber Security.

Walau bagaimanapun, memandangkan keterbatasan bilangan pegawai penyiasat SPRM yang ada, Ops 3B telah memberi fokus kepada pelabuhan-pelabuhan utama negara di Selangor, Pahang, Pulau Pinang dan Johor.

Modus Operandi

Ops 3B telah berjaya membongkar rangkaian sindiket ini yang melibatkan ejen-ejen penghantaran (*forwarding agent*), syarikat-syarikat pengimport yang melarikan cukai dan penglibatan segelintir pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang bersekongkol dengan ejen-ejen ini dan menerima habuan tertentu.

Hasil operasi ini berjaya membuktikan wujudnya pembayaran wang suapan tertentu daripada ejen penghantaran kepada segelintir pegawai-pegawai JKDM. Sebagai balasannya, barangan diimport masuk tanpa pemeriksaan yang sepatutnya, penipuan dalam pengisytiharan harga barangan dibawa masuk, cukai taksiran yang dinilai di bawah nilai atau harga sebenar.

Peningkatan Hasil Negara

Daripada awal lagi semasa perancangan Ops 3B dilakukan, antara sasaran Ops 3B dijalankan adalah bagi memastikan ketirisan hasil daripada kutipan cukai kastam dan cukai pendapatan dapat ditangani. Hasil daripada kerjasama yang sangat baik berdasarkan pendekatan EIM dan Strategi Gelombang Biru (*Blue Ocean Strategy*), Pasukan Petugas Khas yang dianggotai oleh SPRM, BNM, LHDN dan Jabatan Peguam Negara telah menyaksikan kejayaan yang besar dalam mempertingkatkan kutipan hasil negara.

Bertindak daripada operasi yang dijalankan dan pelbagai pendekatan serta strategi yang dilaksanakan oleh JKDM, hasil kutipan duti atau cukai kastam telah mengalami peningkatan sebanyak 7.4% atau RM2.1 bilion. Jika pada tahun 2010 kutipan cukai yang diperoleh adalah RM28.3 bilion, kutipan cukai pada tahun 2011 meningkat sehingga RM30.4 bilion. Ini merupakan pertama kalinya JKDM berjaya membuat kutipan melebihi RM30 bilion, meskipun dalam masa yang sama Kerajaan telah mengurangkan duti atau cukai terhadap beberapa kategori barangan yang diimport.

Dalam masa yang sama juga, kutipan cukai pendapatan yang dipungut oleh LHDN turut memperlihatkan kutipan peningkatan yang sangat memberangsangkan. Pada tahun 2010, LHDN membuat kutipan sebanyak RM86 bilion dan pada tahun 2011, buat pertama kalinya kutipan hasil oleh LHDN telah meningkat melebihi RM100 bilion, iaitu jumlah kutipan cukai pendapatan berjumlah RM109 bilion atau peningkatan sehingga 26%.

Rasuah Dalam Perolehan Syarikat Telekomunikasi Antarabangsa

SIASATAN SPRM ADALAH RENTETAN PENGAKUAN PIHAK ALCATEL DI AMERIKA SYARIKAT MENGENAI PEMBAYARAN WANG RASUAH KEPADA KONSULTAN DI NEGARA INI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT ‘*MARKETING REPORTS AND STUDIES*’ DAN ‘*STRATEGIC INTELLIGENCE REPORT ON CELCOM’S POSITIONING IN THE CELLULAR INDUSTRY*’. MAKLUMAT DARIPADA SURUHANJAYA SEKURITI DAN BURSA (SEC) AMERIKA SYARIKAT TURUT MENUNJUKKAN DUA PERUNDING DARI MALAYSIA TELAH DIBAYAR USD700,000 (RM2.1 JUTA) BAGI MENDAPATKAN ‘MAKLUMAT BUKAN AWAM’ BERKAITAN HARGA DAN BIDAAN PESAING-PESAING.

Sekitar Julai 2005, Telekom Malaysia (TM) Berhad telah meluluskan tender tertutup bagi projek perkhidmatan mudah alih 3G Celcom Malaysia dengan memanggil lima penender. Salah satu daripadanya ialah syarikat Alcatel-Lucent SA, sebuah syarikat peralatan telekomunikasi yang berpangkalan di Perancis. Celcom merupakan anak syarikat TM ketika itu. Alcatel kini dikenali sebagai Alcatel-Lucent selepas bergabung dengan Lucent Technologies pada Disember 2006 dan merupakan subsidiari kepada syarikat telekomunikasi Perancis itu.

Hasil Siasatan

Daripada keseluruhan siasatan yang dijalankan terhadap maklumat yang mengatakan bahawa wujud pembayaran sehingga USD700,000 atau RM2.1 juta kepada pihak-pihak tertentu, namun bukti dan keterangan sokongan yang diperoleh hanya kukuh untuk pertuduhan dibuat terhadap bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Serantau, syarikat telekomunikasi Alcatel Network (M) Sdn. Bhd. iaitu Radziah Ani. Beliau telah dihadapkan ke mahkamah dengan pertuduhan memberi suapan sebanyak RM25,000 kepada Penolong Pengurus Perolehan Telekom Malaysia (TM), Mohd Asri Idris pada 17 Februari 2006.

Wang rasuah ini diberi sebagai dorongan untuk mendapatkan maklumat mengenai tender “*The Supply, Delivery, Installation and Commissioning of Wideband Code Division Multiple Access (WDCMA) Mobile Communication System and Its Associated Equipment – Phase 1*”. Radziah yang kini merupakan Timbalan Pengurus Negara, ZTE Corporation telah dituduh di bawah seksyen 10(b)(bb) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Cadangan Disenarai Hitam

Susulan daripada pertuduhan berkenaan, SPRM telah membuat cadangan kepada pihak TM supaya mengambil tindakan menyenarai hitam serta menggantung operasi syarikat antarabangsa Alcatel-Lucent SA termasuk anak syarikatnya Alcatel-Lucent Malaysia Sdn. Bhd. kerana pengakuan yang telah dibuat oleh pihak Alcatel di Amerika Syarikat tersebut.

SPRM juga telah mencadangkan kepada Kerajaan agar menyenarai hitamkan serta menggantung operasi ke atas mana-mana syarikat tempatan mahupun syarikat antarabangsa yang diketahui atau didapati melakukan perbuatan rasuah dalam memperoleh kontrak perkhidmatan, pembekalan atau pembangunan sama ada daripada agensi kerajaan mahupun syarikat-syarikat milik kerajaan. Cadangan tersebut merupakan salah satu langkah pencegahan bagi mengelakkan jenayah yang sama berlaku pada masa akan datang.

Rasuah Dalam Projek Mega Iskandar Malaysia

“DENGAN KAWASAN MELEBIHI 2,200 KILOMETER PERSEGI, WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN MERUPAKAN PROJEK PEMBANGUNAN TERBESAR YANG PERNAH DIUSAHAKAN DI RANTAU INI. WILAYAH EKONOMI JOHOR SELATAN ADALAH INISIATIF NEGARA YANG AMAT PENTING BUKAN SAHAJA DARI SEGI KESEIMBANGAN PEMBANGUNAN, TETAPI KERANA IA JUGA MELAMBANGKAN POTENSI KEDUDUKAN NEGARA DALAM ERA GLOBALISASI DAN TEKNOLOGI TINGGI”.

Sedutan ucapan YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia semasa melancarkan Wilayah Ekonomi Johor Selatan atau kini dikenali sebagai Iskandar Malaysia pada 4 November 2006.

Iskandar Investment Berhad (IIB) merupakan syarikat yang majoriti saham utamanya dimiliki oleh Khazanah Nasional. Syarikat ini berperanan khusus untuk membangunkan projek pemangkin di wilayah Iskandar Malaysia dan bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). IIB bertanggungjawab membangunkan pelbagai projek besar dalam Iskandar Malaysia antaranya pembinaan infrastruktur, pusat pendidikan, kawasan perumahan, jalanraya, lebuh raya serta pusat riadah yang bernilai ratusan billion ringgit. Pembangunan Iskandar Malaysia secara berfasa sehingga tahun 2025 akan menjadi sebuah pusat pertumbuhan terbesar rantau ini dengan keluasannya tiga kali ganda daripada saiz Singapura.

Skandal Yang Terancang

Walau bagaimanapun, dalam usaha membangunkan sesuatu projek, terdapat pula segelintir atau sesetengah pihak yang melihat peluang yang terhidang untuk kepentingan dirinya. Siasatan terhadap Iskandar Investment Berhad (IIB) dijalankan kerana dipercayai berlaku penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah dalam perolehan kontrak beberapa projek pembangunan Iskandar Malaysia.

Skandal rasuah projek mega kerajaan yang melibatkan IIB ini disifatkan sebagai terancang berikutan wujudnya suatu rangkaian termasuk orang dalam IIB sendiri yang telah mendedahkan maklumat berkaitan kontrak beberapa projek Iskandar Malaysia kepada syarikat kontraktor terlibat. Orang tengah atau 'runner' digunakan untuk mengambil wang rasuah bagi pihak pegawai IIB dan pihak-pihak yang terbabit dalam skandal rasuah ini.

Tangkapan Suami Kepada Bekas CEO IIB

Siasatan SPRM telah berjaya membongkar sindiket tersebut dan telah membawa kepada penahanan beberapa individu termasuk pegawai kanan IIB. Di samping itu, tangkapan dan pertuduhan juga telah dibuat terhadap Mohd Amin Suhaimi, 52 tahun, iaitu suami kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IIB atas tiga kesalahan meminta dan menerima suapan di bawah seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009, membabitkan nilai keseluruhan suapan RM1.6 juta.

Tertuduh didakwa meminta dan menerima rasuah tersebut dengan tiga kali pembayaran antara RM316,900 hingga RM816,900 daripada syarikat Detect Engineering Sdn. Bhd., sebagai upah kononnya bagi membantu syarikat berkenaan mendapatkan tender Membina dan Menyiapkan Sekolah Berasrama Penuh di Daerah Johor Bahru yang bernilai RM40,845,000 daripada IIB.

Sementara itu, bekas Naib Presiden Kanan, Reka Bentuk dan Pelaksanaan Projek, IIB, Rostam Razali yang didakwa di mahkamah atas tuduhan membocorkan maklumat harga anggaran bidaan bagi tender satu projek pembinaan jalan, tiga tahun lalu telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM20,000 setelah mengaku bersalah atas tuduhan tersebut. Dia dituduh mendedahkan maklumat membina dan menyiapkan Pakej 3B iaitu projek persimpangan Jalan Abu Bakar kepada syarikat yang bakal memasuki tender, Kimlun Sdn. Bhd. menerusi Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sim Tian Liang, di pejabat IIB pada awal April 2008.

Dalam siasatan skandal projek mega Iskandar Malaysia ini, lebih 30 saksi termasuk dari Singapura, Switzerland, Pakistan, India dan Arab Saudi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan.



Keratan akhbar kes Iskandar Investment Berhad (IIB)

Skandal IM: Lebih 30 saksi dipanggil

ISKANDAR MALAYSIA

- SPRM telah memanggil lebih 30 saksi termasuk dari Singapura, Switzerland, Pakistan, India dan Arab Saudi untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan dalam skandal projek mega Iskandar Malaysia (IM).
- Saksi-saksi itu terdiri daripada pegawai-pegawai Iskandar Investment Berhad (IIB), ahli perniagaan, kontraktor, ahli politik, konsultan dan orang tengah.
- Difahamkan, SPRM menjalankan siasatan terhadap saksi-saksi dari luar negara ekoran terdapat maklumat turut wujud unsur rasuah di kalangan konsultan asing dalam projek itu.
- Difahamkan siasatan kes itu masih diteruskan dan dijangka beberapa lagi individu akan didakwa dalam masa terdekat.

BERITA PONDOK DE MUDA

Rasuah Dalam Percetakan Wang Kertas Polimer RM5

SIASATAN INI ADALAH SEIRING DENGAN SIASATAN YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA YANG LAIN TERMASUKLAH *FEDERAL BUREAU OF INVESTIGATION (FBI)*, *ROYAL CANADIAN MOUNTED POLICE (RCMP)*, *INDEPENDENT COMMISSION AGAINST CORRUPTION (ICAC)* HONG KONG, *UNITED KINGDOM'S SERIOUS FRAUD OFFICE (SFO)*, BIRO MENCEGAH RASUAH BRUNEI (BMR) DAN KOMISI PEMBERANTASAN KORUPSI INDONESIA (KPK)

Di bawah seksyen 22 (a) Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank Negara Malaysia (BNM) bertanggungjawab untuk menguruskan percetakan wang kertas serta memastikan bekalan mata wang sentiasa mencukupi di seluruh Malaysia. BNM telah mengadakan perjanjian dengan *Note Printing Australia Limited (NPAL)*, sebuah anak syarikat *Australia Reserve Bank* bagi percetakan wang kertas polimer RM5 bermula pada Disember 2003 sehingga Oktober 2007. Sepanjang tempoh tersebut, BNM telah membuat tempahan sebanyak 390 juta keping dan pembayaran yang telah dibuat adalah sebanyak RM95,000,178.32.

Bagi urusan perbincangan perolehan kontrak daripada BNM ini, *NPAL* telah melantik syarikat *Aksavest Sdn. Bhd (AKSB)*. Syarikat tersebut bertindak menjadi perantara di antara *NPAL* dengan BNM dalam perbincangan sehingga *NPAL* berjaya mendapat kontrak pencetakan wang kertas polimer RM5.

Pada bulan Mei 2010, SPRM menerima maklumat berkaitan perlakuan jenayah rasuah dalam urusan mendapatkan kontrak percetakan wang kertas polimer RM5. Sehubungan itu SPRM telah menjalankan siasatan secara bersepadu dengan mendapat kerjasama dari Polis Persekutuan Australia (AFP).

Pertuduhan Kepada Pemberi Dan Penerima Rasuah

Hasil siasatan mendapati pengarah syarikat *AKSB*, Abdul Kayum Syed Ahmad telah memberi wang rasuah sebanyak RM100,000 kepada Datuk Mohamad Daud Dol Moin, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) pada ketika itu, menerusi dua transaksi. Wang rasuah tersebut diberikan bagi memastikan *NPAL* memperoleh kontrak percetakan wang kertas polimer RM5 daripada BNM.

Pada 1 Julai 2011, SPRM telah menuduh Datuk Mohamad Daud Dol Moin, bekas Penolong Gabenor BNM atas dua pertuduhan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997, iaitu kerana kesalahan menerima wang suapan daripada Abdul Kayum berjumlah RM100,000 melalui dua transaksi berjumlah RM50,000 setiap satu.

Sementara itu, Abdul Kayum pula telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah seksyen 11(b) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana kesalahan memberi wang suapan berjumlah RM100,000 (RM50,000 bagi setiap transaksi) kepada Datuk Mohamad Daud bagi memperoleh kontrak percetakan wang kertas polimer RM5 untuk *NPAL*.



Keratan akhbar kes rasuah percetakan wang kertas polimer

Amalan Rasuah Oleh Bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kewangan II

MAKLUMAT YANG DITERIMA MENGATAKAN SEMASA SUSPEK MEMEGANG PORTFOLIO SEBAGAI SETIAUSAHA SULIT KANAN KEPADA YB MENTERI KEWANGAN II, DIPERCAYAI TELAH MENGGUNAKAN KEDUDUKANNYA UNTUK MEMINTA WANG RASUAH DALAM BENTUK KOMISEN DARIPADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR YANG MEMOHON PROJEK DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (*MOF*) BAGI MENDAPATKAN KELULUSAN PROJEK

Maklumat Perlakuan Rasuah Hasbie Satar

Bertindak atas maklumat yang diterima, SPRM telah menjalankan siasatan ke atas Hasbie Satar yang merupakan bekas Setiausaha Sulit Kanan kepada mantan Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Hasbie juga dipercayai telah menggunakan kedudukan dan hubungan rapatnya dengan Menteri Kewangan II untuk memilih dan memberikan tender kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh proksinya atau saudara maranya. Syarikat proksi didaftarkan di atas nama orang lain bagi mengelakkan dikesan oleh pihak berkuasa.

Siasatan Kesalahan Rasuah – Penemuan Wang Tunai Lebih Dua Juta Ringgit

Siasatan mendapati, kontraktor akan membuat bayaran wang rasuah sebanyak satu peratus apabila surat kelulusan *MOF* telah dikeluarkan. Dua peratus wang rasuah akan dibayar apabila surat niat telah dikeluarkan dan dua peratus lagi apabila kontraktor telah menerima surat tawaran daripada *MOF*. Pemeriksaan yang dibuat di rumah suspek di Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang telah membawa kepada penemuan wang tunai berjumlah RM2,134,656. Wang tersebut adalah dipercayai daripada hasil yang beliau peroleh melalui aktiviti rasuah dan pengubahan wang haram.

Lucuthak Harta Diperoleh Secara Rasuah

SPRM juga telah menyita sebuah rumah banglo yang terletak di Seri Kembangan, Selangor serta sebuah rumah kedai yang terletak di Diomand Complex, Bangi Business Park, Bandar Baru Bangi, Selangor yang dimiliki oleh syarikat proksi suspek. Kedua-dua aset yang dianggar bernilai RM4.6 juta itu telah dibeli oleh seorang kontraktor dan diberikan kepada Hasbie sebagai komisen ke atas projek rundingan terus Agensi Anti Dadah Kebangsaan daripada *MOF*.

Pertuduhan Pengubahan Wang Haram (*Money Laundering*)

Pada 10 Februari 2011, suspek telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613). Beliau didakwa telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memiliki wang berjumlah RM2,134,656 yang merupakan hasil daripada aktiviti rasuah di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Kesalahan telah dilakukan antara 16 April 2007 hingga 13 Ogos 2009 semasa suspek bertugas sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Kewangan II.

Pada 5 Mei 2011, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah memutuskan rumah banglo dan rumah kedai yang disita oleh SPRM dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

Penyelewengan Projek Hospital Shah Alam

MENERUSI RANCANGAN MALAYSIA KE-9 (RMK-9), PADA SEKITAR BULAN JULAI 2006, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA TELAH MELULUSKAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL SHAH ALAM (PAKEJ 2) SECARA RUNDINGAN TERUS KEPADA SUNSHINE FLEET SDN. BHD., SYARIKAT YANG MAJORITI SAHAMNYA DIMILIKI SALAH SEORANG KERABAT DIRAJA SULTAN SELANGOR DENGAN NILAI PROJEK BERJUMLAH RM482,600,000.

Pemilikan tapak projek oleh syarikat Sunshine Fleet Sdn. Bhd. (SFSB) bermula pada 15 November 2007 dan tempoh dijangka siap projek adalah 36 bulan atau tiga tahun. Pada bulan yang sama, SFSB melantik syarikat Isyoda Sdn. Bhd. (ISB) bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan hospital berkenaan dengan nilai sub-kontrak sebanyak RM451,231,000.

SPRM telah menerima maklumat bahawa salah seorang kerabat Diraja Sultan Selangor telah menerima rasuah sebanyak RM2 juta daripada seorang pengarah sebuah syarikat bergelar 'Datuk'. Pemberian rasuah itu adalah sebagai balasan kepada SFSB mengeluarkan surat persetujuan untuk menyerahkan projek pembinaan Hospital Shah Alam kepada subkontraktornya.

Meskipun siasatan terperinci daripada segenap ruang sudah dilakukan, SPRM tidak mempunyai bukti yang cukup untuk menuduh mana-mana pihak di mahkamah. Namun, SFSB tetap dikenakan tindakan tegas apabila ditamatkan kontrak oleh Kementerian Kerja Raya berikutan kegagalan menepati jadual siap projek pembinaan hospital tersebut. Sementara semua ahli Lembaga Pengarah syarikat juga disenaraihitamkan.

Semasa siasatan dijalankan, SPRM mendapati seorang pegawai kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menerima wang rasuah dan barangan berharga bernilai RM50,000 daripada SFSB sebagai balasan memudahkan pentadbiran dalam urusan kerja bagi kontrak Pakej 1 dan 2 Hospital Shah Alam.

Pegawai tersebut merupakan Jurutera Kanan bergred J54 merangkap Pengarah Projek yang bertanggungjawab mengendali dan menyelia projek serta membuat syor tuntutan bayaran untuk kontraktor utama. SPRM mendapati terdapat keterangan yang cukup untuk menuduh beliau di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan. Oleh kerana beliau menghadapi penyakit kanser yang serius, pendakwaan terhadap beliau ditangguhkan dan kini beliau telah meninggal dunia.

Rasuah Dan Penyelewengan Dalam Amanah Raya Berhad

AMANAH RAYA BERHAD (ARB) YANG BERPENGALAMAN LEBIH 85 TAHUN MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA MASYARAKAT MUNCUL SEBAGAI SYARIKAT PERAMANAHAN DAN PERWARISAN YANG UTAMA DI MALAYSIA. SYARIKAT INI MENAWARKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN MELIPUTI PENTADBIRAN HARTA PUSAKA BERWASIASI DAN TIDAK BERWASIASI, PENULISAN, PENYIMPANAN DAN PELAKSANAAN WASIASI SERTA PENGURUSAN PELBAGAI AKAUN AMANAH BAGI KEPENTINGAN BENEFISIARI TERTENTU MENGIKUT HASRAT PELANGGAN. PERKHIDMATAN DISEDIAKAN SENTIASA MEMBERI JAMINAN KEWANGAN YANG OPTIMUM KEPADA SETIAP BENEFISIARI DAN AHLI WARIS YANG BERHAK.

Dalam menjalankan tanggungjawab membantu masyarakat berkaitan perancangan dan pengurusan harta pusaka bagi memastikan kepentingan waris-waris sentiasa terpelihara, terjamin dan dilindungi secara profesional, pegawai dan kakitangan yang bertugas di ARB seharusnya memiliki nilai integriti dan jati diri yang tinggi ketika menjalankan tugas diamanahkan.

Siasatan SPRM dengan kerjasama pihak Amanah Raya Berhad telah membongkar satu sindiket memalsukan dan menggunakan Surat Kuasa Mentadbir bagi membolehkan bayaran pampasan tanah bernilai RM1.6 juta dibuat kepada suspek oleh ARB.

Penyelewengan tersebut berkaitan tanah si mati diambil milik oleh kerajaan untuk melaksanakan projek kerajaan. Setelah tanah berkenaan diambil milik, kerajaan membayar pampasan RM1.6 juta kepada pemiliknya dan oleh kerana pemilik sudah meninggal dunia pampasan itu diserahkan kepada ARB untuk dikembalikan kepada waris yang berhak.

Dalam siasatan kes ini, lima suspek ditahan dan salah seorang daripada mereka adalah perancang utama sindiket yang bertugas sebagai Pegawai Am Rendah di ARB. Suspek ini menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan setiap maklumat berkaitan harta pusaka si mati.

Suspek juga telah bersembunyi dengan seorang bekas kakitangan mahkamah bagi memalsukan Surat Kuasa Mentadbir agar pampasan tersebut dibayar ke akaun yang dibuka oleh ahli sindiket berkenaan.

Hasil perancangan rapi dan tanpa disedari, ARB telah membuat pembayaran RM1.6 juta berkenaan ke akaun salah seorang ahli sindiket. Seterusnya, wang itu dipindah keluar melalui beberapa transaksi pengeluaran serta dipindah masuk ke akaun peribadi ahli-ahli sindiket. Wang haram tersebut telah digunakan untuk membeli sebuah rumah bernilai lebih kurang RM500,000 serta dua kereta jenis *Honda Jazz* dan *Nissan Elgrand* selain mengubahsuai rumah.

Rasuah Dan Bola Sepak Negara

MENYOROT SEJARAH HITAM GEJALA RASUAH DAN MENGATUR PERLAWANAN YANG MELUMPUHKAN ARENA BOLA SEPAK NEGARA PADA TAHUN 1994. PADA WAKTU ITU, GEJALA INI HANYA MENYERANG PEMAIN-PEMAIN SENIOR SAHAJA. NAMUN KINI PEMAIN-PEMAIN MUDA YANG DIANGGAP PEMAIN PELAPIS NEGARA TURUT TERJEBAK DENGAN GEJALA INI YANG MULA MENCEMARI SAINGAN LIGA SIMPANAN, KEJOHANAN UNTUK PEMAIN-PEMAIN DI BAWAH 21 TAHUN BAGI MEREbut PIALA PRESIDEN.

Siasatan SPRM berjaya membongkar dua kes rasuah bola sepak dan menjual perlawanan semasa kejohanan merebut Piala Presiden yang membabitkan pasukan Negeri Sembilan dan T-Team. Seterusnya, pertuduhan telah dibuat ke atas tiga individu iaitu seorang ketua jurulatih, jurulatih penjaga gol dan seorang *bookie*.

Rasuah Dalam Pasukan Bola Sepak Negeri Sembilan

Pada 28 Mei 2011, Ketua Jurulatih Skuad Liga Simpanan Negeri Sembilan, Yusarman Yusof dihadapkan di mahkamah atas 21 pertuduhan di bawah seksyen 16 (b)(A) Akta SPRM 2009 kerana memberi rasuah sebanyak RM24,900 kepada pemain-pemainnya pada 21 April 2011. Penahanan bekas pemain bola sepak itu menjadi kes pertama membabitkan jurulatih di negara ini yang dihadapkan ke mahkamah kerana rasuah bola sepak.

Tertuduh bersama dua lagi *bookie* yang masih bebas didakwa memberi suapan RM300 setiap seorang kepada sembilan pemain. Wang rasuah itu adalah sebagai dorongan bagi membantu dan memberi peluang pemain *SDM Navy* (Pulau Pinang) menjaringkan gol apabila mendapat isyarat daripada *bookie* dalam satu perlawanan Piala Presiden di Stadium Bertam, Pulau Pinang. Antara isyarat diberi, pemain Negeri Sembilan perlu menjaringkan gol jika melihat *bookie* memakai topi putih dan pemain serta penjaga gol perlu melepaskan gol bila *bookie* mengenakan topi merah.

Rasuah Dalam Pasukan Bola Sepak T-Team Terengganu

Amalan rasuah dalam pasukan ini dikenal pasti berlaku dalam tahun 2010. Sepanjang tahun tersebut, pasukan T-Team bermain 18 perlawanan Piala Presiden dan daripada jumlah itu, tiga perlawanan dikenal pasti telah diatur keputusannya. Kegiatan rasuah ini didalangi seorang *bookie* warganegara Singapura iaitu Rajendran a/l Kurusamy (51 tahun) yang juga merupakan seorang ahli perniagaan.

Tiga perlawanan tersebut adalah seperti berikut:

- Pasukan T-Team Terengganu menentang pasukan Pahang di Kuantan. Jurulatih penjaga gol iaitu Sufian Ngah (41 tahun) yang mewakili *bookie* telah memberi wang rasuah di antara RM500 dan RM1,500 kepada enam pemain T-Team. Wang rasuah tersebut diberi sebagai upah kepada pemain untuk mengatur perlawanan tersebut.



- ii. Pasukan T-Team Terengganu menentang pasukan Selangor. Bagi perlawanan ini, *bookie* (Rajendran) telah memberikan rasuah berbentuk wang tunai sebanyak RM200 kepada enam pemain T-Team sebagai upah untuk mengatur perlawanan tersebut.
- iii. Pasukan T-Team Terengganu menentang pasukan Negeri Sembilan. Bagi perlawanan ini, *bookie* (Rajendran) telah memberikan wang rasuah antara RM2,000 hingga RM7,000 kepada lima pemain T-Team sebagai upah untuk mengatur perlawanan tersebut. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM23,000.

Pada 15 Jun 2011, Rajendran dituduh di Mahkamah Shah Alam di atas enam kesalahan dan di Mahkamah Seremban di atas lima kesalahan. Manakala Sufian telah dituduh di Mahkamah Kuala Terengganu di atas enam kesalahan rasuah. Semua pertuduhan adalah di bawah seksyen 17(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 iaitu kesalahan memberi suapan kepada pemain pasukan T-Team Terengganu untuk mengatur perlawanan bagi Piala Presiden.



Bookie didakwa rasuah pemain



MORAWAZNI YUSOF

SHAH ALAM - Seorang bookie wang Singapura dituduh di Mahkamah Sesiapan di sini, semalam bagi tuduhan memberi wang rasuah kepada pemain bola sepak T-Team, Piala Presiden Terengganu. R. K. Rajendran, 51, yang juga seorang ahli perniagaan didakwa memberikan sejumlah suapan berjumlah wang RM2,000 kepada setiap...



Banteras rasuah misi utama FAM

ANGIN sepoi kemudi akan kembali melanda liga bola sepak tempatan yang pernah merontokkan nilai rakan itu Malaysia akan terus dibanteras Peratuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dengan kawadanan dan ia dimulakan pada pertandingan final Piala FA, malam ini. Pada pertemuan Kelantan menentang Terengganu, FAM akan memulakan kempen 'Integriti' dengan permainan pemain daripada kedua-dua pasukan akan memaklumkan lilitan integriti di lengan mereka selain memaparkan sepanduk sebelum perlawanan bermula nanti sebagai tanda memikat semua peminat...



KE Tuk pasukan Kelantan, Mohd Badri Karti (kiri) dan Marzuki Yusoff (kanan) turut jayakan kempen integriti dalam bola sepak. "Ia akan dilaksanakan pada perlawanan malam ini dan akan diteruskan pada semua pertandingan selepas ini yang membolehkan FAM," kata Timbalan Presiden FAM, Tan Sri Azhar Muzi pada pelancaran kempen itu, semalam. "Kempen ini adalah inisiatif FAM sebagai komitmen memerangi segala gejala rasuah di samping membezakan integriti di kalangan pemain bola sepak yang berusaha memajukan realisme sukan ini lebih tinggi."

Football coach charged

Sufian pleads not guilty to six counts of match-fixing

KUALA TERENGGANU: A coach of Terengganu President's Cup football team was slapped with six counts of match-fixing at a Sessions Court here. Sufian Nabil, 41, was charged with giving bribes to six T-Team players with the intention of fixing the match against the Pahang President's Cup team. He had allegedly given bribes amounting to RM500 each to four players and RM1,500 to two players to fix the match between T-Team and Pahang. The incident occurred at a house in Kampung Hulu Takis, Jalan in March last year. The four players said to be given RM500 were Mohd Nadzir, Muhammad, Mohd Aswan Husain, Mohd Haniffam Muda and Mohd Hafiz Abdul Nour. The two each allegedly received RM1,500 and Muhammad Shariquddin. The offence under Section 16(b) (a) of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009, carries not less than a 30-year imprisonment and five times the bribe amount or RM10,000, whichever is higher, upon conviction. The accused pleaded not guilty to the charges. Senior Court judge Zainal Amin Kamarudin set June 30 for a sory. MACC DEPT Wan Syafiqah Shabudin prosecuted while the accused was not represented.

Keratan akhbar kes rasuah bola sepak

Rasuah, Penyelewengan Serta Penyeludupan Bahan Subsidi Dan Barang Kawalan

MALAYSIA ADALAH NEGARA YANG PALING BANYAK MEMBERI SUBSIDI KEPADA RAKYATNYA IAITU 54% DARIPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK). MENURUT LAPORAN EKONOMI 2010/2011 KEMENTERIAN KEWANGAN, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN SEBANYAK RM200.9 BILION SEJAK TAHUN 2006 HINGGA 2010 BAGI MERINGANKAN BEBAN RAKYAT

Sepanjang tahun 2011, SPRM telah menjalankan beberapa operasi bagi membongkar sindiket penyeludupan di pintu-pintu masuk negara. Kaedah perisikan dilaksanakan bagi memperoleh dan mengumpul maklumat mengenai sindiket yang menyebabkan kebocoran pintu masuk negara. Antara lokasi 'lubuk emas' yang menjadi sasaran operasi SPRM adalah di Sarawak, Sabah, dan Rantau Panjang, Kelantan.

Sindiket Penyeludupan Di Sarawak

Pos Pemeriksaan Tebedu (sempadan antara Sarawak dan Kalimantan Barat, Indonesia) merupakan salah satu pintu masuk ke Malaysia. Pintu masuk ini dijadikan pusat penyeludupan barang-barang kawalan bersubsidi seperti minyak masak, gas memasak dan gula oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Hasil risikan melalui 'Ops Kawal' yang telah dijalankan mendapati terdapat beberapa buah lori dari Indonesia melepasi *check point* negara tanpa dikenakan sebarang pemeriksaan. Lori-lori tersebut bertujuan untuk mengangkut kontena-kontena yang diletakkan di kompleks *Customs Immigration Quarantine (CIQ)* di sempadan negara. Kontena-kontena ini diisi dengan barangan bersubsidi seperti minyak masak, gas memasak dan gula.

Kejayaan Operasi

Dalam operasi yang dijalankan pada bulan Julai 2011, seramai lapan individu telah ditangkap iaitu seorang pegawai Jabatan Kastam, lima orang awam dan dua orang warga Indonesia. Kesemua individu ini telah disiasat di bawah seksyen 135(1)(e), Akta Kastam 1967 kerana terlibat dalam penyeludupan barangan berduit.

Daripada lapan orang yang ditangkap, empat daripadanya telah dituduh di Mahkamah Majistret Petra Jaya, Kuching, Sarawak, tiga orang lagi dijadikan saksi pendakwaan dan seorang pegawai Kastam disyorkan untuk diambil tindakan jabatan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002).

Keempat-empat tertuduh yang didakwa telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman seperti berikut:

- i. Tertuduh pertama didenda sebanyak RM135,000
- ii. Tertuduh kedua didenda sebanyak RM5,000 dan dipenjarakan 12 bulan.
- iii. Tertuduh ketiga didenda sebanyak RM5,000 dan dipenjarakan 12 bulan.
- iv. Tertuduh keempat didenda sebanyak RM35,000

Selain itu, SPRM turut menyita 268 silinder gas memasak (LPG), 4000 kg gula, 816 kg minyak masak dan dua lori *bonded* serta sebuah lori 10 tan. Kesemua barangan yang disita ini telah dilucuthak di bawah seksyen 127, Akta Kastam 1967.

Sindiket Penyeludupan Di Sabah

Pegawai penguatkuasa dan beberapa individu dipercayai mendalangi kegiatan penyelewengan jualan minyak diesel bersubsidi di sekitar Sandakan, Sabah. Kerajaan telah menetapkan harga diesel bersubsidi sebanyak RM1.16 seliter kepada para nelayan. Walau bagaimanapun, pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah menjual minyak diesel bersubsidi pada harga RM1.80 seliter kepada pihak industri, sedangkan harga diesel industri (tanpa subsidi) adalah RM2.60 seliter.

Hasil risikan melalui Ops Legend mendapati terdapat empat 'players' besar yang terlibat dalam kegiatan membeli dan menjual minyak diesel bersubsidi ini. Pihak penguatkuasa dikatakan menutup sebelah mata dan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap kesalahan yang telah dilakukan.

Kejayaan Operasi

Berdasarkan maklumat risikan yang dijalankan, serbuan telah dilakukan dan mendapati minyak di dalam lori tangki untuk edaran kepada nelayan telah dipindahkan ke dalam lori tangki milik syarikat swasta. Kegiatan ini berlaku semasa dalam perjalanan ke jeti-jeti nelayan. Ini terbukti dengan penemuan paip dan pam yang telah siap dipasang untuk kerja-kerja menyedut dan memindahkan minyak diesel. Hasil daripada operasi ini, seramai 13 orang telah ditangkap dan empat orang telah dituduh di Mahkamah Majisteret Sandakan, Sabah iaitu:

- i. Dua orang pengusaha sebuah syarikat yang mempunyai lesen *Petroleum Development ACT (PDA)* sebagai kebenaran untuk mengedar petrol ke *Point of Sale (POS)*;
- ii. Seorang pemandu lori tangki minyak diesel; dan
- iii. Seorang orang awam yang menjadi dalang utama dalam kes penyelewengan minyak disel.

Manakala sembilan orang lagi yang ditangkap telah diambil tindakan seperti berikut:

- i. Empat orang dijadikan saksi bagi pihak pendakwa; dan
- ii. Lima orang telah dibebaskan kerana tidak dapat dibuktikan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Tiga daripada empat yang dituduh telah didakwa dan mengaku bersalah seperti berikut:

- i. Kedua-dua pengusaha syarikat didakwa di bawah seksyen 22(2), Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki tiga tong drum yang mengandungi 600 liter petrol berjumlah RM1,140 tanpa memiliki lesen *Control Supply Act (CSA)*. Mereka telah didenda sebanyak RM10,000 dan Wang Lepas Bon bagi tiga tong drum berjumlah RM1,140 berjaya dilucuthakkan.
- ii. Seorang pemandu lori tangki didakwa di bawah seksyen 381, Kanun Keseksaan. Tertuduh ini telah didenda RM4,500 (atau penjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda) dan dijatuhkan juga hukuman penjara selama tujuh hari.
- iii. Seorang lagi tertuduh iaitu dalang utama dalam kes penyelewengan ini tidak mengaku salah di bawah seksyen 407 Kanun Keseksaan. Kes ini masih lagi di peringkat perbicaraan.

Di samping itu, SPRM turut menyita empat lori tangki dengan muatan 10,000 liter minyak diesel, sebuah lori tangki dengan muatan 20,000 liter minyak diesel, dua buah *skid tank* dengan muatan 10,000 liter, satu pam minyak, tiga tong drum petrol dan 67,000 liter minyak diesel serta 600 liter petrol. Kenderaan yang disita telah diberikan bon sebanyak RM30,000 setiap satu. Sebuah lori telah berjaya dilucuthak manakala yang selebihnya masih dalam proses untuk dilucuthakkan. Ini bertujuan bagi memastikan supaya kenderaan yang turut digunakan dalam aktiviti haram dirampas dan tidak lagi dapat digunakan semula bagi menjalankan aktiviti haram seterusnya.

MACC busts cooking gas syndicate

NIBONG TEBAL: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) has smashed a syndicate selling subsidised cooking gas to industries during a simultaneous raid at two locations in Sungai Bakap here. On Tuesday, MACC and Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism Ministry officers raided a store at the Kampung Lima Kongsi oil palm estate and a house at Taman Ketitir and seized 563 liquefied petroleum gas (LPG) cylinders from the premises. Also seized were two lorries. State MACC director Datuk Latipah Md Yatim said the syndicate was believed to have bought cooking gas at the subsidised rate and transferred them into the cylinders before selling them.

Keratan akhbar kes penyeludupan barang kawalan

Penyeludupan Melalui Rantau Panjang – Sungai Golok

Aktiviti perisikan bagi mengesan penyeludupan ini dilakukan sejak tahun 2009 lagi. Penyeludupan barangan larangan seperti beras Siam dan pakaian berjenama tiruan didapati bergerak aktif di sekitar Rantau Panjang – Sungai Golok. Kenderaan yang digunakan oleh penyeludup telah diubahsuai bagi memudahkan barangan diseludup masuk ke negara ini melalui Kompleks CIQ, Rantau Panjang.

Sepanjang pemerhatian dibuat, lebih 30 kenderaan penyeludup melalui sekatan jalan raya yang dikendalikan oleh Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di Lubok Setol di antara jam enam hingga lapan pagi setiap hari. Kali ini, SPRM tidak menjalankan operasi secara bersama dengan agensi-agensi penguatkuasa lain memandangkan terdapat maklumat yang mengatakan bahawa segelintir anggota dan pegawai agensi terbabit telah menerima rasuah untuk melindungi kegiatan penyeludupan berkenaan.

Hasil Operasi

Operasi yang dijalankan pada bulan Disember 2011 ini menyaksikan seramai 10 orang penjawat awam yang terdiri daripada lima anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), tiga pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang terbabit telah ditangkap kerana menerima rasuah antara RM10 hingga RM150. Selain itu, sepucuk pistol angin dan wang tunai berjumlah RM7,550 telah disita kerana merupakan wang rasuah yang telah diterima daripada para penyeludup pada hari operasi dijalankan.

Tiga daripada mereka telah dituduh di Mahkamah Sesyen Pasir Mas, Kelantan pada 22 Disember 2011 di bawah Akta SPRM 2009 dan Kanun Keseksaan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Ketiga-tiga mereka tidak mengaku bersalah dan minta untuk dibicarakan. Manakala tujuh yang lain dikemukakan cadangan untuk tindakan tatatertib oleh jabatan masing-masing.

Keratan akhbar kes penyeludupan barang kawalan



Bantuan Dan Kerjasama Agensi Pencegahan Rasuah Antarabangsa

“KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM MEMERANGI RASUAH AMAT PENTING KERANA KAJIAN YANG DIJALANKAN MENDAPATI MEREKA YANG MELAKUKAN RASUAH CENDERUNG MENYEMBUNYIKAN DIRI ATAU LABA YANG DIPEROLEH SECARA SALAH ITU DALAM BIDANG KUASA ASING”.

“UNDANG-UNDANG ATAU INISIATIF BERSAMA ANTARABANGSA MENGENAI BANTUAN PERUNDANGAN, EKSTRADISI DAN ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM AKAN HANYA BERKESAN JIKA NEGARA-NEGARA KOMITED UNTUK SALING MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN”

Petikan daripada teks ucapan YAB Perdana Menteri yang dibacakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Seminar Serantau “Mencegah Rasuah” Inisiatif Pencegahan Rasuah Bagi Asia dan Pasifik, Bank Pembangunan Asia/Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi yang ke-10 pada 23 September 2011.

Rasuah merupakan jenayah yang melangkaui sempadan negara. SPRM dan agensi-agensi penguatkuasaan di luar negara saling membantu dalam memastikan penjenayah rasuah dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya. Bagi melaksanakan siasatan yang melibatkan negara lain, Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 (MACMA) dipraktikkan sepenuhnya oleh SPRM.

Bentuk kerjasama antara SPRM dan agensi luar negara ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- i) Membantu dalam siasatan kes SPRM yang melibatkan saksi atau keterangan-keterangan lain di luar negara. Bantuan termasuklah:
- mendapatkan/peroleh maklumat;
 - mendapatkan/peroleh keterangan (seksyen 8 MACMA 2002);
 - permintaan seseorang hadir ke Malaysia (seksyen 9 MACMA 2002);
 - urusan pelucuthakan/penyitaan harta (seksyen 13 MACMA 2002);
 - mengesan saksi/OKT (seksyen 14 MACMA 2002); dan
 - penyampaian apa-apa proses perundangan (seksyen 15 MACMA 2002).

ii) Memberi bantuan kepada agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah dari luar negara untuk:

- bantuan dari luar negara oleh SPRM;
- pengesahan/perolehan maklumat;
- membekal keterangan (seksyen 22 MACMA 2002);
- permintaan penggeledahan dan penyitaan (seksyen 35 & 36 MACMA 2002);
- bantuan mengesan saksi/OKT (seksyen 39 MACMA 2002);
- bantuan penyampaian apa-apa proses perundangan (seksyen 40 MACMA 2002);
- urusan pelucuthakan (seksyen 31 & 32 MACMA 2002);
- ektradisi; dan
- urusan membawa saksi/OKT ke Malaysia (Akta Ektradisi 1992).

Dalam usaha pembanteras rasuah sepanjang tahun 2011, SPRM telah menjalin kerjasama dengan banyak agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah, antaranya Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei, Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia, *Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB)* Singapura dan *National Counter Corruption Commission (NCCC)* Thailand. Kerjasama ini membolehkan beberapa kes rasuah melangkaui sempadan negara dapat diselesaikan. Usaha sama ini juga memberi amaran kepada perasuah bahawa mereka tetap diburu walau cuba melarikan atau menyembunyikan diri ke negara lain. Jalanan hubungan yang erat ini banyak memberikan faedah kepada Malaysia dan negara-negara terlibat.

STATISTIK OPERASI

Operasi SPRM melibatkan aktiviti-aktiviti utama dan teras SPRM sebagai agensi penguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah. Antara pelaksanaan tugas dan tanggungjawab ini termasuklah aspek pengurusan maklumat, perisikan, penyiasatan dan pendakwaan. Ini semua dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Rekod & Teknologi Maklumat, Bahagian Perisikan, Bahagian Siasatan dan Bahagian Perundangan & Pendakwaan.

Pada 2011, SPRM telah menerima sebanyak 6,475 maklumat yang berunsur rasuah berbanding 5,646 maklumat tahun 2010. Daripada kesemua maklumat berunsur rasuah yang diterima, sebanyak 1,304 (24.5%) maklumat sahaja yang menepati kriteria untuk dijalankan siasatan terbuka melalui Kertas Siasatan (KS) iaitu memenuhi kriteria 'dapat bertindak' dan 'dapat dikesan'.

Sebanyak 4,020 maklumat yang tidak memenuhi kedua-dua ciri tersebut telah diambil tindakan lain seperti dibuka Kertas Penyiasatan Awal (KPA), Kertas Risikan (KR), Kertas Projek (KP), Sampul Kecil (SK), Kertas Intipan (KI), Pemerhatian Sulit, Operasi Bersama, Operasi Mengejut, Fail Profil Individu atau Organisasi dan Sampul Risikan. Manakala, sejumlah 1,151 maklumat tidak diambil apa-apa tindakan lanjut (NFA) kerana maklumat yang diterima adalah terlalu umum, tidak mempunyai sasaran yang jelas dan pengadu tidak dapat dihubungi untuk tindakan lanjut. Tindakan yang diambil terhadap maklumat adalah seperti di **Jadual 1**.

Daripada 1,304 KS yang dibuka dalam tahun 2011, sebanyak 967 (74.2%) KS telah berjaya disiapkan dalam tahun semasa, manakala sebanyak 337 (25.8%) KS, terutamanya yang dibuka dalam bulan November dan Disember 2011 masih dalam tindakan siasatan. Merujuk kepada **Jadual 2**, 67.9% Kertas Siasatan berjaya disiapkan dalam tempoh satu hingga tiga bulan dan 92.0% berjaya diselesaikan dalam tempoh enam bulan.

Jadual 1: Tindakan Diambil Terhadap Maklumat Yang Diterima

| BIL | MAKLUMAT BERUNSUR RASUAH | JUMLAH |
|--------|---|--------|
| 1 | Buka Kertas Siasatan (KS) | 1,304 |
| 2 | Buka Kertas Penyiasatan Awal (KPA) | 1,491 |
| 3 | Buka Kertas Risikan (KR) | 1,541 |
| 4 | Sampul Kecil (SK) | 43 |
| 5 | Kertas Projek (KP)/ Intip (KI)/ Pemerhatian Sulit/ Operasi Bersama/ Operasi Mengejut/Profil Individu/ Organisasi/ Sampul Risikan | 945 |
| 6 | Tiada Tindakan Lanjut (NFA)* | 1,151 |
| JUMLAH | | 6,475 |


* NFA - No Further Action

Jadual 2: Tempoh Penyediaan Kertas Siasatan

| TEMPOH PENYIAPAN | 2010 | | 2011 | |
|------------------|---------|------|--------|------|
| | Bil. KS | % | Bil KS | % |
| < 1 bulan | 252 | 28.0 | 215 | 22.2 |
| 1-3 bulan | 325 | 36.1 | 442 | 45.7 |
| 4-6 bulan | 213 | 23.7 | 233 | 24.1 |
| 7-9 bulan | 72 | 8.0 | 69 | 7.1 |
| 10-12 bulan | 38 | 4.2 | 8 | 0.8 |
| JUMLAH | 900 | 100 | 967 | 100 |

Seramai 918 orang telah ditangkap pada tahun 2011 berbanding 944 orang pada tahun 2010 dengan penurunan sebanyak 3%. Statistik dan pecahan tangkapan mengikut kumpulan adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1: Pecahan Tangkapan Mengikut Kumpulan




Seramai 413 orang ditangkap kerana melakukan kesalahan menerima rasuah berbanding tahun 2010 seramai 380 orang. Manakala itu, 419 orang pula ditangkap atas kesalahan memberi rasuah pada tahun 2011 berbanding seramai 430 orang pada tahun 2010. Penurunan ini merupakan satu indikator mengenai keberkesanan 'Kempen Perangi Pemberi Rasuah' yang dimulakan pada tahun 2010. Seramai 41 orang pula ditangkap kerana mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi butiran palsu dalam tahun 2011 berbanding tahun 2010 seramai 84 orang iaitu penurunan sebanyak 51%.

Sementara tangkapan ke atas kesalahan salahguna kedudukan meningkat pada tahun 2011 iaitu 17 orang pegawai awam ditangkap berbanding tahun 2010 hanya seorang. Seramai dua orang ditangkap pada tahun 2011 kerana kesalahan pengubahan wang haram manakala empat orang ditangkap pada tahun 2010. Manakala 26 orang lagi ditangkap pada tahun 2011 atas lain-lain kesalahan antaranya menghalang penyiasatan dan penggeledahan, memberi pernyataan palsu kepada pegawai Suruhanjaya atau Pendakwa Raya, bersubahat, pelucuthakan harta serta lain-lain kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.

Pecahan tangkapan mengikut jenis kesalahan adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2: Pecahan Tangkapan Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2011




Laporan SPRM - Tindakan Tatatertib

Selain tindakan mendakwa pesalah rasuah di mahkamah, SPRM juga bertanggungjawab mengemukakan Laporan SPRM kepada Ketua Jabatan/Agensi bagi tujuan perakuan tindakan tatatertib terhadap penjawat awam yang didapati melakukan pelanggaran tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan tatatertib lain yang berkuatkuasa. Bagi tahun 2011 sahaja, sejumlah 315 Laporan SPRM telah diedarkan kepada Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan dengan perakuan tindakan tatatertib atas pelbagai pelanggaran tatatertib berbanding tahun 2010 sebanyak 350 laporan iaitu penurunan sebanyak 10%.

Pecahan Laporan SPRM yang dikemukakan kepada Ketua Jabatan mengikut kategori adalah seperti di **Carta 3**. Manakala pecahan jenis kesalahan pelanggaran tatatertib adalah seperti di **Jadual 3**.

Carta 3: Laporan SPRM Yang Diedar Mengikut Kategori



Jadual 3: Jenis Kesalahan Perlanggaran Tatatertib

| BIL | BENTUK KESALAHAN | TAHUN | |
|--------|--|-------|------|
| | | 2010 | 2011 |
| 1 | Mengemukakan tuntutan palsu atau pengesahan yang mengandungi butiran palsu | 72 | 36 |
| 2 | Tidak melaksanakan tugas dan menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri | 204 | 192 |
| 3 | Menyelenggara taraf kehidupan yang melebihi emolumen dan pendapatan persendirian yang sah dan gagal membuat pengistiharan harta. | 3 | 2 |
| 4 | Bersikap tidak jujur, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, cuai, melakukan penyelewengan dan kurang cekap dalam melaksanakan tugas-tugas yang melibatkan kewangan jabatan, tidak mengikut dan mematuhi prosedur jabatan (ingkar perintah) | 51 | 71 |
| 5 | Terima hadiah, keraian, meminjam wang/ keberhutangan yang serius | 16 | 10 |
| 6 | Melibatkan diri dalam perniagaan luar dan mengambil bahagian dalam politik | 4 | 4 |
| JUMLAH | | 350 | 315 |

Pada tahun 2011, sejumlah 211 keputusan tindakan tatatertib daripada Ketua Jabatan/ Agensi telah diterima berbanding 219 keputusan diterima pada tahun 2010 sebagaimana di **Jadual 4**.

Daripada jumlah 211 keputusan yang diterima pada tahun 2011, hukuman amaran merupakan kategori hukuman ringan yang paling banyak dikenakan iaitu sebanyak 68 (32.2%) berbanding hukuman sama seperti tahun 2010 sebanyak 94 (42.9%) hukuman. Hukuman ringan sedemikian dilihat tidak mencerminkan hasrat sebenar Kerajaan dalam memastikan Perkhidmatan Awam benar-benar bersih dan bebas daripada segala amalan negatif.

Namun demikian, dalam tempoh yang sama terdapat juga hukuman berat telah dikenakan iaitu melibatkan 10 (4.7%) kes berkeputusan dengan buang kerja dan dua (0.9%) kes berkeputusan dengan turun pangkat.

Jumlah tersebut mewakili hanya 5.6% daripada jumlah keseluruhan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas kesalahan tatatertib yang diperakukan.

Terdapat juga Pihak Berkuasa Tatatertib yang mengenakan hukuman lain selain daripada yang disenaraikan di bawah Peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu sebanyak 94 (39.3%) hukuman pada tahun 2011 dan 68 (26.1%) pada tahun 2010.

Lain-lain keputusan adalah merangkumi, ditamatkan kontrak (1), diberhentikan menjadi sukarelawan polis (2), dilucutkan keahlian RELA (3), telah meletakkan jawatan (3), surat teguran (17), amaran pentadbiran (94), telah bersara wajib (11), telah meninggal dunia (2), tiada kes *prima facie* (6) dan NFA (21).

Jadual 4: Bentuk Hukuman Tatatertib Yang Dikenakan Ke Atas Penjawat Awam

| BIL | HUKUMAN | 2010 | | 2011 | |
|-----|--------------------------|------|------|------|------|
| | | BIL | % | BIL | % |
| 1 | Amaran | 94 | 36.2 | 68 | 28.5 |
| 2 | Denda | 18 | 6.9 | 13 | 5.4 |
| 3 | Lucut hak emolumen | 0 | 0 | 5 | 2.1 |
| 4 | Tanggung pergerakan gaji | 23 | 8.8 | 8 | 3.4 |
| 5 | Turun gaji | 13 | 5.0 | 16 | 6.7 |
| 6 | Turun pangkat | 3 | 1.2 | 2 | 0.8 |
| 7 | Buang kerja | 12 | 4.6 | 10 | 4.2 |
| 8 | Bebas | 27 | 10.4 | 23 | 9.6 |
| 9 | Celaan | 2 | 0.8 | 0 | 0 |
| 10 | Lain-lain | 68 | 26.1 | 94 | 39.3 |
| | JUMLAH | 260 | 100 | 239 | 100 |

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

“Special courts within the normal court system could be designated to deal with corruption cases. These courts would provide a forum for the speedy disposal of corruption cases and would develop an expertise allowing them to deal with such cases more efficiently.

A specialised unit of the public prosecutor to deal with corruption cases should be considered. The obvious advantage of such a unit acquiring an expertise in handling corruption cases is the resulting speed and efficiency. Given the importance of processing corruption cases rapidly, a specialised prosecution unit would provide an important support to the national anticorruption effort.”

The Essentials Overcoming Corruption by Bertrand De Speville



Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor yang turut menempatkan Mahkamah Khas Jenayah Rasuah

Kejayaan Kes-Kes Pendakwaan

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 472 orang telah dijatuhkan hukuman di peringkat perbicaraan awal dan rayuan atas pelbagai kesalahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Berikut adalah beberapa keputusan kes yang menarik perhatian umum, serta yang telah dijatuhkan hukuman bagi mencerminkan seriusnya kesalahan rasuah iaitu:

Mantan Menteri Besar Selangor

Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo

Bersalah Dihukum Penjara Setahun Dan Harta Dirampas

Salah satu kes berprofil tinggi yang mendapat liputan media adalah melibatkan YB Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, mantan Menteri Besar Selangor.

Beliau telah dituduh pada 6 Disember 2010 di Mahkamah Tinggi Shah Alam di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan kerana telah mendapatkan dua lot tanah dan sebuah rumah di Seksyen 7, Shah Alam pada harga yang meragukan pada 29 Mei 2007.

Beliau didakwa telah mendapatkan untuk diri dan isterinya, Datin Seri Zahrah Kechik, suatu barang berharga dengan suatu balasan yang dia ketahui tidak mencukupi iaitu dua lot tanah dan sebuah rumah yang dibeli daripada syarikat Ditamas Sdn. Bhd. melalui pengarah syarikat Ditamas, Shamsuddin Hayroni dengan harga RM3.5 juta, sedangkan hartanah itu telah dibeli oleh syarikat Ditamas pada 23 Disember 2004 pada harga RM6.5 juta.

Pada 23 Disember 2011, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan sebuah rumah banglo dilucuthakkan kepada kerajaan Malaysia.

Dato' Seri Dr. Khir Toyo didapati bersalah kerana menyalahgunakan pengaruhnya untuk membeli sebuah banglo mewah dengan harga diskaun sehingga RM3 juta. Semasa menjatuhkan hukuman, Hakim Dato' Mokhtaruddin Baki berkata, *"Apabila kepentingan awam dan kepentingan peribadi bertemu, kepentingan awam mesti diberi keutamaan. Tertuduh telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai Eksekutif Tertinggi dalam Negeri Selangor."*

Bekas Ahli Parlimen Labuan

Datuk Suhaili bin Abdul Rahman

Didenda RM10,000 Kerana Gagal Isytihar Diri Sebagai Muflis

Bekas Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili bin Abdul Rahman telah dituduh pada 13 April 2009 di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu atas kesalahan di bawah seksyen 109(1)(m)(ii) Akta Kebankrapan 1967 kerana menjadi penjamin bagi kemudahan pinjaman sebanyak RM110,000 dan kemudahan *overdraft* sebanyak RM50,000 untuk membeli unit No. 3/R2/32, Tingkat 2, Api-Api Centre, Fasa 1A, Kota Kinabalu, tanpa memaklumkan kepada pihak Malayan Banking Berhad Cawangan Kota Kinabalu bahawa beliau adalah seorang muflis.

Setelah Hakim Mahkamah Tinggi melepas dan membebaskan beliau, kes ini dirayu ke Mahkamah Rayuan. Pada 20 Jun 2011, Mahkamah Rayuan telah menjatuhkan hukuman denda RM10,000 atau satu bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

ADUN Lenggeng

YB Mustafa bin Salim

Dihukum Penjara Tiga Tahun Kerana Terima Suapan

Tiga tahun penjara dan RM20,000.00 denda atau tambahan 12 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda. Itulah hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Seremban, terhadap YB Mustafa bin Salim, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, Negeri Sembilan.

Beliau telah dituduh pada 9 Mei 2008 di Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan di bawah seksyen 10 (a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Kesalahan yang dilakukannya iaitu menerima suapan wang tunai sebanyak RM2,000 dengan menjanjikan untuk mengeluarkan surat sokongan kepada seorang bernama Manimaran a/l Marimuthu bagi mendapatkan permit menjual pasir.

Hukuman tiga tahun penjara yang dijatuhkan oleh Hakim Amran bin Jantan adalah kerana kesalahan tersebut adalah serius dan ia dilakukan oleh individu yang berjawatan seperti tertuduh. Hakim Amran berkata, *"Hukuman bon tidak wajar kerana ia memberi gambaran yang tidak baik kepada masyarakat, seolah-olah mahkamah tidak memandang serius kes rasuah."*

Bekas ADUN Teratai, Selangor

Yap Soo Sun

Bersalah Palsukan Dokumen

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Selangor, Yap Soo Sun dituduh pada 3 November 2009 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana memalsukan dokumen dengan memohon peruntukan ADUN di bawah Program Mesra Rakyat sempena sambutan Tahun Baru Cina di Taman Bukit Segar Cheras Hartamas pada 10 Februari 2008 berjumlah RM10,000. Beliau juga dituduh atas enam pertuduhan lagi bagi tuntutan yang mana program tidak pernah diadakan.

Pada 3 November 2011, Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Mat Ghani Abdullah menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM50,000 atau lima bulan penjara sekiranya gagal membayar denda bagi ketujuh-tujuh pertuduhan. Kesemua hukuman penjara berjalan serentak. Pada penghakimannya, Mat Ghani berkata: *"Pembelaan Yap yang mengemukakan 18 saksi bagi menyokong keterangan telah gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap pertuduhan yang dihadapi."*

Majistret

Mohd Firdaus bin Ramlan

Bersalah Meminta Dan Menerima Rasuah Dipenjara Tiga Tahun Dan Denda RM40,000

Mohd Firdaus bin Ramlan, Majistret Kuala Krai, Kelantan telah dituduh pada 13 Januari 2010 di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana memperoleh suapan RM3,000 dan meminta RM5,000 daripada Md Shani bin Ishak, melalui C/Insp. Kamarul bin Ahmad Kamardin untuk membuat keputusan melepaskan Md Shani dengan bon berkelakuan baik selama dua tahun dengan cagaran RM1,000 mengikut peruntukan seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Dato' Abdul Razak dalam hujahnya memohon mahkamah memberi keputusan sewajarnya dan tidak bersimpati kepada tertuduh, selain perlu mengambil kira keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman. Hakim Datuk Azman Abdullah menyifatkan tindakan Mohd. Firdaus itu telah melanggar amanah yang diberikan untuk menegakkan keadilan dan berkata: *"Saya sifatkan ini seperti harapan pagar, pagar makan padi dan keputusan hakim Mahkamah Sesyen adalah sah."*

Pada 22 November 2011, Mahkamah Tinggi Kota Bharu menolak rayuan beliau dan mengekalkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM15,000 bagi pertuduhan pertama serta penjara tiga tahun dan denda RM25,000 bagi pertuduhan kedua.

Timbalan Pendakwa Raya

Md. Azar Irwan bin Mohd Arifin

Bersalah Pinda Pertuduhan Minit Kertas Siasatan

Md. Azar Irwan bin Mohd Arifin, Timbalan Pendakwa Raya Negeri Selangor dituduh pada 27 April 2009 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 218 Kanun Keseksaan kerana membuat pindaan minit arahan bagi kertas siasatan dengan menulis arahan di dalam kertas minit supaya Quah Guat Chin, Wong Kok Seng dan Low Teck Seng dituduh di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya dan seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 sedangkan mereka boleh dituduh di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan niat hendak menyelamatkan mereka.

Pada 22 November 2011, Mahkamah Sesyen Shah Alam menjatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM10,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal membayar denda. Hakim Wan Norisham memutuskan setelah mengambilkira fakta bahawa tindakan yang dilakukan bagi membantu seseorang menunjukkan niat dan perbuatan salah tanpa perlu dibuktikan ganjaran yang diperolehi dari tindakannya.

Peguam

Ranjit Singh Karam Singh

Bersalah Meminta Suapan

Pada 18 September 2008, Ranjit Singh Karam Singh, seorang peguam dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas kesalahan di bawah seksyen 10(a)(bb) APR 1997 kerana meminta suatu suapan iaitu wang tunai sebanyak RM40,000 bagi pertuduhan pertama dan RM7,000 bagi pertuduhan kedua daripada Chong Kuck Meng.

Pada 13 Jun 2011, beliau dijatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM200,000 atau satu tahun penjara bagi pertuduhan pertama. Manakala bagi pertuduhan kedua dijatuhkan hukuman penjara satu tahun dan denda RM35,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal membayar denda. Hukuman penjara berjalan serentak.

Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan Dan Pelaburan Sime Darby Marine

Zambri bin Mohd Iderus

Bersalah Terima Rasuah RM99,000

Zambri bin Mohd Iderus telah dituduh pada 6 Ogos 2010 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 132(2)(b) Akta Syarikat 1965 kerana telah menggunakan maklumat yang diperolehi atas kedudukan sebagai Pengurus (tanpa kebenaran pengurusan Sime Darby Engineering Bhd.) untuk mendapat keuntungan secara langsung bagi dirinya iaitu menerima dua cek bernilai RM99,000.

Pada 17 Jun 2011, Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM30,000 atau enam bulan penjara sekiranya gagal membayar denda. Kereta BMW bernombor pendaftaran "WRT 23" turut dilucuthakkan kepada kerajaan Malaysia.

Pengurus Projek, HICOM Engineering Sdn. Bhd.
 Ir. Jafri Azizi bin Abdullah
 Bersalah Dihukum Penjara Empat Tahun Dan Denda
 RM350,000

Ir. Jafri Azizi bin Abdullah telah dituduh pada 10 Ogos 2010 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan menerima suapan di bawah seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Pada 19 Ogos 2011, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman empat tahun penjara dan denda RM350,000 atau 36 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Ahli Perniagaan
 Dato' Ng Kim Heng
 Bersalah Beri Rasuah RM10,000

Dato' Ng Kim Heng, seorang peniaga telah dituduh pada 8 Oktober 2011 di Mahkamah Sesyen Kuantan atas kesalahan di bawah seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah memberi satu suapan wang tunai RM10,000 kepada seorang ejen kerajaan Malaysia iaitu Syed Mohd Fuzi bin Syed Hasan, Komander Maritim, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Wilayah Maritim Timur Kuantan, Pahang.

Pada 4 November 2011, peguambela tertuduh, Goh Kim Lian meminta supaya tertuduh diberikan hukuman ringan tetapi Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Shafinas Shabudin meminta mahkamah supaya menjatuhkan hukuman setimpal memandangkan ia membabitkan kepentingan awam.

Selepas mendengar penerangan kedua-dua belah pihak, Hakim Mahkamah Sesyen Fathiyah Idris menjatuhkan hukuman denda RM55,000 dan penjara satu hari atau 12 bulan penjara jika tertuduh gagal membayar denda itu.

Ketua Pegawai Eksekutif PUNB
 Ahmadi @ Ahmad Zukni bin Johari
Setiausaha PUNB
 Mohamad Aminuddin bin Md. Zain
 Bersalah Memalsukan Dokumen Dipenjara Antara
 Empat Dan Lima Tahun

Ahmadi @ Ahmad Zukni bin Johari dan Mohamad Aminuddin bin Md. Zain, telah dituduh pada 10 Ogos 2002 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas kesalahan di bawah seksyen 467 Kanun Keseksaan kerana telah melakukan pemalsuan ke atas suatu dokumen yang berupa satu cagaran berharga iaitu Bon Perbadanan Usahawan Nasional Berhad bertarikh 13 Oktober 2000, bernilai USD5 billion. Setelah dilepas dan dibebaskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kes ini dirayu ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Pada 5 Disember 2011, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Ahmadi @ Ahmad Zukni dijatuhkan hukuman lima tahun penjara. Manakala, Mohamad Aminuddin dijatuhkan hukuman empat tahun penjara. Hakim Datuk Su Geok Yiam mengatakan bahawa tindakan tertuduh merekacipta bon tersebut bukanlah tindakan bodoh semata-mata tetapi telah terbukti niat dan perlakuan salah mereka.

**Penolong Pegawai Pejabat Tanah Dan Daerah,
 Seberang Prai**
 Mohd Jamil bin Mohd Noor
 Terima Rasuah RM60,000 Dipenjara Enam Tahun Dan
 Denda RM300,000

Mohd Jamil bin Mohd Noor, Penolong Pegawai Pejabat Tanah Dan Daerah, Seberang Prai, Pulau Pinang telah dituduh pada 29 November 2007 di Mahkamah Sesyen Butterworth atas kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana memperoleh suapan RM60,000 daripada Arizal bin Mohd Arshad dalam memutuskan nilai pampasan pengambilan balik tanah Lot No. 3482, GM 2058, Mukim 5, Seberang Prai Utara, Pulau Pinang untuk tujuan perluasan kawasan Pasar Awam Kepala Batas.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Janariah Abdul Mutalib meminta hukuman yang setimpal dikenakan memandangkan tertuduh adalah bekas pegawai kerajaan yang tahu hukumannya jika melakukan kesalahan rasuah. Selain itu, mahkamah juga perlu memberi pengajaran kepada orang awam bahawa jenayah rasuah adalah kesalahan berat dan kerajaan serius menangani masalah itu dengan menjadikannya sebagai satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Pada 14 November 2011, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah mengekalkan hukuman enam tahun penjara dan denda RM300,000 atau empat bulan penjara sekiranya gagal membayar denda.

Orang Awam

Mat Riadzi bin Ismail, Mohamed Tahir bin Isa dan Badrul Hisham bin Zainal Abidin

Bersalah Menipu Dipenjara 12 Tahun, Denda RM300,000 Dan Sebatan

Pada 17 Februari 2006, Mat Riadzi bin Ismail, Mohamed Tahir bin Isa dan Badrul Hisham bin Zainal Abidin dituduh melakukan kesalahan dengan memperdaya Abd. Raof bin Abdul Kadir dan Soo Ah Hai @ Soo Seng Hoi wang tunai berjumlah RM105,000 untuk mendapatkan kawasan balak di Felda Lawin Selatan, Perak.

Pada 10 November 2011, Hakim Mahkamah Sesyen Ipoh telah mendapati mereka bersalah di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan menjatuhkan hukuman keseluruhan 12 tahun dan denda RM300,000 atau 30 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda serta hukuman dua sebatan bagi Badrul Hisham bin Zainal Abidin.

Pembantu Am Rendah

Mazlizan bin Kuti

Bersalah Terima Rasuah RM85,000 Dipenjara Enam Tahun Dan Denda RM425,000

Mazlizan bin Kuti telah dituduh pada 2 April 2009 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 11 (a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana memperoleh suapan wang tunai RM35,000 bagi pertuduhan pertama dan RM50,000 bagi pertuduhan kedua.

Pada 22 Disember 2011, Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman keseluruhan enam tahun dan denda RM425,000 atau 26 bulan penjara sekiranya gagal membayar denda. Dalam penghakimannya, Hakim Asmadi Hussin menyatakan tertuduh gagal memberikan penjelasan jujur untuk mematahkan kes pendakwaan dan keterangan Mazlizan ketika membela diri bersifat penafian semata-mata serta gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan.

Ketua Pegawai Perolehan, DiGi

Stanley a/l Savuriyar

Bersalah 14 Pertuduhan Dipenjara 28 Tahun Dan Denda Lebih RM2 Juta

Stanley a/l Savuriyar telah dituduh pada 7 Januari 2011 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dengan 14 pertuduhan memperoleh suapan wang melalui akaun Maybank daripada syarikat Nakhoda Sistem Sdn. Bhd. melalui R. Sivam a/l K. Ramasamy sebagai dorongan memilih syarikat Nakhoda Sistem Sdn. Bhd. sebagai pembekal kabel dan peralatan telekomunikasi kepada DiGi Telecommunications Sdn. Bhd.

Pada 29 Disember 2011, Mahkamah Sesyen Shah Alam telah menjatuhkan hukuman penjara keseluruhan selama 28 tahun dan denda RM2,075,000.

Statistik Kes Pendakwaan

Sepanjang tahun 2011, seramai 263 orang telah dituduh di Mahkamah melibatkan 80 (30%) orang penjawat awam, 141 orang awam (54%), 41 orang (15%) dari sektor swasta, seorang ahli politik (1%). Manakala bagi kategori penjawat awam yang telah dituduh adalah dua orang (3%) dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 17 orang (21%) dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya 61 orang (76%) adalah dari kalangan Kumpulan Sokongan.

Penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Khas pada 16 Februari 2011 telah menyelesaikan percabaran kes-kes rasuah dengan lebih cepat menyebabkan peningkatan yang mendadak dari segi statistik penyelesaian kes-kes rasuah berbanding tahun 2010.

Kes-Kes Percabaran

Pada tahun 2010, sebanyak 811 kes percabaran di Mahkamah Rendah telah dikendalikan termasuk 382 kes baru. Manakala, pada tahun 2011, sebanyak 776 kes percabaran di Mahkamah Rendah telah dikendalikan termasuk 256 kes baru. Sejumlah 520 kes telah diselesaikan di peringkat percabaran awal di mana 388 (75%) kes Orang Kena Tuding (OKT) telah disabit kesalahan, 114 (22%) OKT dilepas dan dibebaskan dan 18 (3%) kes OKT dilepas tanpa dibebaskan. Ini bermakna kadar sabitan adalah 75%. Perbandingan keputusan kes percabaran di Mahkamah Rendah adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5: Perbandingan Keputusan Kes Percabaran Di Mahkamah Rendah Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | KEPUTUSAN | JUMLAH | | | |
|--------|-------------------------------|--------|-----|------|-----|
| | | 2010 | % | 2011 | % |
| 1 | Disabit Kesalahan | 309 | 72 | 388 | 75 |
| 2 | Lepas Dan Bebas | 108 | 25 | 114 | 22 |
| 3 | Lepas Tanpa dibebaskan (DNAA) | 14 | 3 | 18 | 3 |
| JUMLAH | | 431 | 100 | 520 | 100 |

Kes-kes Rayuan

Pada tahun 2010, sejumlah 769 kes rayuan telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 331 kes yang baru didaftarkan. Manakala, pada tahun 2011, sejumlah 645 kes rayuan telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 284 kes yang baru didaftarkan. Sejumlah 146 kes telah selesai rayuannya di peringkat Mahkamah Tinggi dan 99 kes telah dapat diselesaikan di peringkat Mahkamah Rayuan manakala baki 116 kes masih belum diputuskan.

Daripada 146 kes yang telah diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, 98 (67%) kes memihak kepada Pendakwa Raya manakala 48 (33%) kes pula memihak kepada OKT. Bagi 99 kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan pula, 74 (75%) kes berpihak kepada Pendakwa Raya dan hanya 25 (25%) kes berpihak kepada OKT. Senarai keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan adalah seperti di **Jadual 6** dan **Jadual 7**.

Dalam tahun ini juga, terdapat 24 kes yang asalnya diputuskan tiada kes *prima facie* oleh Mahkamah Rendah tetapi setelah dirayu, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan OKT supaya dipanggil untuk membela diri.

Jadual 6: Perbandingan Keputusan Kes Di Mahkamah Tinggi Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | KEPUTUSAN | JUMLAH | | | |
|--------|----------------------------------|--------|-----|------|-----|
| | | 2010 | % | 2011 | % |
| 1 | Berpihak Pada Pendakwaraya | 144 | 67 | 98 | 67 |
| 2 | Tidak Berpihak Pada Pendakwaraya | 70 | 33 | 48 | 33 |
| JUMLAH | | 214 | 100 | 146 | 100 |

Jadual 7: Perbandingan Keputusan Kes Rayuan Di Mahkamah Rayuan Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | KEPUTUSAN | JUMLAH | | | |
|--------|----------------------------------|--------|-----|------|-----|
| | | 2010 | % | 2011 | % |
| 1 | Berpihak Pada Pendakwaraya | 46 | 81 | 74 | 75 |
| 2 | Tidak Berpihak Pada Pendakwaraya | 11 | 19 | 25 | 25 |
| JUMLAH | | 57 | 100 | 99 | 100 |

Kes-Kes Perlucuthakan Harta

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 21 kes perlucuthakan harta telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan berbanding hanya 11 sahaja pada tahun 2010. Sejumlah 19 kes telah selesai manakala baki dua kes masih belum diputuskan. Daripada 19 kes yang telah diselesaikan, 18 (95%) kes memihak kepada Pendakwa Raya manakala satu (5%) kes pula memihak kepada tertuduh. Senarai perbandingan keputusan kes adalah seperti di **Jadual 8**.

Dengan mengambil kira kebanyakan kes yang telah diputuskan di Mahkamah Rendah diteruskan ke peringkat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi, maka keputusan kebanyakan kes belum muktamad. Walau bagaimanapun sejak 1 Januari sehingga 31 Disember 2011, sejumlah RM10,872,145 denda telah dikenakan ke atas individu-individu pesalah rasuah oleh mahkamah.

Pada tahun 2011, sebanyak RM4,877,633 telah dilucuthakkan oleh pihak mahkamah berbanding RM609,400 pada tahun 2010 seperti ditunjukkan dalam **Jadual 9**. Manakala bagi harta yang disita oleh SPRM pada tahun 2011 adalah sebanyak RM24,353,070 pada tahun 2011 dan RM42,170,195.36 pada tahun 2010 seperti ditunjukkan dalam **Jadual 10**.

Peningkatan nilai lucuthak oleh mahkamah mencerminkan pendirian mahkamah yang lebih berani dan tegas dalam perlucuthak harta yang diperoleh secara haram oleh penjenayah rasuah. Ini secara tidak langsung memberi kesan amaran (*deterrent effect*) kepada mereka yang hendak melakukan jenayah termasuk jenayah rasuah.

Jadual 8: Perbandingan Keputusan Perlucuthakan Harta Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | KEPUTUSAN | MAHKAMAH RENDAH | | MAHKAMAH TINGGI | | MAHKAMAH RAYUAN | | JUMLAH | | | |
|--------|----------------------------------|-----------------|------|-----------------|------|-----------------|------|--------|-----|------|-----|
| | | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | % | 2011 | % |
| 1 | Berpihak Pada Pendakwaraya | 1 | 12 | 5 | 5 | - | 1 | 6 | 75 | 18 | 95 |
| 2 | Tidak Berpihak Pada Pendakwaraya | - | 1 | 2 | - | - | - | 2 | 25 | 1 | 5 |
| JUMLAH | | 1 | 13 | 7 | 5 | - | 1 | 8 | 100 | 19 | 100 |

Jadual 9: Perbandingan Lucuthak Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | PERKARA | 2010 (RM) | 2011 (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|-----------------|-----------|-----------|-------------|
| 1 | Jumlah Lucuthak | 609,400 | 4,877,633 | 5,487,033 |

Jadual 10: Perbandingan Statistik Penyitaan Pada Tahun 2010 Dan 2011

| BIL | PERKARA | 2010 (RM) | 2011 (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|------------------|---------------|------------|---------------|
| 1 | Jumlah Penyitaan | 42,170,195.36 | 24,353,070 | 66,523,267.36 |

P
E
N
C
E
G
A
H
A
N

PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Ketiadaan atau kegagalan mengawal sistem dan prosedur bukan sahaja mengakibatkan sistem itu tidak berfungsi dengan baik, bahkan membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan kelemahan dalam pengurusan. Keadaan ini akan menyebabkan ketirisan, kemusnahan serta kerugian kepada jabatan, syarikat atau organisasi berkenaan. Dalam usaha untuk memerangi jenayah rasuah, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) memainkan peranan untuk memberi khidmat nasihat kepada mana-mana organisasi sama ada agensi kerajaan mahupun swasta terhadap sistem dan prosedur bagi menutup ruang dan peluang rasuah. Selain itu, BPMP juga melaksanakan Ikrar Integriti Korporat di mana sektor swasta memberi komitmen untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada kegiatan rasuah.

Pada tahun 2011, SPRM melalui Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah menjalankan pemeriksaan serta memberi khidmat nasihat berhubung isu-isu yang menjadi tumpuan umum seperti isu urusan import dan eksport, subsidi diesel, buku teks sekolah dan proses rayuan ke tanah suci.



Pemeriksaan Sistem Dan Prosedur Urusan Import Dan Eksport

TUJUAN PEMERIKSAAN ADALAH UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DAN MEMBERI CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BAGI MENGATASI KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG WUJUD DALAM SISTEM DAN PROSEDUR IMPORT DAN EKSPORT. SUSULAN DARIPADA KAJIAN KE ATAS SISTEM DAN PROSEDUR PENGIKRARAN BARANGAN YANG DIIMPORT TELAH MENYUMBANG KEPADA PENGURANGAN KETIRISAN HASIL SERTA MEMASTIKAN KUTIPAN HASIL NEGARA YANG LEBIH BERKESAN.

Susulan dari Operasi 3B, satu pemeriksaan bersama yang melibatkan Jabatan Peguam Negara SPRM, Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah dijalankan pada 28 Mac 2011 di seluruh negara.

Isu yang membawa kepada pemeriksaan ialah:

- i. Kes-kes pengikraran kurang nilai dalam Borang Kastam 1 (K1) oleh syarikat ejen penghantaran.

- ii. Pegawai Kastam di pelabuhan-pelabuhan tertentu yang disyaki menerima rasuah secara harian/bulanan bagi mengesahkan pengikraran kurang nilai dalam Borang Kastam 1.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut beberapa cadangan telah dikemukakan kepada JKDM yang merangkumi aspek dasar, peraturan, sistem dan prosedur, kawalan dalaman dan pentadbiran.

Dasar Yang Seragam Di Semua Pelabuhan

SPRM telah mencadangkan dasar yang khusus dan seragam untuk pelabuhan-pelabuhan di Zon Pelabuhan Bebas dan Zon Bukan Pelabuhan Bebas. Cadangan ini dikemukakan dengan mengambil kira faktor keselamatan, peranan agensi penguatkuasa, keperluan logistik dan dasar import yang menyebabkan wujud pelbagai agensi/jabatan yang berlainan dalam pelaksanaan serta penguatkuasaan urusan-urusan di pelabuhan.

Perkara ini menyebabkan kesukaran untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang diperlukan dan ketiadaan penyelarasan ini telah memudahkan ejen-ejen penghantaran untuk mengambil kesempatan untuk melepaskan kontena yang diikrarkan kurang nilai atau palsu.

SPRM telah mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan Malaysia dilantik sebagai Agensi Penyelaras bagi menangani isu dasar di pelabuhan yang membabitkan pelbagai agensi/jabatan yang ada.

Di samping itu, turut dicadangkan agar manifestasi import dikawal sepenuhnya oleh JKDM bagi membolehkan mereka memantau ketepatan maklumat manifestasi ke atas pengikraran import, eksport, pemindahan dagangan dan mengesan penyelewengan maklumat dagangan.

Penguatkuasaan Sepenuhnya Peraturan Sedia Ada

JKDM dicadangkan untuk menguatkuasakan sepenuhnya peraturan yang sedia ada dan mengambil tindakan khusus ke atas ejen-ejen yang melanggar peraturan sehingga kepada tahap pembatalan lesen. Perkara ini perlu dilaksanakan kerana terdapat ejen yang tidak mematuhi peraturan yang ada dengan sepenuhnya semasa berurusan dengan JKDM.

Penambahbaikan Sistem Dan Prosedur

Berhubung dengan aspek sistem dan prosedur, terdapat tiga cadangan penambahbaikan iaitu:

- i. Menaiktarafkan (*Upgrading*) atau menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang digunakan untuk pengikraran cukai barang import. SMK yang ada kini mempunyai kelemahan teknikal di mana sistem yang sedia ada tidak sepenuhnya *online* dan masih memerlukan penglibatan pegawai untuk membuat penaksiran cukai. SMK juga mempunyai kelemahan dari segi keupayaan untuk menyemak Borang Kastam 1 sekiranya didapati pengikraran berulang kali bagi kontena yang sama.
- ii. Profil dan data syarikat ejen penghantaran yang ada perlu sentiasa dikemaskini bagi membolehkan syarikat ini dikesan sekiranya diarahkan untuk membayar denda akibat ikrar Borang Kastam 1 secara salah/palsu. Bagi memudahkan JKDM mengemaskini profil syarikat ini, turut dicadangkan agar Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada JKDM. Selain itu, turut dicadangkan agar JKDM mengambil tindakan supaya mana-mana syarikat ejen penghantaran yang tidak beroperasi lebih daripada tiga tahun dibatalkan lesennya untuk memudahkan pemantauan.
- iii. Sistem pengimbas (*scanner*) yang sedia ada perlu dinaiktaraf kepada yang lebih berkualiti dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Sistem pengimbas mesti mempunyai keupayaan untuk mengesan barang yang diimport bagi mengelakkan cubaan mana-mana pihak untuk membuat pengikraran *under declare*. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh kerana terdapat mesin sistem pengimbas ketinggalan teknologi yang masih digunakan dalam urusan import dan eksport.

Aspek Kawalan Dalaman

Antara cadangan kepada JKDM dalam aspek memperkukuhkan kawalan dalaman adalah seperti berikut:

- i. Mematuhi Perintah Tetap Penjawatan iaitu penempatan pegawai-pegawai kanan yang sedia ada bagi mengelakkan terdapat pegawai khususnya penyelia yang ditempatkan terlalu lama di sesuatu *hotspot*.
- ii. Menambahkan perjawatan terutama di tempat yang menggendalikan urusan import dan eksport untuk mengurangkan beban tugas yang terlalu tinggi ke atas pegawai sedia ada. Senario ini menyebabkan pegawai-pegawai berkenaan kurang membuat pemantauan di pelabuhan (*on the ground*).
- iii. Mengemaskini saluran aduan supaya selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Hebahan perlu dibuat kepada semua pegawai dan kakitangan supaya mereka berani tampil serta mempunyai keyakinan untuk melaporkan sebarang salahlaku yang diketahui.
- iv. Mewujudkan Unit Integriti untuk memantau tatakelakuan pegawai. Antara tindakan yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengadakan *Integriti Testing*. Pendekatan ini merupakan kaedah terbaik untuk memastikan pegawai dan kakitangan sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan.
- v. Mengeluarkan arahan kepada semua pegawai yang berkaitan supaya mana-mana syarikat ejen penghantaran yang dimiliki oleh bekas pegawai Kastam tidak diberikan sebarang keistimewaan semasa berurusan dengan pihak JKDM. Sebaliknya, mereka hanya diberikan layanan yang sama dengan syarikat-syarikat lain. Arahan ini amat penting untuk membantu pegawai semasa melaksanakan tugas dimana mereka tidak perlu berdepan dengan situasi serba salah dan dapat mengurangkan penggunaan budi bicara yang bertentangan dengan peraturan jabatan apabila berurusan dengan pihak-pihak berkenaan.

Penambahbaikan Aspek Pentadbiran

Cadangan penambahbaikan yang disyorkan dalam aspek pentadbiran adalah:

- i. Menaiktaraf prasarana di Pelabuhan Utara yang merangkumi bangunan pejabat, persekitaran pejabat dan lokasi pemeriksaan kontena. Pemeriksaan yang dilaksanakan mendapati keadaan bangunan pejabat yang menempatkan JKDM dalam kategori daif dan tidak mematuhi aspek keselamatan.
- ii. Program-program latihan yang khusus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam tugas-tugas pentaksiran cukai. Kini, masih terdapat tugas-tugas pentaksiran cukai yang dilaksanakan secara manual.
- iii. Semua ejen penghantaran dikehendaki menghadiri kursus khas mengenai pencegahan rasuah dan peningkatan integriti sebelum diluluskan permohonan baru atau diperbaharui lesen sebagai ejen. Program kesedaran ini amat penting sebagai salah satu usaha mendidik pemilik atau pekerja syarikat ejen penghantaran bagi mencegah daripada terlibat dalam gejala rasuah; dan
- iv. Menaikkan gred penjawatan pegawai Kastam untuk mengetuai pelabuhan-pelabuhan besar yang setimpal dengan bebanan tugas yang diberikan. Langkah ini boleh menjadi dorongan kepada pegawai untuk melaksanakan tugas dengan lebih berintegriti.

Pada 27 Julai 2011, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah memberi kelulusan supaya SMK dikaji semula atau digantikan dengan sistem baru. Mesyuarat juga bersetuju supaya Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjalankan kajian menyeluruh mengenai keperluan sistem dan peralatan. Ekoran itu, MAMPU serta Jabatan Audit Negara (JAN), JKDM dan SPRM telah menjalankan kajian terhadap SMK yang sedang digunakan oleh JKDM bagi tujuan membuat penambahbaikan.

Pemeriksaan Ke Atas Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel Kepada Nelayan Oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

KELEMAHAN DALAM PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN SKIM SUBSIDI DIESEL KEPADA NELAYAN TELAH MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENYELEWENGAN SERTA MEMBUKA RUANG DAN PELUANG KEPADA PERLAKUAN RASUAH. PERKARA INI MENIMBULKAN PERSEPSI NEGATIF MASYARAKAT BAHAWA WUJUDNYA AMALAN RASUAH DI KALANGAN PEGAWAI PENGUATKUASA.

Tujuan pemeriksaan ini dijalankan adalah untuk mengkaji kelemahan amalan, sistem dan prosedur kerja berhubung pelaksanaan penyaluran diesel bersubsidi kepada nelayan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang menyebabkan berlakunya ketirisan dan penyelewengan diesel bersubsidi. Seterusnya mencadangkan amalan terbaik untuk menangani masalah tersebut daripada terus berulang.

Dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2006 sehingga 2010, sejumlah 5.32 billion liter diesel telah disalurkan kepada nelayan. Dengan anggaran ketirisan sebanyak 5% berlaku setiap tahun, kerajaan telah menanggung jumlah kerugian sekitar RM266 juta dalam tempoh tersebut.

Pemeriksaan yang telah dijalankan meliputi aspek pemberian kuota, permohonan, pemprosesan dan kelulusan kad pintar e-Nelayan, pesanan, penghantaran dan penerimaan bekalan diesel bersubsidi, urusniaga pembelian dan penjualan diesel bersubsidi serta pemantauan dan penguatkuasaan.

Pemeriksaan mendapati ketirisan berlaku pada tiga peringkat iaitu:

- i. Semasa penghantaran minyak oleh lori ke pusat jualan;
- ii. Semasa proses penyaluran minyak oleh penyelia pusat jualan; dan
- iii. Penyelewengan oleh nelayan sendiri.

Hasil daripada pemeriksaan tersebut, SPRM telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Cadangan-Cadangan Penambahbaikan Skim Subsidi Diesel Kepada Nelayan

| BIL | KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI | CADANGAN YANG DIPERSETUJUI BERSAMA UNTUK PELAKSANAAN | MAKLUMBALAS PIHAK LKIM |
|-----|--|---|---|
| 1. | Surat Akujanji Penerima Diesel Bersubsidi tidak diperjelaskan kepada pemohon diesel bersubsidi menyebabkan mereka tidak faham kandungan dan maksud akujanji berhubung syarat-syarat dan akibat kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut. Oleh itu, tiada elemen akauntabiliti dan integriti dalam kalangan penerima subsidi diesel. | Pihak NEKMAT atau PNK perlu menjelaskan akujanji tersebut kepada penerima diesel bersubsidi agar mereka memahami maksud isi kandungan sepenuhnya. | Pejabat LKIM Negeri dan PNK telah diminta untuk memberi penjelasan berkaitan kandungan akujanji yang ditandatangani semasa membuat permohonan. LKIM juga akan memberi penjelasan dalam majlis penerangan semasa program dilaksanakan. |
| 2. | Kandungan akujanji yang disediakan dalam Bahasa Melayu sahaja telah menyebabkan nelayan bukan Melayu khususnya nelayan Cina tidak faham kandungan akujanji. | Surat akujanji perlu disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Cina. | LKIM sedang memperhalusi perkara ini kerana terdapat juga nelayan berketurunan India dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. |
| 3. | Pesanan diesel tidak berdasarkan keperluan sebenar PNK kerana ia hanyalah merupakan anggaran jurupam untuk jualan hari berikutnya. Minyak yang diterima kadangkala berlebihan semasa penghantaran dibuat dan menyebabkan tangki simpanan terpaksa digunakan walaupun tidak dibenarkan dalam peraturan. | PNK perlu merumus purata atau formula anggaran penggunaan diesel ahli untuk pesanan stok harian. | PNK telah diminta membuat anggaran keperluan minyak untuk kawasan masing-masing supaya selaras dengan tujuan pesanan. |
| 4. | <i>Skid tank</i> tidak mempunyai meter untuk mengukur minyak yang dipam masuk. | Pemasangan meter di <i>skid tank</i> | Arahan untuk menyediakan <i>inlet meter</i> untuk mengukur kuantiti kemasukan minyak dalam tangki telah dikeluarkan terutamanya di PNK yang mengendalikan kuantiti urusniaga yang tinggi. |
| 5. | Mekanisme penerimaan bekalan diesel bersubsidi di Pusat Jualan/PNK yang terbuka kepada ruang dan peluang untuk dimanipulasi. | Mewujudkan garis panduan yang seragam khusus bagi proses penerimaan bekalan diesel. | LKIM sedang mendapatkan maklumat daripada syarikat pembekal minyak berkaitan piawaian yang digunakan dalam penerimaan minyak di stesen pam kendalian mereka. Selain itu, kursus dan latihan untuk mengendalikan penerimaan minyak juga telah diadakan oleh NEKMAT untuk kakitangan PNK. |

| BIL | KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI | CADANGAN YANG DIPERSETUJUI BERSAMA UNTUK PELAKSANAAN | MAKLUMBALAS PIHAK LKIM |
|-----|--|--|--|
| 6. | Borang Pengisytiharan Pendaratan (<i>e-Landing</i>) tidak digunakan untuk melaporkan pendaratan ikan tetapi hanya menggunakan resit yang tidak seragam. Resit yang tidak seragam dan bernombor siri boleh membuka ruang kepada pemalsuan dan penipuan. | PNK perlu mewajibkan nelayan untuk menggunakan Borang Pendaratan Ikan yang dikeluarkan oleh LKIM sahaja. | Pada masa ini, LKIM menerima resit belian yang dikeluarkan oleh pembeli ikan daripada nelayan semasa membuat pengisytiharan hasil tangkapan. Bagi nelayan yang menjual secara sendiri hasil tangkapan mereka kepada peruncit ikan yang berniaga secara kecil-kecilan, mereka menggunakan format borang pengakuan pengisytiharan yang ditetapkan oleh LKIM. |
| 7. | Tiada tatacara lengkap menjelaskan pelaksanaan jualan diesel bersubsidi secara manual sekiranya sistem e-NSMS mengalami gangguan capaian (<i>offline</i>). Kakitangan di PNK berpeluang untuk memanipulasi jumlah transaksi jualan diesel. | Mewujudkan garis panduan yang jelas dan seragam berhubung syarat-syarat dan tatacara pelaksanaan jualan subsidi secara manual. Rekod transaksi secara manual juga perlu dikemaskini bagi tujuan <i>back-up</i> . | LKIM akan menggunakan garis panduan jualan petrol bersubsidi secara manual untuk diaplikasikan dalam jualan diesel bersubsidi. |
| 8. | Kedudukan pusat jualan yang tidak sesuai iaitu jauh dari pejabat PNK menyukarkan tindakan pemantauan dan penyeliaan. | Mewujudkan pusat jualan yang berpusat di mana pejabat LKIM, pejabat PNK, pusat pendaratan dan pusat jualan adalah di lokasi yang sama | Pada masa ini, semua pusat jualan yang berada di dalam kompleks LKIM memenuhi kriteria yang dicadangkan. Bagi pusat jualan yang di luar kawasan, ianya akan diteliti sama ada mengikut kesesuaian dan kedudukan sedia ada. |
| 9. | Ketiadaan Kod Etika Perniagaan bagi PNK (Pihak Pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah PNK) menyebabkan kurang kesedaran berhubung tanggungjawab yang perlu dipikul oleh mereka dalam memastikan subsidi yang diberikan oleh kerajaan tidak disalahguna. | Mewujudkan Kod Etika Perniagaan. Senarai tugas berhubung peranan ALP dan peranan pihak pengurusan PNK perlu dijelaskan. | Pejabat Pendaftaran Persatuan Nelayan akan diminta untuk menyediakan Kod Etika Perniagaan seperti yang dicadangkan untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan PNK. |
| 10. | Peranan Jawatankuasa Petugas Subsidi Diesel Untuk Nelayan Peringkat LKIM Negeri dan <i>Task Force</i> Pemantauan Diesel dan Petrol Bersubsidi kurang berkesan menyebabkan pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan berkesan. | Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu menjalankan tanggungjawab mengikut bidang tugas yang telah ditetapkan dalam <i>Term of Reference (TOR)</i> secara bersepadu, menyeluruh dan berterusan. | Semua peringkat jawatankuasa di peringkat negeri telah diminta untuk memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan tugas yang telah ditetapkan kepada mereka. |

Pemeriksaan Ke Atas Proses Pemilihan Dan Rayuan Ke Tanah Suci Mekah Oleh Lembaga Tabung Haji (TH)

BAGI MUSIM HAJI 1431H, TELAH BERLAKU PENYELEWENGAN DALAM PEMILIHAN JEMAAH HAJI UNTUK KE TANAH SUCI MEKAH DI MANA TERDAPAT NAMA-NAMA BAKAL HAJI YANG TELAH DIMASUKKAN SECARA TIDAK SAH DENGAN MENGGUNAKAN KUOTA KELULUSAN P106. KUOTA P106 MERUPAKAN PERUNTUKAN KHAS YANG DIBERIKAN KEPADA KETUA EKSEKUTIF TABUNG HAJI UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN MENUNAIKAN HAJI.

Bermula 10 Mei 2010, Tabung Haji telah menetapkan satu dasar baru iaitu setiap jemaah haji yang baru pulang dari menunaikan haji tidak boleh mendaftar haji dalam masa lima tahun. Sekiranya bakal haji ingin pergi lebih awal daripada masa yang telah ditetapkan semasa pendaftaran, rayuan boleh dikemukakan di mana-mana pejabat cawangan Tabung Haji atau Ibu Pejabat Tabung Haji.

Rayuan hendaklah dikemukakan pada tahun jemaah ingin menunaikan haji. Bahagian Domestik, Tabung Haji akan memproses rayuan tersebut melalui satu jawatankuasa bagi mempertimbangkan rayuan perayu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Rayuan Tunai Haji. Sekiranya diluluskan, TH akan memaklumkan kepada jemaah dan sebaliknya jika gagal, tiada sebarang maklumbalas daripada TH.

Ekoran daripada penyelewengan terhadap kemasukan nama bakal-bakal haji secara tidak sah dengan menggunakan kuota kelulusan P106, maka pemeriksaan telah dilakukan yang melibatkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Bahagian Domestik, Tabung Haji Berhad.

Hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan, didapati beberapa kelemahan terhadap sistem dan prosedur yang boleh membuka ruang berlakunya amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Antaranya:

- i. Tiada sebarang kriteria khusus ditetapkan dalam memenuhi kuota seperti kekerapan menunaikan haji. Sebagai contoh Kuota P106, tidak ada sebarang kriteria yang ditentukan untuk menunaikan haji di bawah kategori ini. Ketua Pegawai Eksekutif bebas untuk memilih siapa sahaja.
- ii. Tiada pemantauan terhadap data-data pemilihan/rayuan oleh bakal haji sehinggakan pencerobohan data yang dilakukan tidak disedari. Dalam satu kes, seorang pegawai TH telah pun disyaki melakukan pencerobohan terhadap Kuota P106 dalam sistem haji TH pada 1428H, namun tidak ada sebarang pemantauan terhadapnya dilakukan sehingga pencerobohan seterusnya berlaku.
- iii. Tidak ada sebarang laporan yang dikeluarkan kepada pengurusan TH terhadap bakal haji yang akan pergi menunaikan haji pada tahun semasa. Kelemahan ini akan dimanipulasikan individu yang mempunyai kemahiran teknikal untuk melakukan penyelewengan dengan menceroboh ke dalam sistem TH.
- iv. Data yang diproses tidak dikeluarkan sebagai laporan bercetak serta tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- v. Manual kuasa yang digunakan oleh TH terlalu ringkas dan tidak memperincikan tugas serta tanggungjawab seseorang pegawai dalam membuat keputusan atau tugas.

- vi. Sistem pemfailan yang tidak tersusun menyumbang kepada berlakunya pencerobohan sistem. Berdasarkan semakan audit TH, sebanyak 1,679 surat rayuan haji tidak dapat dikesan. Surat tersebut sebenarnya telah bercampur bersama fail surat rayuan haji kategori lain dan sukar dikenalpasti.
- vii. TH juga tidak membuat makluman kepada umum mengenai perjalanan proses rayuan di laman sesawang TH. Perkara ini menyebabkan masyarakat tidak tahu mengenai proses rayuan dilakukan.

Pada 13 Oktober 2011, satu sesi khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan diberikan kepada pihak Pengurusan Tertinggi TH seperti berikut:

- i. Penetapan kriteria dibuat untuk melayakkan seseorang itu mengisi kuota P106. Perkara ini sangat penting bagi menjaga nama baik pegawai dan juga agensi daripada ditohmah melakukan penyalahgunaan kuasa. Sebagai contoh, kes Hjh Sapinah bt Mamat sudah 12 kali menunaikan haji dan masih boleh berada dalam Kuota P106.
- ii. Pemantauan berkala perlu dilakukan oleh pengurusan atasan atau pentadbir sistem bagi setiap transaksi dalam sistem haji bagi mengelakkan berlaku pencerobohan atau penyalahgunaan. Laporan perlu dikeluarkan kepada pengurusan TH berkaitan bakal haji yang akan pergi menunaikan haji pada tahun semasa sebagai 'check and balance'. Setiap laporan perlu dikeluarkan secara bercetak supaya dapat diteliti dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.
- iii. Manual kuasa perlu diperincikan sebagai panduan serta mengelakkan daripada berlakunya perkara yang boleh memburukkan imej pegawai serta jabatan. Hanya pegawai yang dibenarkan sahaja dibenarkan untuk membuat capaian. Pegawai yang tidak dibenarkan (*unauthorised*) dilarang sama sekali menggunakan sistem ini dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- iv. Pemberitahuan kepada umum mengenai proses rayuan di laman sesawang TH.
- v. Program pengukuhan integriti dilaksanakan di TH secara berterusan.



Surat maklumbalas daripada Lembaga Tabung Haji berhubung khidmat nasihat SPRM.

Pemeriksaan Ke Atas Penerbitan Buku Teks *English Year 1 KSSR* Sekolah Kebangsaan

PENERBITAN SESEBUAH BUKU TEKS PADA AMNYA MENGAMBIL MASA SELAMA 18 BULAN TETAPI PENERBITAN “BUKU TEKS BAHASA INGGERIS YEAR 1” INI HANYA MENGAMBIL MASA 11 BULAN.

Pada peringkat awal perancangan, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah dicadangkan pada tahun 2012. Bagaimanapun, Pakej Buku Teks Tahun 1 KSSR telah diarah untuk diterbitkan bagi kegunaan murid tahun 1 mulai tahun 2011. Tempoh masa yang singkat bagi menerbitkan buku ini menyebabkan proses penulisan pruf muka surat dan kerja-kerja penyuntingan terpaksa dipercepatkan.

Sehubungan dengan itu, beberapa proses kerja penerbitan terpaksa dilangkau bagi mengejar jadual penerbitan serta memastikan buku teks siap diedarkan kepada murid pada hari pertama persekolahan tahun 2011. Setelah buku teks dicetak, didapati ianya mengandungi pelbagai kesalahan yang melibatkan ejaan, tatabahasa dan struktur ayat.

Justeru, Bahagian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pelajaran Malaysia telah meminta bantuan Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM untuk menganggotai dalam Pasukan Pemeriksaan Khas (*Task Force*) bagi mengenalpasti kelemahan dalam proses penerbitan Buku Teks *English Year 1 KSSR* Sekolah Kebangsaan. Pemeriksaan dibuat ke atas Dewan Bahasa dan Pustaka serta beberapa bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mendapati:

- i. Taklimat berkaitan KSSR bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris telah diberikan oleh KPM kepada penulis dan penyunting yang terlibat, tetapi taklimat ini tidak memperincikan dengan jelas tentang pendekatan *phonics* seperti yang terkandung dalam Dokumen Standard KSSR yang baru diperkenalkan.

Ini menyebabkan penulis dan penyunting tidak memahami pendekatan *phonics* dan kesannya pendekatan *phonics* tidak dapat dijelmakan dalam pruf muka surat yang dihasilkan.

- ii. Ketiadaan *Standard Operating Procedure (SOP)* penerbitan buku teks yang jelas di Bahagian Buku Teks dan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyebabkan tindakan yang diambil adalah berdasarkan amalan sedia ada. Akibatnya, proses kerja menjadi tidak teratur dan tidak selaras.
- iii. Terdapat kelemahan dalam aspek pemantauan dan penyeliaan penerbitan buku daripada pihak pengurusan atasan. Ini menyebabkan kawal selia gagal dilaksanakan dan kesilapan yang berlaku tidak dapat diperbetulkan di peringkat awal.
- iv. DBP yang dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan Buku Teks *English Year 1* tersebut telah melantik penulis dan penyunting yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai mata pelajaran tersebut. Mereka dilantik bukan atas dasar kepakaran dalam mata pelajaran berkenaan tetapi kerana tugas hakiki sebagai penyunting sahaja.

Susulan daripada pemeriksaan yang dijalankan ini, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM mencadangkan:

- i. Penjelasan terperinci berhubung kurikulum yang dibentuk hendaklah diberikan kepada penulis dan penyunting bagi memastikan buku yang diterbitkan mencapai tahap yang ditetapkan.
- ii. KPM perlu menyediakan *SOP* yang lengkap sebagai bahan rujukan untuk penerbitan buku yang boleh digunakan oleh semua bahagian di KPM.

- iii. DBP hendaklah mematuhi sepenuhnya proses kerja yang telah ditetapkan supaya mutu penerbitan terjamin serta memastikan kerugian tidak berlaku.
- iv. DBP hendaklah melantik seorang penyunting yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang mata pelajaran berkaitan. Jika tiada yang layak, DBP hendaklah melantik penyunting dari luar.

KPM dan DBP akan membuat penambahbaikan dengan segera berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh SPRM.



Buku Teks *English Year 1 KSSR* Sekolah Kebangsaan

Ikrar Integriti Korporat / *Corporate Integrity Pledge (CIP)*

Ikrar Integriti Korporat dalam memerangi rasuah merupakan inisiatif penting bagi meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia dan menarik lebih banyak pelaburan asing (*FDI*) ke negara ini. Sesebuah syarikat yang menandatangani Ikrar Integriti Korporat ini akan memastikan bahawa syarikat mereka tidak akan terlibat dalam sebarang jenayah rasuah. Ikrar Integriti Korporat menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat untuk menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah.

Terdapat 5 prinsip dalam Ikrar ini iaitu:

- i. **MEMPROMOSIKAN** nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik;
- ii. **MEMPERKUKUKKAN** mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah;
- iii. **PEMATUHAN** undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan untuk memerangi rasuah;
- iv. **MEMBANTERAS** sebarang bentuk amalan rasuah; dan
- v. **MENYOKONG** inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ikrar Integriti Korporat ini telah dibangunkan secara bersama oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), *Transparency International Malaysia* (TI-M) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sehingga bulan Disember 2011, sebanyak 61 buah syarikat korporat telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat ini dan ianya boleh dilayari melalui portal IIM dan SPRM. Senarai syarikat korporat yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama SPRM adalah seperti di **Lampiran 1**.



Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat antara pihak Malayan Banking Berhad (Maybank) dengan SPRM

Pemantauan Projek Mega Kerajaan

PEMANTAUAN INI ADALAH SUATU PROSES DI MANA SPRM MEMANTAU SERTA MENASIHATI BADAN-BADAN AWAM YANG SEDANG MELAKSANAKAN SESUATU PROJEK MEGA KERAJAAN TENTANG AMALAN, SISTEM DAN TATACARA KERJA YANG SESUAI. MELALUI PEMANTAUAN DAN KHIDMAT NASIHAT, SPRM MEMBERIKAN MAKLUMAT DAN PANDUAN TENTANG CARA-CARA MENCEGAH SERTA MENUTUP RUANG DAN PELUANG BERLAKUNYA RASUAH DALAM AMALAN, SISTEM DAN TATACARA KERJA DARI PERINGKAT PERANCANGAN, PERLAKSANAAN SEHINGGA PENYIAPAN PROJEK TERSEBUT.

Projek mega ditafsirkan sebagai projek yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- i. Projek melibatkan kos bernilai RM500 juta ke atas; atau
- ii. Projek yang menjadi perhatian umum disebabkan impak projek terhadap komuniti, alam sekitar dan peruntukan kewangan.

Pada tahun 2007 hingga 2009, 4% hingga 5% daripada keseluruhan maklumat yang diterima oleh SPRM adalah melibatkan kesalahan rasuah dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan. Walaupun jumlah ini agak kecil, kes-kes sebegini memberi impak yang besar kepada persepsi dan tahap keyakinan masyarakat terhadap tadbir urus kewangan kerajaan.

Antara kesan rasuah terhadap pelaksanaan projek mega di Malaysia termasuklah projek lambat disiapkan, projek terbengkalai, peningkatan harga dan ketirisan. Antara contohnya ialah kes bangunan MATRADE, Kuala Lumpur; Penjara Kuching, Sarawak; keruntuhan Stadium Negeri Terengganu, Terengganu; keretakan jejambat projek *Middle Ring Road 2 (MRR2)*, Kuala Lumpur dan perbelanjaan tidak terkawal projek *Port Klang Free Zone (PKFZ)*, Selangor.

Pemantauan dibuat melalui penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pelaksanaan Projek Mega Kerajaan yang akan memantau pelaksanaan projek ini. Jawatankuasa ini berperanan bagi memastikan integriti semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek mega kerajaan. Jawatankuasa ini juga merupakan satu mekanisme '*check and balance*' bagi mengelakkan berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan selain dari ketirisan projek serta pembaziran dana awam. Melalui jawatankuasa ini, tiga jawatankuasa kerja diwujudkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Kerja Pengambilan Balik Tanah yang bertujuan memantau proses pengambilan balik tanah serta mengenalpasti risiko-risiko yang boleh berlaku seperti manipulasi harga pampasan tanah;
- ii. Jawatankuasa Kerja *Integrity Pact (IP)* iaitu bertujuan untuk menyemak *IP* yang disediakan oleh pemilik projek/*Project Delivery Partner (PDP)*/kontraktor; dan
- iii. Jawatankuasa Kerja Komunikasi dan Pendidikan bertujuan untuk melaksanakan program komunikasi dan pendidikan ke arah pengukuhan integriti di kalangan pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan projek mega.

Projek Mega Kerajaan yang dipantau ketika ini adalah Projek Sistem Pengangkutan Pantas (*Mass Rapid Transit* atau *MRT*) Lembah Klang yang membabitkan pembinaan rangkaian rel menghubungkan ibu kota dengan enam kawasan yang memanfaatkan lebih enam juta pengguna. Projek yang dianggarkan berharga RM36 bilion ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pertengahan tahun 2011 meliputi laluan ke Serdang, Cheras, Kepong, Damansara, Subang Jaya dan Puchong.

Projek *MRT* merupakan satu daripada lima program utama yang akan dilaksanakan di bawah projek Greater KL yang meliputi ibu negara dan bandar satelit di sekitarnya. Kontraktor yang terpilih bagi melaksanakan projek ini ialah konsortium usaha sama Gamuda Bhd dan MMC Corporation Bhd (Gamuda-MMC).

Sistem Pengurusan Akauntabiliti Dan Integriti (SPAI)

Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPAI) merupakan satu usaha untuk meminimumkan atau menghapuskan sama sekali risiko rasuah dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti utama badan awam. Sistem ini menggunakan pendekatan penilaian risiko (*risk assessment*) dan pengurusan risiko (*risk management*)

untuk membantu agensi menyediakan Pelan Pengurusan Risiko (PPR). Antara agensi yang telah mendapatkan bantuan untuk memahami kaedah SPAI ini dan menyediakan Pelan Pengurusan Risiko adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12: Agensi Yang Telah Mendapatkan Bantuan Untuk Memahami Kaedah SPAI

| BIL | AGENSI/JABATAN | TARIKH |
|-----|--|-------------------------------|
| 1. | Syarikat Perumahan Negara Berhad | 11 hingga 14 Januari 2011 |
| 2. | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) | 28 Februari hingga 2 Mac 2011 |
| 3. | Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad | 3 Mac 2011 |
| 4. | Kementerian Pelajaran Malaysia | 4 - 8 April 2011 |
| 5. | Kementerian Dalam Negeri (Siri 1/2011) | 4 - 7 Mei 2011 |
| 6. | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | 14 - 15 September 2011 |
| 7. | Kementerian Dalam Negeri (Siri 2/2011) | 20 - 23 September 2011 |
| 8. | Kementerian Dalam Negeri (Siri 3/2011) | 18 - 21 Oktober 2011 |

Pusat Informasi Hadiah

Pemberian dan penerimaan hadiah boleh dikategorikan sebagai rasuah sekiranya terdapat elemen niat jahat serta mempengaruhi sesuatu keputusan. Terdapat banyak kekeliruan masyarakat mengenai status pemberian dan penerimaan hadiah itu sendiri. Sehubungan dengan itu, Pusat Informasi Hadiah ini merupakan satu saluran bagi memberi nasihat kepada orang ramai yang mempunyai sebarang masalah dan kekeliruan sama ada hadiah boleh diberi atau diterima atau menjadi kesalahan rasuah. Khidmat nasihat ini dibuat melalui:

Telefon dan SMS

019-6000 103 dan 019-6000 104

Emel

hadiah@sprm.gov.my

Laman Sesawang

www.sprm.gov.my

Jabatan Angkat

PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PPPR) PADA 26 MEI 2011 TELAH MENCADANGKAN KONSEP JABATAN ANGKAT SEBAGAI USAHA MEMBANTU AGENSI YANG MEMPUNYAI MASALAH BERKAITAN SISTEM DAN PROSEDUR. 'JABATAN ANGKAT' INI TIDAK MERANGKUMI JABATAN KERAJAAN SAHAJA SEBALIKNYA BAHAGIAN ATAU UNIT TERTENTU YANG BERISIKO TINGGI DALAM SESEBUAH ORGANISASI. KONSEP SEUMPAMA INI TELAH DILAKSANAKAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA (JAN) YANG DIKENALI SEBAGAI PROGRAM 'ANAK ANGKAT'.

Jabatan Angkat ini merupakan satu pendekatan untuk membantu mana-mana jabatan yang dikenalpasti mempunyai masalah khususnya berkaitan sistem dan prosedur kerja. Mekanisme pelaksanaannya ialah:

- i. Bertindak secara '*quick response*' terhadap sebarang maklumat/tohmahan yang diterima;
- ii. Menyediakan '*liason officer*' untuk jabatan angkat bagi memberi khidmat nasihat khususnya berhubung dengan sistem dan prosedur kerja;
- iii. Mengadakan '*smart partnership*' dengan jabatan angkat untuk aspek pencegahan rasuah seperti seminar, rundingan meja bulat, kursus dan lain-lain;
- iv. Mengadakan latihan/kursus berhubung dengan aspek pencegahan rasuah; dan
- v. Mengadakan operasi secara bersama.

Kriteria pemilihan untuk dijadikan jabatan angkat adalah berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. Jabatan yang banyak menerima aduan/tohmahan rasuah berdasarkan rekod SPRM; atau
- ii. Jabatan yang dikenalpasti mempunyai kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah berdasarkan penemuan audit; atau
- iii. Jabatan yang banyak diadukan kepada Biro Pengaduan Awam berhubung dengan kelemahan sistem dan prosedur yang membuka ruang dan peluang perlakuan rasuah; atau
- iv. Permintaan daripada jabatan itu sendiri; atau
- v. Jabatan yang dicadangkan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM.

Khidmat Nasihat

Sebanyak 45 Khidmat Nasihat telah diberikan kepada jabatan untuk penambahbaikan sistem dan prosedur bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Khidmat Nasihat yang diberikan adalah seperti di **Lampiran 2**.

Surat Nasihat

Di samping itu, sebanyak 65 Surat Nasihat telah dikemukakan kepada jabatan kerana gagal mematuhi peraturan atau pekeliing yang sedia ada seperti di **Lampiran 3**.

PEMANTAPAN KEUTUHAN PENGURUSAN

Pelbagai bentuk pembaharuan, transformasi dan usaha untuk memantapkan keutuhan pentadbiran, mempertingkatkan tadbir urus dan mengurangkan karenah birokrasi dalam sektor awam telah dilakukan oleh Kerajaan. Usaha-usaha ini perlu dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh dan tidak boleh bergerak secara bersendirian kerana akan melibatkan isu pertindihan tugas yang pastinya akan membazirkan masa, tenaga dan kos. Mekanisme pelaksanaan usaha ini dihuraikan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 – Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus. Tindakan-tindakan yang dihuraikan dalam arahan ini perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen dan berterusan bagi memastikan pencapaian Wawasan 2020 dan gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Arahan ini juga dikeluarkan bagi memperkukuhkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)

JAWATANKUASA KEUTUHAN TADBIR URUS (JKTU) MERUPAKAN SATU MEKANISME UNTUK MEMBANTU PROSES TRANSFORMASI DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN KE ARAH BERSAMA MEMANTAPKAN TAHAP INTEGRITI, MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN MEMINIMAKAN KARENAH BIROKRASI SUPAYA DAPAT MENUTUP RUANG DAN PELUANG BERLAKU RASUAH, SALAHGUNA KUASA, PENYELEWENGAN SERTA KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KERAJAAN DI SAMPING DAPAT MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.

Satu Arahan dan dua Garis Panduan telah dihasilkan sebagai usaha ke arah Pematapan Keutuhan Tadbir Urus bagi tahun 2011, seperti berikut:-

- i. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Siri 1 No. 1 Tahun 2011 – Gerakan Pematapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah pada 28 Februari 2011.
- ii. Garis Panduan Penubuhan Unit Pematuhan di Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri pada 9 Mac 2011; dan
- iii. Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah bertarikh 11 Mei 2011.



Mesyuarat Urusetia JKJU Peringkat Kebangsaan Siri 4 Bil. 1 Tahun 2011

Keputusan Mesyuarat JKKMKPK Dalam Tahun 2011

Dalam tahun 2011, sebanyak 13 isu daripada Mesyuarat Urus Setia JKJU Peringkat Kebangsaan dan Mesyuarat Khas JKJU telah dibawa ke Mesyuarat JKKMKPK untuk keputusan dasar iaitu:

- i. Semua ketua jabatan di peringkat Kementerian atau Kerajaan Negeri perlu bekerjasama melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan bagi meningkatkan integriti supaya dapat menaikkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI);
- ii. Semua Kementerian dan Kerajaan Negeri diminta melaksanakan penilaian dan kajian impak terhadap kejayaan JKJU masing-masing bagi mencapai sasaran tahun 2011. Hasil kajian dibentangkan di dalam Mesyuarat JKKMKPK untuk dipertimbangkan pemberian pengiktirafan;
- iii. Penghayatan nilai murni perlu dilaksanakan secara berterusan dan dibincangkan sepanjang masa untuk rujukan generasi muda. Semakan semula buku Sistem Pengauditan Audit Nilai (SPAN) akan dilakukan pada tahun 2012. Cakera Padat (CD) mengenai nilai-nilai murni akan diterbitkan oleh Pasukan Khas Perunding JKJU (PKPJKTU) II untuk edaran;
- iv. Kementerian dan Kerajaan Negeri melaksanakan pemantauan serta penyimpanan maklumat penerimaan Hadiah/Keahlian Golf Secara Nominee/Sumbangan Dana untuk Kelab Sukan;

- v. Kementerian dan Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Pematuhan untuk melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan pematuhan sistem dan prosedur kerja dengan menggunakan perjawatan sedia ada. SPRM mencadangkan supaya nama Unit Pematuhan ditukar kepada Unit Integriti bagi mengelakkan kekeliruan dengan Unit Audit;
- vi. Cadangan supaya Kementerian dan Kerajaan Negeri menubuhkan JKTU di peringkat anak syarikat kerajaan bagi memantau operasi anak syarikat berkenaan;
- vii. Kajian berhubung pengisytiharan harta oleh pegawai kerajaan dan ahli politik akan dilaksanakan oleh Pengarah SPRM Negeri bersama-sama dengan PKPJKTU III untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pegawai kerajaan dan ahli politik;
- viii. Kajian mengenai perbelanjaan dana penyelidikan yang diterima oleh kementerian-kementerian yang berkaitan akan dilaksanakan oleh PKPJKTU I untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti serta faedah hasil kajian tersebut kepada kerajaan;
- ix. Kajian berkaitan kelemahan undang-undang dan prosedur untuk menangani pembalakan haram akan dilaksanakan oleh PKPJKTU I;
- x. Kajian mengenai penurunan kuasa kepada pegawai penguatkuasa untuk merampas kenderaan yang digunakan untuk aktiviti penyeludupan barang seperti minyak diesel akan dilaksanakan oleh KPDNKK dan MOT;
- xi. Kajian mengenai *Variation Order (VO)* dan *Extension of Time (EOT)* yang telah menyebabkan peningkatan kos projek dan kelewatan penyiapan projek akan dilaksanakan oleh PKPJKTU I;
- xii. Cadangan supaya pelantikan pegawai kanan *GLC* seperti *Chief Executive Officer (CEO)* dan *Managing Director (MD)* perlu melalui proses tapisan keutuhan untuk mempertingkatkan integriti *GLC*; dan



Mesyuarat JKKMKPK Siri 68 Bil. 2 Tahun 2011 pada 26 Julai 2011 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri

- xiii. Syarikat Alcatel Lucent telah didapati memberi rasuah kepada pegawai Telekom Malaysia (TM) untuk mendapatkan kontrak. Perkara ini telah menjejaskan imej negara. SPRM mencadangkan supaya syarikat-syarikat termasuk *Multi National Corporation (MNC)* yang terbukti memberi rasuah kepada pegawai kerajaan termasuk *GLC* disenarai hitamkan daripada mendapat sebarang kontrak kerajaan/*GLC* untuk tempoh tertentu. Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara diminta meneliti perkara ini.

Selain dari itu, terdapat juga beberapa keputusan penting yang telah dihasilkan dalam Mesyuarat JKKMKPK dalam tahun 2011 seperti berikut:

- i. Statistik maklumat, aduan dan tangkapan oleh SPRM bagi tahun 2010 boleh dijadikan indikator ke atas kejayaan Kerajaan dalam usaha memerangi rasuah. Kerjasama yang ditunjukkan oleh penjawat awam yang tampil memberi maklumat berkenaan orang yang cuba memberi rasuah menunjukkan wujudnya transformasi budaya yang menolak amalan rasuah dalam masyarakat. Kejayaan-kejayaan ini perlu dihebahkan kepada masyarakat umum melalui forum atau saluran yang bersesuaian oleh semua Ketua Jabatan Kerajaan.
- ii. Pendekatan *Integrity Pact* dalam pelaksanaan Projek *MRT* Sungai Buloh – Kajang oleh SPRM perlu diteruskan dengan projek-projek mega kerajaan yang lain bagi memastikan pembangunan kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi nilai untuk wang (*value for money*). Pendekatan ini memberi kesempatan kepada semua pihak, sama ada di peringkat agensi kerajaan, pihak swasta mahupun Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLC*) untuk menilai pelaksanaan projek secara menyeluruh. Pada masa yang sama, ia mampu menutup ruang dan peluang daripada berlakunya ketirisan yang akan mengakibatkan kerugian kepada rakyat.
- iii. Pelaksanaan *ETP* misalnya, melibatkan pelaburan yang besar. Maka, sebarang unsur rasuah dan ketirisan akan melibatkan kerugian yang besar kepada semua pihak. Walaupun punca pelaburan inisiatif *ETP* adalah daripada pihak swasta, namun pelaksanaannya hendaklah dipantau oleh SPRM supaya mematuhi prinsip-prinsip integriti.
- iv. SPRM perlu meningkatkan usaha-usaha pemantapan kapasiti dalam aspek kemahiran dan peralatan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam melaksanakan tugasnya.

- v. SPRM diminta meningkatkan latihan dan kemahiran para pegawai terutamanya dari segi teknik penyiasatan. Pegawai SPRM hendaklah melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti. Pegawai SPRM tidak seharusnya mempunyai persepsi seolah-olah pihak yang sedang disiasat telah melakukan kesalahan sebelum mereka dibuktikan bersalah. Pegawai SPRM perlu menjalankan siasatan secara profesional dan tidak memberi tekanan kepada pihak yang disiasat. SPRM diminta supaya mengambil pengajaran daripada kes kematian mendiang Teoh Beng Hock dan mengambil tindakan susulan seperti yang diperakukan oleh Laporan Suruhanjaya Diraja Untuk Menyiasat Kematian Teoh Beng Hock.
 - vi. YB Menteri atau YAB Menteri Besar/Ketua Menteri hendaklah memastikan supaya Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) Peringkat Kementerian dan Negeri diadakan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada setiap bulan Januari, Mei dan September.
 - vii. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010. Diharapkan dengan berkuatkuasanya akta ini, penyaluran maklumat kepada agensi penguatkuasa seperti SPRM akan lebih tepat dan usaha-usaha pencegahan rasuah dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Kesan langsung daripada tindakan ini akan dapat mengurangkan persepsi yang kurang baik terhadap kegiatan rasuah dalam kalangan penjawat awam.
- i. Mendokumenkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan yang telah dibuat bagi meningkatkan imej agensi penguatkuasa; dan
 - ii. Menghasilkan kod etika agensi penguatkuasaan yang seragam.

Mengurangkan Ketirisan, Meningkatkan Hasil

Penumpuan diberikan ke arah memastikan semua tatacara kewangan termasuk isu yang berkaitan dengan norma-norma susila, ketelusan, akauntabiliti dan *value for money* diambil kira dalam penggubalan dasar-dasar berkaitan dengan hasil dan perbelanjaan di bawah kawalannya. Selain itu, fokus utama agensi/jabatan adalah untuk mengurangkan ketirisan dan seterusnya meningkatkan hasil.

SPRM selaku Penyelaras JKJU Peringkat Kebangsaan telah mendapatkan isu-isu generik dan cadangan-cadangan kertas pembentangan berkaitan tadbir urus baik untuk dibawa ke Mesyuarat Urusetia JKJU Peringkat Kebangsaan/JKTU Khas. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut pada tahun 2011 beberapa isu telah ditimbulkan, seterusnya telah diputuskan untuk dibuat kajian lanjut seperti berikut:

Memantapkan Tadbir Urus Agensi Kerajaan

Bagi memastikan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus ini mengikut landasan yang betul, sebanyak sembilan sesi rundingan dan pemantauan telah dilaksanakan kepada lima Kementerian dan empat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri; manakala tujuh taklimat dan 15 bengkel Jawatankuasa Tadbir Urus telah dilaksanakan di Kementerian/SUK Negeri/Agensi sepanjang tahun 2011.

Bahagian Keutuhan Pengurusan (BKP) selaku urusetia Mesyuarat Urusetia JKJU Peringkat Kebangsaan dengan kerjasama NKRA—Perangi Rasuah telah mengadakan Seminar Agensi-agensi Penguatkuasa Malaysia yang telah dihadiri oleh 25 agensi penguatkuasa di Malaysia. Seminar ini bertujuan untuk menjalinkan persefahaman yang erat dan berkongsi pengalaman ke arah meningkatkan imej agensi-agensi penguatkuasa Malaysia. Seminar ini telah menghasilkan ketetapan seperti berikut:

- i. Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order* atau *VO*) dan Lanjutan Tempoh Masa (*Extension of Time* atau *EOT*) projek-projek kerajaan. Isu dibangkitkan berikutan kelonggaran dari segi prosedur telah memberi ruang kepada kontraktor untuk memanipulasi *VO* dan *EOT*.
- ii. Kajian berkaitan dana untuk tujuan penyelidikan memandangkan terdapat kelemahan dalam pengendalian geran.
- iii. Kelemahan pemantauan menyebabkan kelewatan dan kecacatan projek (projek terbengkalai).
- iv. Proses rundingan terus yang boleh merugikan kerajaan sekiranya mengikut harga yang ditawarkan oleh syarikat tanpa menilai harga pasaran.
- v. Isu surat layang yang sukar untuk mendapat kesahihan kerana penulis tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- vi. Cadangan untuk mengeluarkan suatu arahan/undang-undang yang menetapkan mana-mana Menteri Besar atau Ketua Menteri tidak dibenarkan untuk mengeluarkan mana-mana lesen terutama sekali yang berkaitan dengan pembalakan dan pemberian tanah.

Pasukan Khas Perunding JKTU (PKPJKTU)

PASUKAN KHAS PERUNDING JAWATANKUASA KEUTUHAN TADBIR URUS (PKPJKTU) MERUPAKAN SATU MEKANISME UNTUK MEMBANTU PELAKSANAAN JKTU SERTA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN KEATAS APA-APA KEPUTUSAN SAMA ADA YANG DIHASILKAN DARIPADA MESYUARAT URUSETIA JKTU PERINGKAT KEBANGSAAN ATAU MESYUARAT KHAS JKTU ATAU ARAHAN DARIPADA MESYUARAT JKKMKPK.

Empat Pasukan Khas Perunding ditubuhkan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan oleh PKPJKTU. Setiap PKPJKTU diketuai oleh sebuah jabatan dan dianggotai oleh beberapa jabatan lain serta bertanggungjawab untuk terma rujukan JKTU tertentu seperti berikut:

- i. PKPJKTU I diketuai oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bagi terma rujukan Dasar dan Perundangan serta Sistem dan Prosedur Kerja.
- ii. PKPJKTU II diketuai oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bagi terma rujukan Nilai-nilai Murni dan Kod Etika serta Pengiktirafan dan Penghargaan.
- iii. PKPJKTU III diketuai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi terma rujukan Kawalan Dalam dan Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan.
- iv. PKPJKTU IV diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri bagi terma rujukan Pengurusan Pelanggan.

Melalui keempat-empat PKPJKTU ini, kajian secara mendalam dilaksanakan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Urusetia JKTU Peringkat Kebangsaan/ JKTU Khas.

Antara kajian penting yang telah dijalankan oleh PKPJKTU adalah:

- i. Isu tanah yang diusahakan tetapi hak milik diberi kepada orang lain.
- ii. Kelemahan undang-undang dan prosedur untuk menangani pembalakan haram.
- iii. *Variation Order (VO)* dan *Extension of Time (EOT)* yang telah menyebabkan peningkatan kos projek dan kelewatan penyiapan projek.
- iv. Kajian mengenai perbelanjaan Dana Penyelidikan yang diterima oleh Kementerian-kementerian yang berkaitan.
- v. Penubuhan Unit Pematuhan/Unit Integriti di Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Negeri.

- vi. Isu berkaitan *Cooling off Period* ke atas pesara kerajaan bagi mengelakkan penglibatan dan pengaruh mereka secara langsung dalam urusan perolehan kerajaan sejourus selepas bersara.

Kejayaan-Kejayaan

Beberapa keputusan dan kelulusan hasil daripada JKTU telah diperolehi seperti berikut:

- i. Mesyuarat JKKMKPK Siri 67 Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 10 Mac 2011 bersetuju Perlantikan Pegawai Kanan *Government Link Companies (GLC)* seperti *Chief Executive Officer (CEO)* dan *Managing Director (MD)* perlu melalui proses Tapisan Keutuhan untuk memastikan calon-calon yang berintegriti mengetuai *GLC*.
- ii. Semua Kementerian, SUK Negeri dan agensi/jabatan digalakkan mengadakan '*risk management*' untuk aktiviti/projek/program utama jabatan yang berisiko rasuah. Tujuan pelaksanaan pengurusan risiko merupakan satu kawalan sistem untuk menutup ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti, seterusnya meningkatkan tadbir urus baik jabatan. Kaedah ini juga telah digunakan di peringkat antarabangsa seperti negara Thailand, Korea dan Indonesia untuk menaikkan indeks persepsi rasuah dan telah memperoleh kejayaan.
- iii. Semua Kementerian dan Kerajaan Negeri melaksanakan pemantauan serta penyimpanan maklumat penerimaan hadiah/keahlian kelab golf secara *nominee*/sumbangan dana untuk kelab sukan. Mesyuarat JKKMKPK Siri 67 Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 10 Mac 2011 bersetuju semua Ketua Jabatan di peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri mengambil tindakan ke atas perkara ini.
- iv. Kementerian dan Kerajaan Negeri menubuhkan JKTU di peringkat anak syarikat Kerajaan bagi memantau operasi anak syarikat berkenaan. Keputusan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat JKKMKPK Siri 67 Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 10 Mac 2011 dan semua Ketua Jabatan di peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri mengambil tindakan ke atas perkara ini.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) - PERANGI RASUAH

Amanat yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak melalui pengenalan Program Transformasi Kerajaan (*GTP*) secara keseluruhannya adalah untuk menyeru supaya hasil transformasi Kerajaan yang sedang berlaku dapat disampaikan kepada rakyat berpandukan tema 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Menyedari kepentingan untuk membanteras rasuah selaras dengan kemajuan yang kian dicapai negara serta peningkatan kebajikan kepada rakyat, maka ia telah dijadikan keutamaan Kerajaan di bawah *GTP*.

Ketegasan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam usaha membanteras rasuah dapat dilihat melalui ucapan YAB di Malam Transformasi Bersama Rakyat: Untukmu Malaysia.




RASUAH DIBARATKAN *PENYAKIT BARAH* YANG BERKEUPAYAAN MEMUSNAHKAN MASYARAKAT, MERANAPKAN NEGARA DAN MERUNTUHKAN TAMADUN.....



Melalui Makmal *NKRA* Perangi Rasuah, tiga sub-bidang utama yang perlu didukung bagi mencapai Aspirasi *NKRA* Perangi Rasuah telah dikenalpasti seperti di **Rajah 5**.

Rajah 5: Sub-Bidang Utama Bagi Mencapai Aspirasi *NKRA*



Pelaksanaan inisiatif-inisiatif *NKRA* Perangi Rasuah di bawah *GTP* diterajui melalui pemantauan terhadap pelaksanaan serta pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Negara (KPI) yang khusus berserta sasaran yang telah ditetapkan seperti di **Rajah 6**.

Rajah 6: Petunjuk Prestasi Negara (KPI) Beserta Sasaran Yang Ditetapkan

| BIDANG TUMPUAN/ SUB <i>NKRA</i> | PETUNJUK PRESTASI UTAMA NEGARA | BASELINE (TAHUN 2011) | SASARAN (TAHUN 2012) |
|---|---|--------------------------|-------------------------|
| Persepsi Awam | Skor Indeks Persepsi Rasuah (<i>CPI</i>) | 4.90 | 4.90 |
| | Kajian <i>Global Corruption Barometer TI (GCB)</i> terhadap tindakan Kerajaan dalam membanteras rasuah: - % yang menjawab “berkesan” | 50% | 52% |
| | Kajian persepsi <i>TNS</i> terhadap tanggapan rakyat sejauh mana agensi-agensi penguatkuasa terlibat dengan perlakuan rasuah | 3.50 | 2.75 |
| Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan | Bilangan kes penangkapan yang dibawa ke perbicaraan | 20% | 20% |
| | Jumlah saman yang diselesaikan berbanding dengan saman yang dikeluarkan oleh JPJ | 60% | 60% |
| | Bilangan saman dikeluarkan berbanding jumlah jam operasi (Polis Trafik) | 12 | 13 |
| | Menghasilkan Prosedur Operasi Standard yang jelas dan dipersetujui untuk pelaksanaan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat 2010 yang berkesan | NKPI Baru | 5 Agensi |
| | Permulaan pelaporan bilangan sebenar kes pemberi maklumat | NKPI Baru | 5 Agensi |
| | Peratusan penyelesaian aktiviti Unit Pematuhan | 60% | 85% |
| Perolehan Kerajaan | Bilangan kementerian yang mencapai skor melebihi 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan | 19 | 22 |
| | Peratus perolehan kerajaan dengan <i>Integrity Pact</i> | 80% | 100% |
| | 70% daripada pihak berkepentingan EPP yang telah menandatangani <i>Corporate Integrity Pledge (CIP)</i> | 70% | 100% |
| Rasuah Besar | Peratusan perbicaraan kes rasuah diselesaikan dalam tempoh satu tahun | 70% | 70% |
| | Jumlah individu dalam pengkalan data pesalah rasuah | 100 | 300 |

NKRA Perangi Rasuah sedang dalam proses menjalankan kesemua 27 inisiatif yang diamanahkan sehingga akhir tahun 2012. Inisiatif-inisiatif *NKRA* Perangi Rasuah kini berada di pelbagai peringkat pelaksanaan dan ada di antaranya telah selesai dan hasil pelaksanaan sentiasa dipantau serta dilaporkan. Selain

daripada sembilan ‘*Big Win*’ yang telah ditumpukan pada tahun 2010 dan 2011, *NKRA* Perangi Rasuah turut memberi tumpuan kepada 18 inisiatif lain untuk dilaksanakan. Antara inisiatif yang menunjukkan kemajuan adalah seperti berikut:

1. Jadual Liga Prestasi Integriti Bagi Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 1 Tahun 2008, telah mewujudkan 'System Star Rating' (SSR) untuk meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan PBT. Dalam pada itu, sebanyak 352 kriteria telah dirangkumkan dalam SSR tahun 2008 dan penilaian itu dikategorikan seperti berikut:

- Pengurusan (30%)
- Perkhidmatan-perkhidmatan teras (35%)
- Pengurusan pelanggan (15%)
- Penyertaan komuniti dan pandangan penduduk (20%)

SSR yang dilaksanakan oleh KPKT dilihat sebagai satu langkah yang komprehensif. Namun demikian elemen integriti tidak dijadikan salah satu kategori bagi tujuan penilaian prestasi PBT.

NKRA Perangi Rasuah dengan kerjasama PEMANDU telah mengemukakan cadangan kepada pihak KPKT agar elemen-elemen integriti seperti ketelusan dan akauntabiliti dikelompokkan sebagai satu kategori khas bagi menilai prestasi integriti PBT dan bukan hanya bergantung kepada aktiviti pengurusan, pentadbiran dan kewangan semata-mata. Jadual Liga Prestasi Integriti telah dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa perunding Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan April yang lalu.

2. Pangkalan Data Pesalah Rasuah

Pangkalan Data Pesalah Rasuah telah dipaparkan di laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (www.sprm.gov.my) bermula 4 Mac 2010. Objektif pangkalan data ini adalah untuk mewujudkan kesedaran tentang kesan buruk rasuah dan sebagai langkah untuk menghalang individu daripada terlibat dengan amalan rasuah.

Pangkalan Data Pesalah Rasuah ini mengandungi maklumat mengenai pesalah rasuah termasuk nombor kad pengenalan, kesalahan dan hukuman serta denda yang dikenakan. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 722 nama pesalah rasuah direkodkan dan akan dikekalkan di laman sesawang untuk tempoh tiga tahun.



Laman sesawang pangkalan data pesalah rasuah

Inisiatif ini telah mendapat pujian dari negara-negara luar negara yang menggunakan laman sesawang ini sebagai rujukan untuk tujuan kelulusan permohonan visa ke negara mereka.

Inisiatif NKRA ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama yang padu antara Bahagian Pengurusan Rekod Dan Teknologi Maklumat dengan Bahagian Pendakwaan dan Perundangan SPRM. Pemantauan kepada pangkalan data ini dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Portal SPRM.

3. Modul Kajian Pasaran

Modul ini dalam peringkat ujian penerimaan pengguna. Agensi kerajaan boleh membuat capaian maklumat perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebutharga, tender dan e-Bidding yang telah dilaksanakan oleh agensi lain. Berpandukan maklumat ini, agensi boleh membuat perbandingan harga dan spesifikasi sebagai panduan sebelum melaksanakan perolehan.




4. Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Akta ini telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010. Lima agensi penguatkuasaan utama iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mula melaksanakan Akta ini memandangkan mereka adalah agensi penguatkuasaan yang mempunyai kuasa penyiasatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Akta ini bertujuan untuk:

- Memerangi rasuah dan salah laku lain dalam sektor awam dan swasta;
- Menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan apa-apa perbuatan rasuah dan salah laku lain yang termasuk di bawah kelakuan tidak wajar di bawah akta ini;
- Memberi perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah serta perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan;
- Memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan tindakan yang memudaratkan; dan
- Memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah bagi remedi.

Setiap agensi penguatkuasa yang terlibat bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan bulanan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi penyelarasan untuk dilaporkan kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Buku Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

5. Meningkatkan Kesedaran Orang Awam Terhadap Sebarang Pindaan Atau Kewujudan Undang-Undang Dan Prosedur Baru

NKRA Perangi Rasuah dengan kerjasama Bahagian Keutuhan Pengurusan SPRM telah mendapatkan informasi berhubung pindaan atau kewujudan undang-undang atau prosedur baru daripada semua Kementerian dan agensi. Maklumat tersebut telah dikumpulkan dan dibukukan untuk dikongsikan bersama rakyat Malaysia yang tinggal di kampung-kampung dan kawasan luar bandar berhubung transformasi sistem perkhidmatan awam, pindaan undang-undang, prosedur dan proses.

Buku Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan ini telah diedarkan kepada stesen-stesen radio untuk tujuan hebahan serta disampaikan dalam loghat atau dialek negeri masing-masing. Selain itu, ia juga diagihkan kepada rakyat melalui program-program bersama rakyat di luar bandar.



Buku Transformasi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

6. Pembiayaan Politik

Inisiatif ini merujuk kepada ketelusan di dalam pembiayaan sesuatu parti politik di mana sebarang sumbangan politik yang diterima daripada mana-mana individu atau syarikat perlu memenuhi beberapa elemen iaitu:

- i. Dibuat atas nama parti (bukan atas nama individu) ;
- ii. Dimasukkan ke dalam akaun parti, direkodkan serta dikeluarkan resit penerimaan; dan
- iii. Diaudit pada setiap akhir tahun kewangan.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di mana semua elemen tersebut dimasukkan sebagai peraturan baru di dalam Perkara 14 Peraturan-Peraturan Pertubuhan.

Bagi memperkukuhkan pelaksanaan inisiatif ini, kajian dan semakan terhadap beberapa Akta yang berkaitan sedang dilakukan. Antara Akta yang terlibat adalah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613), Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) sedang dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan dan mengelak percanggahan.

7. Agensi Pusat Bagi Menguruskan Harta Rampasan (CAMCORP)

NKRA Perangi Rasuah dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah bekerjasama melaksanakan sesi perkongsian maklumat bersama Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan berhubung pengendalian aset yang dibeku, disita dan dilucuthak. Sesi ini melibatkan lima agensi penguatkuasa utama iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Bagi menambahkan pemahaman berhubung pelaksanaan inisiatif ini, Bank Negara Malaysia telah menjemput wakil-wakil dari negara-negara yang telah melaksanakan program seumpamanya iaitu *International Monetary Fund (IMF)*, *US Marshall*, *Treasury of United Kingdom* dan *Criminal Asset Bureau, Ireland*.

Draf Rang Undang-Undang sedang dalam tindakan dan semakan Jabatan Peguam Negara manakala pelan struktur organisasi dan pelaksanaan sedang diselaraskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Draf Rang Undang-Undang ini dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi tahun 2012.

8. Persepakatan Integriti (*Integrity Pact*)



Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 tahun 2010 bertarikh 16 Disember 2010 yang memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact (IP)* Dalam Perolehan Kerajaan bertarikh 16 Disember 2010. YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar *Integrity Pact* dilaksanakan ke atas satu projek mega di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 sebagai projek peneraju.

Kementerian Kewangan Malaysia telah memperluaskan pelaksanaan *Integrity Pact* kepada semua perolehan kerajaan yang merangkumi perkara berikut:


- Pelaksanaan *IP* bagi penjawat awam yang terlibat dalam perolehan kerajaan;
- Pelaksanaan *IP* bagi Ahli Jawatankuasa berkaitan perolehan;
- Pelaksanaan *IP* bagi Ahli Lembaga /Jawatankuasa Perolehan;
- Pelaksanaan *IP* bagi pembida; dan
- Pelaksanaan *IP* bagi pelantikan perunding.

9. Penghargaan Dan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Tawaran Rasuah

Inisiatif ini telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2010 yang mana telah bersetuju agar suatu pengiktirafan diberi kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan penawaran atau pemberian rasuah. Inisiatif ini diperkenalkan selaras dengan usaha dan komitmen Kerajaan untuk memerangi jenayah rasuah sebagaimana ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Mulai 1 Jun 2011, Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah telah berkuatkuasa.

Objektif pengiktirafan ini adalah untuk:

- Meningkatkan, mengalakkan serta memberi motivasi kepada penjawat awam bagi melaporkan pemberian atau penerimaan rasuah;
- Mewujudkan suatu skim yang khusus untuk memberi pengiktirafan kepada penjawat awam yang melaporkan kes-kes rasuah;
- Mengiktiraf penjawat awam yang memperlihatkan etika dan integriti yang tinggi dalam gejala rasuah serta mengikis pandangan negatif terhadap pelaporan kes rasuah; dan
- Meningkatkan imej sektor awam dan persepsi baik bahawa pegawai awam tidak berkompromi dengan perbuatan rasuah apabila ramai yang tampil membuat laporan.



10. Kebenaran SPRM Mengakses Pangkalan Data Pengisytiharaan Harta

Sesi perbincangan di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 9 Mac 2011 telah mencapai persetujuan di mana pihak JPA telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk mengakses data-data dalam Modul Pengisytiharan Harta Penjawat Awam di dalam Sistem HRMIS. Pelaksanaan inisiatif ini telah mula berkuatkuasa pada Mei 2011. Setakat ini hanya dua orang pegawai dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang telah diberi kuasa untuk mengakses sistem data ini bagi tujuan keselamatan dan kerahsiaan serta mengelakkan penyalahgunaan.



Mesyuarat NKRA yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri



Latar Belakang Ejen Lang

Pada 17 Mac 2011 bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bersesuaian dengan kehebatannya, Burung Helang telah dipilih menjadi maskot anti rasuah yang dikenali sebagai Ejen Lang. Pemilihan maskot ini dikongsi oleh lima agensi penguatkuasaan utama iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan Jabatan Imigresen dengan harapan untuk menggalakkan orang ramai menjadi mata dan telinga kerajaan dalam usaha membanteras gejala rasuah.

Lang adalah nama singkatan untuk Burung Helang. Ejen Lang yang berwarna hitam dan putih, melambangkan ketegasan yang ketara di mana dalam isu rasuah – Integriti tidak boleh dikompromi.

Sebagai Helang, ia mempunyai ketangkasan dan kepantasan hebat serta sentiasa berwaspada menggunakan sepenuhnya pandangan tajam untuk menjejaki perlakuan rasuah. Pendiam, fokus dan cerdik, Ejen Lang berupaya menumpaskan mereka yang melakukan rasuah. Ejen Lang bersedia untuk beraksi pada bila-bila masa dan menggunakan pedang kembarnya yang berupaya mencantas apa jua bentuk rasuah. Lebih dari sekadar senjata, pedang kembar itu juga melambangkan kerjasama rakyat dan kerajaan untuk membanteras gejala rasuah di negara tercinta.

Dengan hasratnya yang membara untuk menegakkan keadilan dan integriti. Ejen Lang adalah wira sebenar rakyat, yang mempertahankan kita dari kejahatan rasuah dan mengajak rakyat untuk berwaspada sepertiinya serta melaporkan apabila mereka melihat perlakuan jijik itu berlaku.

1-800-88-6000

P E N D I D I K A N
M A S Y A R A K A T

PENDIDIKAN MASYARAKAT

Rasuah merupakan jenayah berat yang sama seriusnya dengan jenayah bunuh, rogol dan merompak. Jenayah ini wujud tanpa mengira masa dan ruang. Kesan daripada jenayah ini tidak boleh diukur dengan nilai rasuah yang terlibat. Walau sekecil mana pun nilai rasuah, natijahnya amat buruk. Bukan sahaja boleh merosakkan ekonomi dan menjejaskan pembangunan negara, malah ianya mampu menjatuhkan dan menghakis kepercayaan terhadap kerajaan, organisasi, institusi dan individu serta anggota masyarakat.

Selaras dengan penggubalan Akta SPRM 2009, SPRM sentiasa bertindak tegas dan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap penjenayah rasuah ini. Pada masa yang sama, SPRM turut melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan integriti dan kebertanggungjawaban kakitangan dan pegawai pentadbiran sektor kerajaan, swasta, *NGO*, politik, pelajar dan masyarakat awam.

Strategi Pendidikan Masyarakat

USAHA UNTUK MEMBENTUK NEGARA YANG BEBAS RASUAH BUKAN SATU TUGAS YANG MUDAH. TANPA SOKONGAN DARIPADA MASYARAKAT, SUDAH PASTI SEGALA USAHA YANG DILAKSANAKAN OLEH SPRM TIDAK AKAN BERJAYA SEPENUHNYA. MASYARAKAT PERLU MENYEDARI BAHAWA RASUAH BUKAN MENGENAI PARTI POLITIK, STATUS, WARNA KULIT ATAU AGAMA. RASUAH BERLAKU AKIBAT KERUNTUHAN MORAL DAN TERHAKISNYA INTEGRITI DALAM DIRI SESEORANG INDIVIDU ITU.

SPRM melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat telah mengambil beberapa pendekatan yang lebih holistik dengan melaksanakan dua strategi komunikasi selaras dengan seksyen 7(f) Akta SPRM 2009 untuk mendidik orang ramai menentang rasuah serta mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah. Dua strategi tersebut adalah seperti berikut:



Komunikasi Bersemuka

Pendidikan secara bersemuka merupakan strategi paling berkesan untuk menyampaikan mesej anti rasuah kepada masyarakat. Melalui strategi ini, SPRM dapat menjelaskan isu-isu penting yang sering menjadi persoalan atau topik perbualan masyarakat. Masyarakat juga dapat berinteraksi secara terus dengan SPRM dan mendapatkan informasi berkaitan SPRM dan isu rasuah terkini.

Sepanjang tahun 2011, pelbagai program pendidikan masyarakat telah dilaksanakan, antaranya adalah:

Ceramah

Hasil daripada kesedaran masyarakat serta perkhidmatan awam dan swasta untuk membanteras jenayah rasuah, SPRM telah menerima undangan daripada pelbagai pihak untuk memberi penerangan dan pendidikan tentang perundangan, punca, kesan dan simptom serta langkah-langkah untuk mengatakan “Tidak Kepada Rasuah”. Sebanyak 2,105 ceramah telah disampaikan oleh penceramah-penceramah SPRM seluruh Malaysia yang melibatkan seramai 162,512 orang peserta. Peserta-peserta ini adalah terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan sektor pekerjaan seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13: Jumlah Peserta Dan Aktiviti Ceramah 2011

| Bil. | SEKTOR | JUMLAH CERAMAH | JUMLAH PESERTA |
|--------------------|---------------|----------------|----------------|
| 1. | Kerajaan | 1,686 | 106,395 |
| 2. | Swasta | 281 | 18,543 |
| 3. | Sosio-Politik | 63 | 21,249 |
| 4. | Pelajar | 75 | 16,325 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 2,105 | 162,512 |

Analisa yang dijalankan terhadap maklumbalas ceramah yang telah disampaikan dalam tahun 2011 mendapati 38.7% peserta tidak memiliki pengetahuan tentang rasuah sebelum ceramah.

Selepas mendengar ceramah, pengetahuan tentang rasuah telah meningkat kepada 93.6% peserta iaitu peningkatan sebanyak 54.9%. Seramai 99.5% orang responden menyatakan bahawa ceramah yang disampaikan berguna kepada mereka berbanding 0.5% yang menyatakan bahawa ceramah berkenaan tidak berguna/tidak menyatakannya. Ini menunjukkan bahawa aktiviti ceramah yang disampaikan oleh SPRM memberi kesan positif.

Ceramah Muzikal

Ceramah muzikal merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh SPRM untuk menyampaikan mesej anti rasuah kepada masyarakat. Dengan menggunakan instrumen muzik, ceramah pencegahan rasuah akan menjadi lebih menarik dan seterusnya mesej anti rasuah dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 17 ceramah muzikal telah disampaikan di seluruh Negara. Ceramah muzikal ini turut mendapat permintaan daripada negara jiran apabila Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menjemput penceramah SPRM untuk menyampaikan ceramah muzikal kepada rakyat Negara tersebut. Ceramah muzikal yang telah diadakan pada 26 Januari 2011 dan 23 hingga 30 Julai 2011 telah mendapat sambutan menggalakkan apabila kehadiran peserta adalah antara 4,000 hingga 5,000 bagi setiap sesi ceramah.



Keratan akhbar berkaitan ceramah muzikal di Brunei Darussalam

Pameran

Pameran merupakan salah satu kaedah berkesan untuk menyampaikan mesej anti rasuah kepada masyarakat. Melalui pameran ini, penerangan secara lisan dapat diberikan dalam menghuraikan dan memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang tidak jelas atau kemusykilan oleh pengunjung secara bersemuka semasa pameran tersebut dijalankan melalui poster dan risalah serta tayangan video.

Pada tahun 2011, SPRM telah menganjurkan sebanyak 261 pameran di seluruh Malaysia. Melalui pameran yang dijalankan ini, masyarakat mendapat maklumat yang lebih terperinci, tepat dan khusus dalam usaha-usaha yang dilakukan oleh SPRM untuk pembanteras rasuah di Malaysia.



Komunikasi bersemuka bersama pengunjung ketika pameran SPRM



Gerai pameran SPRM

Seminar

Ke arah usaha pembanterasannya jenayah rasuah dan meningkatkan integriti dalam agensi penguatkuasa, sebanyak 28 seminar pencegahan rasuah telah dilaksanakan. Seminar ini disertai oleh 'key communicator' dari pelbagai agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PUSPAKOM, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Pulau Pinang (PKMMPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pendekatan yang digunakan dalam seminar ini adalah merangkumi ceramah, bengkel, taklimat, dialog, pameran dan edaran bahan cetakan. Seminar-seminar yang diadakan ini adalah bertujuan untuk menanam budaya integriti dan sikap membenci rasuah di kalangan pegawai penguatkuasa undang-undang dalam melahirkan warga kerja yang dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang.

Selain daripada itu, usaha-usaha yang diambil ini adalah merupakan pelan jangka panjang bagi memperbaiki persepsi masyarakat terhadap agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan.

Bengkel Dan Perbincangan Meja Bulat

Bengkel dan perbincangan meja bulat ini diadakan bertujuan untuk membantu agensi-agensi penguatkuasa atau sesuatu jabatan untuk mengatasi, menyelesaikan dan mencegah permasalahan yang mungkin boleh membawa kepada kepada ruang dan peluang berlakunya jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam sesuatu agensi atau jabatan.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 74 perbincangan meja bulat telah dilaksanakan, antaranya melibatkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi Malaysia (KPDNKK).

Melalui bengkel dan perbincangan meja bulat yang diadakan ini, jabatan dan agensi yang terlibat dapat membincangkan dan membuat penambahbaikan aspek-aspek dasar/perundangan jabatan, sistem dan prosedur kerja, pengurusan pelanggan dan kawalan dalaman.



Sesi perbincangan meja bulat dan soal jawab bersama pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi (SPR IPT)

SPRM mengambil langkah proaktif untuk mendekati golongan pelajar IPT yang merupakan '*professional in training*'. Ini penting supaya golongan pelajar IPT ini diterapkan dengan sifat integriti dan pencegahan rasuah sebelum mereka melangkah ke dunia pekerjaan sebenar.

Sebanyak 17 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bergerak aktif dengan menganjurkan sebanyak 113 aktiviti pemantapan jati diri dan pencegahan rasuah di peringkat universiti masing-masing. 17 IPTA tersebut ialah:

- i. Universiti Malaya (UM);
- ii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iii. Universiti Sains Malaysia (USM);
- iv. Universiti Putra Malaysia (UPM)
- v. Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- vi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- vii. Universiti Utara Malaysia (UUM);
- viii. Universiti Malaysia Sarawak (UniMas);
- ix. Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- x. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);
- xi. Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- xii. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM);
- xiii. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP);
- xiv. Universiti Malaysia Pahang (UMP);
- xv. Universiti Malaysia Kelantan (UMK);
- xvi. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM); dan
- xvii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Usaha-usaha mendidik golongan pelajar ini menunjukkan hasil positif apabila Kajian Keberkesanan Program Sekretariat Pencegahan Rasuah IPTA 2011 yang dibuat pada awal tahun 2011 mendapati peningkatan tahap kesedaran pelajar mengenai jenayah rasuah. Menurut kajian yang sama, sebanyak 73.2% pelajar IPT sanggup melaporkan kes rasuah jika identiti diri mereka dirahsiakan dan 69.6% bersedia untuk melaporkan kes rasuah jika mereka melihat kejadian tersebut. Menurut kajian ini juga, tahap kesedaran pelajar terhadap rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa hanya sekitar 45% sebelum mereka menyertai SPR IPT tersebut.

Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT 2011

Pada 17 hingga 20 November 2011, SPRM dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan "Konvensyen Sekretariat IPT 2011" bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor dan bertemakan "Memperkukuhkan Jati Diri Memerangi Rasuah". Objektif konvensyen ini ialah untuk:

- i. Memantapkan pemahaman Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT dan Alumni tentang fungsi, peranan dan aspirasi SPRM demi meningkatkan keyakinan serta persepsi masyarakat dalam usaha-usaha pencegahan rasuah, dan
- ii. Menjalinkan usahasama yang berterusan antara Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT dan alumni seluruh negara dalam agenda pencegahan rasuah di kalangan pelajar IPT.



Ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah IPT bergambar bersama selepas majlis penutupan Konvensyen SPR IPT 2011 di UKM, Bangi, Selangor

Pertandingan Video Pengumuman Khidmat Awam Anti-Rasuah 2011 (Video PSA)

Pertandingan Video PSA yang dianjurkan SPRM bersama Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (KPKK) telah berlangsung dari 15 Julai hingga 15 Oktober 2011. Pertandingan ini melibatkan semua pelajar dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh Malaysia. Sebanyak 14 buah video telah dipertandingkan yang melibatkan 10 buah IPTA dan IPTS seluruh Malaysia. Senarai pemenang pertandingan ini adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Pemenang Pertandingan Video PSA 2011

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG | UNIVERSITI |
|-----------|-------------------------------------|--|
| Pertama | Suhana Binti Md Nor | Universiti Malaysia Perlis, Perlis |
| Kedua | Noor Syazwani Binti Hilmy | UiTM Shah Alam, Selangor |
| Ketiga | Izzad Amir Bin Abdul Karim | Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka |
| Ke-4 | Leong Mei Cian | Universiti Tunku Abdul Rahman, Selangor |
| Ke-5 | Mohd Farhan Syamir Bin Baharudin | UniKL British Malaysia Institute, Selangor |
| Ke-6 | Claudine Tabatha Egbert | INTI International University, Negeri Sembilan |
| Ke-7 | Muhammad Rabbani Bin Jamaludin | Universiti Industri Selangor, Selangor |
| Ke-8 | Ghaddafi Bin Mohamed Firdause | Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak |
| Ke-9 | Farah Ayuni Binti Ahmad Burhanuddin | Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu |
| Ke-10 | Sakinah Binti Safari | Universiti Malaysia Sabah, Sabah |

Video yang membawa mesej “*Corruption Is About Harm*” yang dihasilkan oleh SPR IPT Universiti Malaysia Perlis telah dipilih menjuarai Pertandingan Video Pengumuman Khidmat Awam Anti-Rasuah 2011 (Video PSA) (*Anti Corruption Public Service Announcement Video Competition 2011*). Kejayaan tersebut sekaligus telah melayakkan video ini untuk bertanding di peringkat antarabangsa di Hong Kong pada 7 Disember 2011 hingga 10 Disember 2011 sempena sambutan Hari Anti-Rasuah Sedunia.



Tn. Hj Anis Yusal, Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM merupakan salah seorang pembentang kertas kerja di *International Anti-Corruption Public Service Announcement*.



Lee Cheng Teik wakil dari SPRM telah membentangkan “Corruption Is About Harm” di *International Anti-Corruption Public Service Announcement*

Program Bersama Masyarakat (*Public Engagement*)

Usaha SPRM untuk mewujudkan masyarakat berintegriti dan bebas rasuah terus mendapat sokongan masyarakat. Program berbentuk pendidikan anti-rasuah tidak lagi dianjurkan oleh SPRM sahaja. Banyak persatuan *NGO* mengambil inisiatif atau bekerjasama dengan SPRM untuk menganjurkan program-program anti rasuah.

Pada tahun 2011, sebanyak 52 program perhubungan masyarakat berbentuk interaksi dua hala telah dianjurkan bersama persatuan *NGO* seperti berikut:

- i. Pertubuhan Pendidikan Pencegahan Rasuah Malaysia (PPPRM);
- ii. *Malaysian Institute of Development and Asian Studies (MiDAS), UCSI University dan Bangsa Malaysia @ YahooGroups*;
- iii. Persatuan India Sepang;
- iv. Pertubuhan Kesenian dan Kebudayaan India, Sepang;
- v. Persatuan Pengusaha Teksi Lembah Klang, Kuala Lumpur (PPTLK);
- vi. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM);
- vii. Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM);
- viii. Pertubuhan Penyatuan Pembelaan Melayu Malaysia (PPPMM); dan
- ix. Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (*Hua Zong*).

a) Program Bersama Pertubuhan Pendidikan Pencegahan Rasuah Malaysia (PPPRM)

Penglibatan PPPRM yang ditubuhkan pada tahun 2010 telah membuka lembaran baru kepada usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Penganjuran beberapa siri program “*1 Rakyat, 1 Integriti*” dan “*Gelombang Rakyat*” di kawasan luar bandar dilihat mampu memberi impak yang tersendiri. Ini kerana, program-program yang dijalankan oleh PPPRM ini seringkali mendapat sambutan dan sokongan masyarakat.

b) Program Anjuran *Malaysian Institute Of Development And Asian Studies (MiDAS), UCSI University Dan Bangsa Malaysia@YahooGroups*

Malaysian Institute of Development and Asian Studies (MiDAS), UCSI University dan Bangsa Malaysia@YahooGroups yang dianggotai golongan profesional turut memainkan peranan dalam meningkatkan integriti masyarakat.

Pada 16 September 2011, pertubuhan *NGO* ini telah menganjurkan *National Congress On Integrity (NCOI)* kali ke-6 yang bertemakan “*Ecosystem Of Bribery And Corruption*” bertempat di UCSI University, Kuala Lumpur. Kongres yang membincangkan isu-isu semasa ini dihadiri oleh golongan profesional, ahli korporat, ahli perniagaan dan syarikat swasta. Antara perkara yang dibincangkan ialah:

- i. Sokongan dan kerjasama masyarakat kepada SPRM dalam usaha pembanterasannya rasuah; dan
- ii. Isu pendidikan pencegahan rasuah yang perlu diperbanyakkan lagi.



Program *National Congress On Integrity* kali ke-6 pada 16 September 2011

c) Program Bersama 15 NGO Komuniti India Sepang

Sebanyak 15 Badan Sukarelawan Komuniti India, Sepang telah mengadakan satu program kemasyarakatan bertempat di Dewan Orang Ramai Dengkil pada 23 Julai 2011.

Kehadiran lebih 150 orang anggota masyarakat India sekitar Dengkil dalam program ini menunjukkan bahawa masyarakat India menyedari dan memberi sokongan kepada usaha-usaha pambanterasan rasuah yang dijalankan oleh SPRM.



Program Bersama Komuniti Masyarakat India Sepang

d) Program Bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) 2011

Majlis yang julung kalinya diadakan ini merupakan inisiatif NGO dengan kerjasama SPRM dalam usaha memberi penerangan tentang amalan dan kesan perlakuan rasuah dengan lebih mendalam kepada ahli-ahli Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

Sebelum pelancaran kempen ini berlangsung, pemandu-pemandu teksi diberikan taklimat berhubung kesalahan-kesalahan rasuah dan peranan mereka dalam menyebarkan mesej anti rasuah. Sehingga kini, terdapat 200 buah teksi yang membawa mesej “Anda Boleh Lakukan Perubahan, Perangi Rasuah” serta nombor talian bebas tol 1-800-88-6000.

Program yang diadakan pada 28 Mei 2011 ini melibatkan tiga segmen iaitu taklimat “Bagaimana Menghadapi Tekanan”, majlis penerangan bertajuk “Peranan dan Tanggungjawab NGO Dalam Memerangi Rasuah” dan majlis dialog yang bertemakan “Ke Arah Rasuah Sifar: Peranan NGO Dalam Memerangi Rasuah”.

e) Kempen Perangi Rasuah Melalui Teksi

Kempen pencegahan rasuah dengan menggunakan kenderaan awam seperti teksi sebagai medium perantaraan turut dilaksanakan pada tahun 2011. Melalui kempen ini, pemandu teksi dilantik menjadi “Duta Kecil SPRM” yang berperanan untuk membantu SPRM dalam menyampaikan maklumat dengan jelas dan betul mengenai perkara-perkara berkaitan rasuah kepada orang ramai. Mereka turut bertindak sebagai pemberi maklumat sekiranya mereka mempunyai maklumat tentang sesuatu perlakuan jenayah rasuah. Mereka boleh bertindak sebagai “mata dan telinga SPRM”.



Salah sebuah teksi yang mengambil bahagian dalam Kempen Perangi Rasuah Melalui Teksi yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Promosi Media

Kempen melalui media massa diteruskan pada tahun 2011 bagi memastikan mesej SPRM mencapai sebaran yang luas. Kempen yang dijalankan ini adalah pelengkap dalam misi untuk mendidik masyarakat untuk menentang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Kajian oleh Merdeka Centre pada tahun 2009 mendapati, sebanyak 63% responden yang berumur 20 tahun dan ke atas menjelaskan bahawa mereka mendapat maklumat berkaitan perlakuan rasuah dari media cetak dan media elektronik.

Iklan SPRM Di Papan Iklan LED

SPRM telah memperoleh sokongan dan kerjasama daripada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyiarkan kapsul-kapsul dan iklan-iklan kesedaran dan penerapan nilai-nilai membenci rasuah di papan-papan Iklan LED seperti berikut:

- i. Papan Iklan LED seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur;
- ii. Papan Iklan LED seliaan Majlis Bandaraya Melaka, Melaka;
- iii. Papan Iklan LED seliaan Dewan Bandaraya Shah Alam, Selangor;
- iv. Papan Iklan LED seliaan Dewan Bandaraya Ipoh, Perak;
- v. Papan Iklan LED Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan;
- vi. Papan Iklan LED Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Pulau Pinang;
- vii. Papan Iklan LED Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah; dan
- viii. Papan Iklan LED Perbadanan Putrajaya.



Iklan pencegahan rasuah di papan iklan LED di Shah Alam

Iklan SPRM Di Skrin LCD Bangunan-Bangunan Komersial

Iklan-iklan pencegahan rasuah telah disiarkan oleh SPRM di 99 bangunan komersial dengan kapasiti 300 skrin LCD di sekitar Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pulau Pinang dan Johor Bharu seperti di Lampiran 7. Kumpulan yang disasarkan adalah golongan profesional, pengurusan, ahli perniagaan, dan eksekutif yang berurusan di lokasi-lokasi berkenaan.

Iklan-iklan yang disiarkan membawa mesej rasuah adalah jenayah serius yang perlu diperangi secara bersama dan juga peringatan kepada masyarakat untuk melaporkan sebarang pemberian dan penerimaan rasuah.




Salah satu iklan SPRM di Damansara Intan

Iklan SPRM Di Skrin LCD Restoran Mamak

SPRM sekali lagi telah menggunakan saluran pengiklanan melalui restoran mamak untuk menyampaikan mesej anti rasuah. Kerjasama antara SPRM dan rangkaian “Teh Tarik TV” ini menyaksikan mesej SPRM disiarkan di 60 buah restoran mamak di seluruh Lembah Kelang.

Iklan-iklan disiarkan mulai 1 Jun 2011 hingga 30 September 2011 turut membawa mesej yang sama seperti iklan di skrin LCD bangunan-bangunan komersial.



Iklan SPRM Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT)

Sepanjang tahun 2010, seramai 34.1 juta penumpang/pengguna telah menggunakan KLIA dan LCCT, di mana 23.8 juta orang penumpang adalah penumpang antarabangsa dan 10.3 juta penumpang adalah penumpang domestik. Justeru, pada tahun 2011, SPRM dan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) telah menjalinkan kerjasama dalam usaha mempromosi kempen memerangi rasuah kepada penumpang/pengguna KLIA dan LCCT.

Mesej SPRM ini ditayangkan di 25 skrin LCD seperti **Jadual 15**. Kempen ini juga boleh memberi gambaran kepada masyarakat dalam dan luar negara mengenai komitmen kerajaan dalam usaha pembanteras rasuah serta peningkatan integriti di negara ini.

Jadual 15: Jumlah Skrin LCD di KLIA dan LCCT

| BIL. | LOKASI SKRIN LCD | JUMLAH SKRIN LCD |
|--------|-----------------------|------------------|
| 1. | Dalam Bangunan KLIA | 5 |
| 2. | KLIA (Balai Ketibaan) | 4 |
| 3. | KLIA (Balai Berlepas) | 4 |
| 4. | LCCT (Balai Ketibaan) | 4 |
| 5. | LCCT (Balai Berlepas) | 4 |
| JUMLAH | | 25 |

Tayangan Kapsul Dan Iklan Di Cimb Biz Tv

CIMB Bank merupakan bank kedua terbesar di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan perbankan runcit ke atas lebih 320,000 orang pelanggan sehari di 320 cawangannya di seluruh Malaysia. Pada tahun 2010, CIMB Bank telah menerima “Anugerah Bank Terbaik 2010” di Malaysia iaitu “The Banker And The Best Bank oleh Euromoney”.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Synovate Ltd. mendapati 77% pelanggan yang berumur antara 24 tahun hingga 55 tahun yang paling banyak berurusan di CIMB Bank. Kajian yang sama turut mendapati 87% pelanggan CIMB Bank dapat mengingat satu atau lebih kempen-kempen yang ditayangkan di LCD Skrin di kawasan kaunter bank.

Sehubungan dengan itu, pada 1 Disember 2011 hingga 29 Februari 2012, SPRM dengan kerjasama pihak CIMB Bank telah menayangkan iklan-iklan serta kapsul-kapsul pencegahan rasuah dengan tempoh masa (berdurasi) 30 saat di semua cawangan CIMB Bank seluruh Malaysia.

Tayangan Kapsul Dan Iklan Di SihatTV

SihatTV merupakan salah satu medium pengiklanan berdasarkan paparan digital utama di 120 pusat kesihatan terpilih seluruh Lembah Klang. Dianggarkan seramai 310,000 orang penonton menonton info yang ditayangkan di SihatTV pada setiap bulan. Ini kerana, ketika menunggu nombor giliran, pesakit atau peneman mereka akan melihat skrin SihatTV untuk melihat nombor giliran mereka.

Selaras dengan objektif kempen SPRM untuk memberi kesedaran dan maklumat serta pendidikan kepada masyarakat tanpa mengira siapa mereka, SPRM telah menayangkan iklan-iklan serta kapsul-kapsul pencegahan rasuah di 120 buah pusat kesihatan terpilih yang mempunyai SihatTV. Penyebaran mesej kepada pelbagai kumpulan sasar yang berbeza ini akan menjadikan masyarakat lebih peka kepada usaha meningkatkan tahap integriti dan bersama-sama SPRM untuk memerangi rasuah.

Tayangan Iklan 30 Saat Di Pawagam

Pawagam merupakan salah tempat yang digunakan oleh masyarakat untuk beriadah terutamanya di kalangan golongan remaja dan belia. Daripada kajian yang dijalankan oleh *'Metrik Research'* mendapati golongan yang terbesar menonton wayang adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 29 tahun.

Bagi mendidik golongan ini, SPRM telah menyiarkan kempen-kempen pencegahan rasuah di enam dewan tayangan pawagam Cathay Cineplexes dan 21 dewan pawagam TGV Cinemas terpilih seluruh Malaysia. Penyiaran iklan SPRM di pawagam ini bermula 1 Disember 2011 hingga 29 Disember 2011.

Selain pengiklanan secara *"on screen"* di dalam dewan tayangan pawagam, kapsul serta iklan pencegahan rasuah 30 saat turut ditayangkan di 74 LCD skrin di 14 buah pawagam di Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Perak.

Edaran Risalah Di Stesen Minyak Petronas

SPRM dan Petronas Dagangan telah mengadakan Program Perkongsian Bestari dengan meletakkan 12 jenis risalah pencegahan rasuah dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Mandarin di 10 buah stesen minyak Petronas sekitar Lembah Klang, Kajang, Bangi dan Putrajaya.

Pelaksanaan program ini merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan ruang lingkup kempen pencegahan rasuah yang lebih berkesan melalui pendekatan mesra masyarakat.

Tayangan Telemovie, Drama Dan Dokudrama

SPRM turut melaksanakan kempen anti rasuah melalui penerbitan telemovie, drama serta dokudrama yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV Al-Hijrah. Melalui medium ini, masyarakat dididik secara santai mengenai bahaya serta kesan buruk rasuah kepada diri, masyarakat dan negara.

Sebanyak dua buah telemovie diterbitkan dan mempunyai mesej bagaimana hasil yang diperoleh daripada jenayah rasuah boleh memberi kesan kepada keharmonian sesebuah keluarga. Telemovie tersebut adalah seperti berikut;

- i. "Banglo No. 10" ditayangkan di saluran RTM 1 sempena "Hari Raya Aidiladha"; dan
- ii. "Hadiah Untuk Aiman" ditayangkan di saluran TV Al-Hijrah pada 11 Disember 2011 sempena "Hari Anti-Rasuah Sedunia".

SPRM dengan kerjasama RTM turut menerbitkan drama bersiri 13 episod berbentuk aksi yang menggambarkan ketangkasan dan profesionalisme pegawai-pegawai SPRM dalam usaha pambanterasan rasuah. Drama bersiri ini dibuat dalam dua versi seperti berikut:

- i. Drama bersiri Melayu bertajuk “Skuad D6 Putrajaya” ditayangkan di RTM 1 mulai 4 Julai 2011; dan
- ii. Drama bersiri Mandarin bertajuk “*Fan Tan Xing Dong*” (Ops SPRM) ditayangkan mulai 21 November 2010 hingga 6 Februari 2011.

Selain daripada itu, sebuah dokudrama yang diadaptasi berdasarkan kes-kes rasuah sebenar. Melalui dokudrama ini, masyarakat dapat mengambil iktibar dan tauladan agar tidak terlibat dengan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa. Dokudrama bertajuk “Pengakuan” ini telah ditayangkan di RTM 1 mulai 8 April 2011 hingga 1 Julai 2011.

Iklan Dan Kapsul Di Televisyen

Dalam tahun 2011, SPRM turut mendapat kerjasama daripada Media Prima Bhd. (TV3, NTV7 dan 8TV) dan Measat Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. (ASTRO) serta RTM untuk menayangkan iklan-iklan ‘*sound slide*’ serta kapsul-kapsul seperti berikut:

- i. “Amalan Rasuah Ibarat Kupu-Kupu Yang Mati Apabila Menghampiri Api”
- ii. “*Corruption Is A Serious Crime*”
- iii. “*I Help Free A Criminal*”
- iv. “Rasuah Ibarat Anai-Anai”
- v. “Rasuah Adalah Mengenai Kesengsaraan”
- vi. “Rezeki Yang Halal”
- vii. “Terlajak Perahu Boleh Diundur, Terlajak Perbuatan Buruk Padahnya”



Wawancara TV Dan Radio

Wawancara TV dan radio ini bertujuan untuk membincangkan secara ilmiah mengenai persoalan-persoalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta bagaimana untuk meningkatkan tahap integriti masyarakat. Melalui wawancara ini juga, SPRM mengajak masyarakat untuk bersama-sama memerangi jenayah rasuah ini.

Rancangan-rancangan yang berbentuk *'talk show'* dan segmen dokumentari pendek ini telah menarik minat lebih satu juta penonton bagi setiap penyiaran. Antara rancangan-rancangan tersebut adalah seperti **Jadual 16**.



Jadual 16: Senarai Program Bual Bicara Dan Segmen Dokumentari

| BIL. | PROGRAM | TARIKH SIARAN | SALURAN TV |
|------|--|---|-----------------|
| 1. | 13 siri Segmen Khas Buletin Utama | 4 Julai 2011 hingga 19 Disember 2011 | TV3 |
| 2. | Edisi Khas Majalah 3 bertajuk "Demi Integriti" | 24 Disember 2011 | TV3 |
| 3. | Edisi Siasat Mandarin | 12 September 2011 | NTV7 |
| 4. | Segmen 'Assalamualaikum' bersama Timbalan Ketua Pesuruhajaya (Pengurusan dan Profesional) SPRM, YBhg. Dato Haji Zakaria Bin Haji Jaffar. | 9 Disember 2011 | TV Al-Hijrah |
| 5. | Segmen 'Assalamualaikum' bersama Pengarah Bahagian Penyelarasan Dan Pemantauan NKRA, YBhg. Dato' Haji Hisham Bin Haji Nordin. | 10 Disember 2011 | TV Al-Hijrah |
| 6. | 'Hello Malaysia' bersama Ketua Pesuruhajaya SPRM, YBhg. Dato' Sri Abu Kassim Bin Mohamed. | 9 Disember 2011 | Bernamea TV 502 |

BERSAMA LAKUKAN PERUBAHAN



Seiring ke haluan,
capai apa dicitakan
Keazaman di dada,
untuk menggapai impian
Kita kan bersatu
bina perubahan
Menghadapi rintangan
tak rela kecundang

Utamakan kebenaran,
adil dan kejujuran
Jati diri, harapan,
tingkatkan keyakinan
Merempuhi liku
dengan ketulusan
Menghadapi cabaran
dengan ketabahan

Jadikan kita pembela
nyata di mata dunia
Dan mendukung aspirasi kita
menjunjung amanah, beretika

Mampu mengorak
Dan menyusun langkah
ke hadapan
Bersama Lakukan Perubahan
Perangi Rasuah Musuh Kita
.....Bersama

Aizat
- Ikon Artis Remaja

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat (UKK), SPRM berperanan untuk membina dan meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap Suruhanjaya ini melalui inisiatif perhubungan awam, pengurusan media dan paparan berita-berita positif berkaitan Suruhanjaya ini.

Perlaksanaan tindakan yang terancang dan efektif dapat membantu SPRM merealisasikan Aspirasi SPRM iaitu bagi meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip kebebasan, ketelusan, dan profesionalisme.

Fungsi

UKK ditubuhkan dengan misi untuk melaksanakan pelan tindakan perhubungan awam dan komunikasi yang strategik, tepat dan berkesan serta menjalinkan hubungan kerjasama yang rapat dengan media massa, pemimpin-pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan dalam usaha meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat terhadap SPRM. UKK berfungsi sebagai pusat rujukan setempat, saluran penyampaian maklumat dan komunikasi secara efektif secara luaran dan dalaman.

UKK juga bertanggungjawab menyediakan latihan dan khidmat nasihat komunikasi dan perhubungan awam ketika berlaku sesuatu krisis kepada semua Bahagian di Ibu Pejabat SPRM dan Negeri. UKK mengambil pendekatan responsif secara efektif ke atas semua isu negatif berkaitan Suruhanjaya ini melalui tindakan mengeluarkan kenyataan terhadap sesuatu isu dengan cepat dan pantas. Antara krisis yang ditangani pada tahun 2011 adalah semasa Suruhanjaya Siasatan Diraja kes Teoh Beng Hock dan Ahmad Sarbani Mohamed, Pegawai Kanan Kastam.

Pelaksanaan

Beberapa aspek yang menjadi tumpuan utama UKK dalam menjalankan fungsinya ialah:

- Meningkatkan imej dan membentuk persepsi positif masyarakat terhadap SPRM;
- Melaksanakan aktiviti perhubungan dan pengurusan media;
- Memantau, menganalisa dan melaporkan isu-isu berkaitan SPRM yang dikeluarkan tepat dan betul kepada media;
- Mewujudkan jalinan kerjasama yang erat di kalangan pengamal media;
- Mendapatkan pandangan dan maklum balas pengamal media dan pengamal perhubungan awam berhubung sesuatu isu berbangkit;
- Menasihati pengurusan tertinggi berhubung sesuatu isu berbangkit, aktiviti perhubungan awam dan menyediakan jawapan kepada media;
- Memberi khidmat nasihat kepada SPRM negeri untuk hebahan media serta *spinning* sesuatu isu; dan
- Memantau, menyelaras dan mendapatkan maklum balas daripada SPRM Negeri berhubung isu-isu dan kes berkepentingan awam, tangkapan serta pertuduhan dan juga krisis.

Inisiatif Meningkatkan Imej Dan Persepsi Positif

Sebagai sebuah unit yang bertanggungjawab menjadi saluran perhubungan dalam menangani isu-isu berkaitan SPRM, UKK telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:

Pemantauan Media Secara Berterusan

Pemantauan terhadap media elektronik dan cetak dilakukan setiap hari sepanjang tahun. Ini meliputi maklumat dan berita yang disampaikan melalui akhbar, majalah, blog, laman web, dan laman sosial.

Kenyataan Dan Makluman Kepada Media (Nota Kepada Pengarang)

UKK bertindak sebagai ejen responsif yang menjadi penghubung antara pihak media dan pengurusan SPRM. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 106 kenyataan media telah dikeluarkan merangkumi makluman dan kenyataan berhubung tangkapan, pertuduhan mahupun isu-isu semasa berkenaan Suruhanjaya ini.

Penulisan Artikel

Pegawai UKK turut aktif membuat penulisan melalui medium blog rasmi SPRM iaitu www.ourdifferentview.com, serta menyumbang artikel dan advertorial untuk Buletin SPRM dan akhbar-akhbar utama seperti Utusan Malaysia, Harian Metro, New Straits Times, The Star, The Sun, Sinar Harian dan Nanyang Siang Pau. UKK bekerjasama dengan wartawan bagi memastikan pelaporan sesuatu kes yang mempunyai kepentingan masyarakat mendapat liputan meluas dan membawa impak positif serta menimbulkan kesedaran kepada masyarakat mengenai peranan mereka dalam pencegahan rasuah.

Sidang Media

Dari semasa ke semasa, UKK mengadakan pertemuan secara tertutup dengan pengamal media bagi menjelaskan isu-isu berbangkit. Media diberi ruang secukupnya untuk bertanya soalan dan mendapatkan penjelasan daripada Pengurusan Tertinggi SPRM. Ini memperlihatkan ketelusan SPRM dalam melaksanakan tugas.

Penggunaan Prasarana Media Sosial Dan Media Baru

UKK TURUT MENGGUNAKAN MEDIA BARU SEPERTI *BLOG*, *FACEBOOK*, *TWITTER*, *FLICKR* DAN *YOUTUBE* UNTUK MENYAMPAIKAN MESEJ PENCEGAHAN RASUAH SERTA MEMBERI MAKLUMAT YANG TEPAT KEPADA MASYARAKAT. MEDIA ALTERNATIF INI AMAT BERKESAN DALAM MENDEKATI GOLONGAN MUDA YANG RATA-RATANYA MENGIKUTI PERKEMBANGAN SEMASA MELALUI SALURAN INI.

Portal Rasmi SPRM

Portal rasmi SPRM (www.sprm.gov.my) turut digunakan bagi menyalurkan aktiviti dan isu-isu semasa SPRM. Portal dwi bahasa ini juga memaparkan pelbagai info terkini daripada SPRM negeri dan bahagian. Melalui portal ini masyarakat boleh mendapatkan maklumat seperti berita terkini, kejayaan SPRM, keputusan kes-kes mahkamah, data pesalah rasuah, statistik tangkapan tahunan dan bulanan.

Facebook

Sehingga kini, peminat *Facebook* SPRM telah mencapai lebih daripada 12,000 orang dan perbincangan di dinding paparan '*Facebook*' ini mencapai sehingga lebih 9,000 kali tatapan dalam sehari. Secara purata, setiap bulan lebih 3,500 orang menyertai perbincangan setiap isu di '*Facebook*' ini. Topik-topik perbincangan sentiasa dikemas kini pada setiap hari serta maklum balas segera terhadap soalan yang diutarakan menarik lebih ramai pengunjung untuk memberikan pandangan dan menyuarakan pendapat.

Semua pandangan dan komen yang diberikan dianggap penting demi penambahbaikan imej dan persepsi orang ramai terhadap SPRM. Malah, ada juga maklumat berhubung mengenai rasuah, salahguna kuasa serta penyelewengan dimaklumkan melalui "*Facebook* SPRM".



Portal Rasmi SPRM




Facebook SPRM

Blog, YouTube, Twitter Dan Flickr

Sehingga kini blog rasmi SPRM, www.ourdifferentview.com telah mencecah 'hits' hampir sejuta orang pengunjung sejak ia diwujudkan. Blog ini membolehkan SPRM mendapat maklum balas dan pandangan daripada masyarakat yang mengunjungi blog. SPRM juga telah mempunyai rangkaian *blogger* yang memberi komitmen untuk sama-sama membanteras dan memerangi rasuah melalui penulisan di blog masing-masing.

Bagi memperluaskan sebaran mesej pencegahan rasuah, SPRM turut menggunakan medium sosial lain iaitu 'YouTube' (www.youtube.com/odvmacc). 'Twitter' (www.twitter.com/odvmacc) dan 'Flickr' (www.flickr.com/photos/ourdifferentview).

Capaian tinggi golongan muda terhadap media sosial ini membuatkan SPRM turut menggunakannya bagi mendekati pelbagai lapisan masyarakat. Petikan-petikan ucapan Pengurusan Tertinggi dan tokoh-tokoh berkaitan rasuah turut dimuatkan ke dalam 'YouTube'.



Medium sosial yang digunakan dalam menyebarkan mesej anti-rasuah

ANT
D T
I A
M R
E A
N B
S A
I N
G
S
A

Pencapaian Antarabangsa

KRISIS RASUAH GLOBAL TIDAK DAPAT DIATASI OLEH SESEBUAH NEGARA SECARA TERSENDIRI. DI PERINGKAT ANTARABANGSA, IANYA MEMERLUKAN USAHASAMA SEMUA NEGARA TERMASUKLAH NEGARA BELUM MEMBANGUN, SEDANG MEMBANGUN DAN NEGARA MAJU. DI PERINGKAT DALAM NEGARA PULA, SEMUA RAKYAT PERLU SEHATI SEJIWA UNTUK MENYELAMATKAN NEGARA DARIPADA GEJALA RASUAH INI.

Kerjasama antarabangsa amat penting dalam strategi mana-mana negara untuk memerangi rasuah kerana jenayah ini tidak dibatasi sempadan. Kajian mendedahkan bahawa perasuah secara kebiasaannya cenderung untuk menyembunyikan diri atau hasil perolehan jenayah mereka itu dalam bidang kuasa asing. Penafian tempat perlindungan yang selamat oleh perasuah dan pelaksanaan jenayah mereka adalah amat penting dalam sebarang usaha memerangi rasuah.

Semua inisiatif antarabangsa berhubung bantuan secara dua hala, ekstradisi dan anti pengubahan wang haram hanya akan berkesan sekiranya negara yang terbabit saling bantu membantu. Bagi maksud tersebut, SPRM tidak pernah ketinggalan daripada menyertai mana-mana inisiatif kerjasama di peringkat dalam negara atau antarabangsa. Perkara tersebut adalah selari dengan kehendak artikel 43 kepada Bab IV, Kerjasama Antarabangsa di bawah United Nations Convention Against Corruption (UNCAC), di mana Malaysia merupakan salah satu “*signatory*” kepada UNCAC.

Perlantikan Dalam Badan Antarabangsa

Persidangan Tahunan Dan Mesyuarat Agong Kali ke-6 *International Association Of Anti-Corruption Authorities (IAACA)*

Pada Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agong kali ke-5 IAACA, Malaysia telah dipilih oleh *International Association of Anti-Corruption Authorities* (IAACA) untuk menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agong kali ke-6 IAACA. Ianya akan diadakan pada 4 hingga 7 Oktober 2012 di Kuala Lumpur. Pelantikan ini membuktikan sumbangan SPRM dan satu pengiktirafan di peringkat antarabangsa dalam usaha pambanterasan rasuah.

Sebanyak 181 buah negara peserta akan mengambil bahagian di dalam persidangan dan mesyuarat ini. Tema persidangan pada kali ini adalah “*Technical Assistance and Information Exchange*” di bawah Bab VI *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC).

Pembentangan Kertas Kerja

Advance Analysis Workshop, Virginia, Amerika Syarikat
PsK Regit Singh dari SPRM dan Ms. Lee Wai Leng dari Bank Negara Malaysia telah hadir dan membentangkan kertas kerja bagi pihak Kerajaan Malaysia. Pembentangan menyentuh perkara-perkara yang berkenaan dengan peranan “*Financial Intelligence Unit*” (FIU) di Malaysia dan cara-cara pengendalian operasi serta perbincangan tentang “*Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001*” (AMLATFA 2001).

United Kingdom And Eire Council For Malaysian Student (UKEC)

YBhg. Dato’ Hisham Nordin, Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan NKRA mewakili SPRM dalam membentangkan kertas pembentangan yang bertajuk “*Fighting Corruption in Malaysia*” kepada pelajar-pelajar dari UKEC dari 7 hingga 9 April 2011 di United Kingdom.

Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) SME Ministerial, Related Meeting Dan Seminar APEC, Montana, Amerika Syarikat

Sebanyak 21 buah negara ahli menghadiri mesyuarat ini pada 13 hingga 21 Mei 2011. Mesyuarat dimulai dengan mesyuarat *Working Group* dan diakhiri dengan Mesyuarat Menteri-Menteri “*Asia-Pacific Economic Cooperation*” (APEC). YBhg. Dato’ Hajah Sutinah Sutan turut membentangkan satu kertas kerja bertajuk “*The Importance of APEC Effort to Promote Integrity on Construction Sector (Malaysian Experience)*”. Beliau telah menekankan pentingnya integriti bagi SME khususnya dalam sektor pembinaan dan menggalakkan negara-negara ahli untuk memastikan semua SME menghayati integriti dalam perniagaan mereka.

Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Meeting Working Group Business Release Of The Asian Business Cycles Quarterly, Paris, Perancis

Pada bulan Mac 2011, TPJ Han Chee Rull membentangkan kertas kerja bertajuk “*MACC’s Effort in Combating Foreign Bribery, Obstacles and Difficulties*”. Pengalaman SPRM semasa menjalankan siasatan kes Perwaja dan masalah yang dihadapi dalam memperolehi bantuan dari luar negara turut dikongsi bersama semasa pembentangan kertas kerja ini.

Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK)-Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Conference On Combating Foreign Bribery In International Business Transactions, Bali, Indonesia

YBhg. Dato’ Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan TPR Anthony Kevin Morais masing-masing telah membentangkan kertas kerja dalam persidangan ini yang bertemakan “*Shaping a New World: Combating Foreign Bribery in International Business Transactions*”.

YBhg. Dato’ Sri Abu Kassim Mohamed turut membentangkan kertas kerjanya bertajuk “*Bribery in International Business Transactions Measures to Prevent and Detect Transnational Bribery*”. Manakala TPR Anthony Kevin Morais membentangkan kertas kerja bertajuk “*National Legal Frameworks for Combating Bribery*”.

Mesyuarat Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Working Group On Bribery In International Business Transaction, Paris, Perancis

Pada bulan Jun 2011, Malaysia telah dijemput untuk hadir bersama sebagai *Ad-hoc Observer* dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh “*OECD Working Group on Bribery in International Business Transaction*”. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh TPR Anthony Kevin Morais dan KPKPj Sazali Salbi. SPRM telah diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dalam “*Fighting Transnational Bribery and Recent Experience or Practical Application of the Foreign Bribery Offences*”.

3rd International Association Of Anti-Corruption Authorities (IAACA) Seminar, Shanghai, China

YBhg. Dato’ Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Dato’ Azam Baki dan PKPj Rohaizad Yaakub telah menghadiri seminar ini pada bulan Julai 2011. YBhg. Dato’ Sri Ketua Pesuruhjaya membentangkan kertas bertajuk “Effective Investigation Technique”.



YBhg. Dato’ Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM telah membentangkan kertas kerja bertajuk “Effective Investigation Technique”



4th Corruption Prevention Workshop Among Developing Countries, Beijing, China

Bengkel ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato’ Samsiah Abu Bakar, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM. Satu kertas kerja bertajuk “Community Education in Combating Corruption: Strategies and Approaches” telah dibentangkan. Pembentangan tersebut menyentuh kepentingan program pencegahan yang berkesan di kalangan negara-negara membangun dalam usaha melahirkan masyarakat yang benci rasuah.

7th Asian Development Bank (ADB)/Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Meeting And Seminar, New Delhi, India

Mesyuarat dan seminar pada bulan September 2011 ini dihadiri oleh PKPj Muhammad Salim Sundar Abdullah, PKPj Mohammad Hassan Ismail dan PPJ Abdul Razak Hamzah. PKPj Muhammad Salim Sundar Abdullah membentangkan kertas kerja bertajuk “The Use of Joint Investigation Teams in Corruption Investigations”. Manakala PKPj Mohammad Hassan Ismail pula membentangkan kertas kerja bertajuk “Procurement Reforms Infrastructure”. Pengalaman dan pengetahuan berkaitan inisiatif Kerajaan Malaysia dalam menubuhkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) turut dikongsi bersama.

“7th Asian Development Bank (ADB) Organisation for Economic Cooperation and Development” (OECD) Meeting and Seminar



National Conference On Integrity Of Ghana, Ghana

Pada bulan Oktober 2011, YBhg. Dato' Hajah Sutinah Sutan telah dijemput untuk menghadiri persidangan ini dan membentangkan satu kertas kerja bertajuk "*Building a National Integrity System- The Malaysian Experience*".

Pengalaman Malaysia dalam memperkukuhkan integriti di kalangan masyarakat dan penubuhan Insititut Integriti Malaysia (IIM) di Malaysia turut dikongsi bersama 100 orang peserta dan 20 orang wakil negara dari Botswana, Seirra Leone, Africa Selatan, Ahli Pertubuhan Negara ECOWAS, UNODC, *World Bank* dan "*Danish Development Agency*" (DANIDA) yang merupakan penaja persidangan. Para peserta memuji SPRM dan IIM yang sentiasa berusaha meningkatkan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia.

The 3rd Australian Public Sector Anti Corruption Conference (APSACC) Frementle, Western Australia

Pada bulan November 2011, YBhg. Dato' Hisham Nordin, Pengarah Unit Pemantauan dan Penyelarasan NKRA Rasuah telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja bertajuk "*Procurement Challenges - Developments From Around The World Anti-Corruption Initiatives In Public Procurement: The Malaysian Anti-Corruption Commission Experience*".

International Association Of Anti-Corruption Authorities (IAACA) International Anti-Corruption Public Service Announcement Video Competition And Workshop

Dalam bengkel yang diadakan pada 7 Disember hingga 10 Disember 2011, Tuan Haji Anis Yusaf Yusoff, Ahli Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah SPRM telah menyampaikan satu kertas kerja bertajuk "*Effective Use Of Integrated Media In Enlisting Public Support To Anti-Corruption Work*".

United Nations Asia And Far East Institute (UNAFEI) 5th Regional Seminar On Good Governance For South East Asian Countries, Tokyo, Japan

Pada bulan Disember 2011, YBhg. Dato' Ahmad Khusairi Yahaya, Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan SPRM menyertai seminar ini dan berkongsi pengalaman berkaitan usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Satu kertas kerja bertajuk "*War Against Perception: The Role of Social Media in Gaining Public Support*" telah dibentangkan. Malaysia telah berkongsi pengalaman dengan kejayaan SPRM dalam menggunakan media baru seperti "*YouTube*", "*Facebook*", "*Twitter*" dan lain-lain lagi.

United Nations Asia and Far East Institute (UNAFEI) 5th Regional Seminar on Good Governance for South East Asian Countries



Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Working Group On Bribery International Business Transactions Meeting, Paris, Perancis

Pada bulan Disember 2011, YBhg. Datuk Mustafar Ali, Pengarah Bahagian Siasatan dan TPj Shaharuddin Khalid, Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM menghadiri mesyuarat ini.

TPj Shaharuddin Khalid membentangkan kertas kerja bertajuk “*MACC’s Inovative Partnership With Civil Society Organizations To Work With Private Sector In Enhancing Corporate Compliance*”.

Mesyuarat South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Kali ke-7, Bangkok, Thailand

Pada bulan Disember 2011, YBhg. Datuk Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) dan tiga orang pegawai kanan SPRM menghadiri mesyuarat ini. PPj Azmi Mohd telah membentangkan kertas kerja bertajuk “*The Importance of International Cooperation In A Fight Against Corruption*”. Kerjasama antarabangsa di antara SPRM, BMR Brunei dan CPIB Singapore melalui Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002, Akta (Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971 dan Akta Ekstradisi 1992 telah banyak membawa kejayaan kerjasama antara ketiga-tiga pihak.



International Conference On Asset Recovery, Almaty, Kazakhstan

Pada bulan Mac 2011, YBhg. Datuk Mohd Shukri Abdull dan PKPj Mohd Zamri Zainul Abidin meghadiri persidangan ini. PKPj Mohd Zamri Zainul Abidin membentangkan kertas kerja bertajuk “*Asset Recovery: Malaysian Experience*”.

1. YBhg. Datuk Shukri Abdull bersama Prof. Pakdee Pothisiri, Commissioner of the National Anti-Corruption Commission (NACC) dan Awang Haji Mohd Juanda A. Rashid, Pengarah BMR Brunei Darussalam semasa Mesyuarat SEAPAC kali ke-7 di Bangkok
2. YBhg. Datuk Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) menghadiri mesyuarat SEAPAC kali ke-7 di Bangkok
3. PPj Azmi Mohd membentangkan kertas kerja bertajuk “*The Importance of International Cooperation In A Fight Against Corruption*”

Perkongsi Pengetahuan Dan Kepakaran

Mesyuarat *Organisation For Economic Cooperation And Development (OECD) Working Group On Bribery*, Paris, Perancis.

Ini merupakan kali ketiga SPRM menghantar pegawainya menyertai mesyuarat ini. Kehadiran mereka adalah untuk meneliti dan memahami bagaimana negara-negara ahli OECD memantau pelaksanaan konvensyen OECD.

SPRM turut diminta membuat pembentangan mengenai usaha agensi pencegahan rasuah di Malaysia dalam memerangi rasuah di kalangan pegawai awam asing dan mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengendalian mana-mana siasatan dan pendakwaan.

Mesyuarat Sekretariat *South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC)*, Cambodia

Kehadiran delegasi SPRM adalah untuk membincangkan dan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang masih tertangguh hasil dari mesyuarat SEA-PAC kali keenam di Cambodia. SPRM telah mencadangkan agar tema mesyuarat yang akan datang ialah "*Fighting Corruption through International Cooperation*" dan negara ahli boleh membentangkan kertas mengikut topik khusus masing-masing. Malaysia akan membentangkan kertas kerja bertajuk "*Fighting Corruption in Human Trafficking: The Role of International Cooperation*". SPRM berpendapat tema ini penting untuk diperbincangkan kerana rasuah tidak dapat dibanteras tanpa kerjasama dari negara-negara jiran di rantau ini.

Lawatan Kerja Ke *Anti-Corruption & Civil Rights Commission (ACRC)*, Korea

Lawatan ini telah berjaya mendedahkan pegawai dari Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM kepada beberapa pengetahuan baru mengenai rasuah dan tatacara kerja yang dilaksanakan oleh ACRC dalam pencegahan rasuah. Kaedah-kaedah dan strategi ini telah dimanfaatkan dalam memperkemaskan lagi tugas pegawai di Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM.

Perbincangan Mengenai *Transparency Chapter Of The Trans-Pacific Partnership (TPP) Agreement*, Saigon, Vietnam Dan Lima, Peru.

Perbincangan ini adalah berkaitan rundingan terhadap *Trans Pacific Partnership (TPP)* berkaitan *Transparency Chapter* yang akan dimasukkan ke dalam perjanjian bersama *Trade Agreement*. Rundingan ini bertujuan untuk memperhalusi dan memperincikan *Transparency Chapter* agar ianya menepati hasrat dan kepentingan setiap negara-negara yang menganggotai TPP. Rundingan yang dihadiri KPKPj Badrul Shah Norman ini berkisar kepada penerangan yang diberikan oleh wakil dari Amerika Syarikat berkaitan perincian "*Transparency and Anti Corruption Chapter*".

***Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Expert Group Meeting*, Mexico City, Mexico**

TPj Shaharuddin Khalid, Pengarah Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM telah dilantik untuk menganggotai mesyuarat *Expert Working Group* dan *sub-group* mengenai prinsip asas kod etika bersama perwakilan dari Australia, Amerika Syarikat, Mexico serta wakil swasta (bio-farmasi) iaitu *Glaxo* dan *Johnson*. Sebanyak dua "*sub-group*" bagi membincangkan prinsip asas kod etika dan definisi kandungan kod etika bio-farmasi di negara anggota APEC diwujudkan.

***Workshop On Transnational Crime Investigation*, Taiwan**

SPRM bersama beberapa buah agensi kerajaan lain telah dijemput menyertai bengkel ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman dalam usaha membanteras jenayah yang berlaku di Taiwan dan juga ingin mewujudkan usahasama antara negara-negara yang menghadiri bengkel ini dalam membanteras jenayah rasuah.

Perkhemahan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang, Brunei

Perkhemahan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang 2011 (PAPU) merupakan aktiviti tahunan Unit Pencegahan, Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam. Empat orang wakil dari pihak SPRM telah dijemput untuk menyertai perkhemahan ini.

SPRM menggunakan peluang ini untuk menjalinkan kerjasama dua hala antara BMR-SPRM dalam aktiviti pencegahan rasuah. SPRM juga dapat meluaskan rangkaian sumber berguna bagi mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti rasuah terutama yang berlaku di sempadan Malaysia-Brunei.

Mesyuarat Tahunan Kali Ke-7 Kerjasama Dua Hala SPRM-BMR, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam

Pada 20 hingga 21 Julai 2011, YBhg. Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM telah mengetuai mesyuarat tahunan kali ke-7 Kerjasama Dua Hala SPRM-BMR di Brunei Darussalam. Mesyuarat membincangkan isu kerjasama dua hala dan bantuan undang-undang timbal balik "*Mutual Legal Assistance*" antara BMR dan SPRM. Selain itu, BMR juga dijemput untuk menyertai latihan yang dikendalikan oleh pihak Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Mesyuarat tahunan kerjasama dua hala kali ke-7 di antara Biro Mencegah Rasuah Brunei Darussalam dan SPRM

Mesyuarat *Expert Working Group (EWG)*, Hanoi, Vietnam

Mesyuarat ini dianjurkan oleh *Department of Commerce*, Amerika Syarikat dengan dibantu oleh *American Business Aids Council (ABAC)* dan *Corporate Compliance, Flour Corporation*. Malaysia diwakili oleh YBhg. Dato' Hajah Sutinah Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), SPRM dan juga wakil dari SME Corporation, CIDB dan Persatuan Industri Pembinaan.

YBhg. Dato' Hajah Sutinah telah dilantik menjadi moderator di dalam sebuah kumpulan yang dibentuk di dalam mesyuarat tersebut seterusnya membuat pembentangan hasil perbincangan. Perkara-perkara yang dibincangkan dan dibentangkan adalah mengenai prinsip-prinsip penting yang perlu seperti "*Compare Fairly*", "*Act Honestly*", "*Execute with Integrity*", "*Transparency and Accountability*", "*Bribery and Undue Influence*", "*Health and Safety*", "*Environmental*", "*Treatment of Workers*" dan "*Community Engagement*". Dari segi perlaksanaannya, elemen-elemen yang diperlukan adalah seperti "*Commitment, Oversight, Policies and Procedures, Training and Communication, Reporting Mechanisms, Business Relationships, Advocacy and Promotion*".



Bilateral Meeting Commission On Human Rights And Administrative Justice, CHRAJ-MACC, Accra, Ghana

Pada Oktober 2011, YBhg. Dato' Hajah Sutinah Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dan TPj Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah menghadiri mesyuarat bilateral kali keempat di Ghana. Hasil daripada mesyuarat ini, CHRAJ, Ghana telah menunjukkan minat untuk menghantar pegawai-pegawai mereka ke MACA untuk latihan berkaitan penyiasatan dan pencegahan.

5th International Association Of Anti-Corruption Authorities (IAACA) Annual Conference And General Meeting, Marrakech, Morocco

Persidangan ini dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan yang diketuai oleh Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Abdul Gani Patail. Mesyuarat kali ini membincangkan berkaitan kemajuan dalam melaksanakan IAACA dan menangani rasuah secara global.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Dato' Sri Abu Kassim Mohamed melalui "*Welcoming Speech*" telah menjemput kesemua wakil Negara Mesyuarat ke Persidangan Tahunan 6th IAACA yang bakal diadakan pada 4 hingga 7 Oktober 2012 di Malaysia.

Mesyuarat 6th ACA Forum, Perth, Australia

Mesyuarat ini telah berlangsung di Framantle Australia. Delegasi dari SPRM diwakili oleh YBhg. Datuk Mohd Shukri Abdull, YBhg. Dato' Nor Hisham Nordin dan YBhg. Dato' Ahmad Khusairi Yahaya. Di forum ini, Datuk Mohd Shukri membentangkan kertas kerja berkaitan kejayaan SPRM dalam Ops 3B. Manakala Dato' Nor Hisham pula menyentuh tentang isu-isu dan langkah-langkah Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan integriti dalam sistem perolehan negara.

4th Session Of The Conference Of State Parties (CoSP) To The United Nations Convention Against Corruption (UNCAC), Marrakech, Morocco

Persidangan ini dihadiri oleh wakil-wakil kerajaan yang diketuai oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Liew Vui Keong yang telah membuat perbincangan berhubung kemajuan dalam melaksanakan UNCAC dan menangani rasuah secara global. Dalam pusingan "*horse-trading*" pada mesyuarat ini, kerajaan telah mencapai kompromi akses secara dramatik untuk organisasi-organisasi dalam masyarakat.

Datuk Liew Vui Keong turut menyampaikan ucapan *National Statement* berhubung inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Malaysia dalam usaha-usaha pambanteras rasuah, antaranya "*Witness Protection Act 2009*", "*Whistleblower Protection Act 2010*" dan inisiatif-inisiatif lain di bawah NKRA. Sekali lagi, beliau menggunakan platform ini untuk menjemput kesemua wakil dari Negara Mesyuarat ke 6th IAACA yang akan diadakan dari 4 hingga 7 Oktober 2012 di Malaysia.

1. YB Datuk Liew Vui Keong menyampaikan ucapan *National Statement* di *Conference of State Parties (CoSP)*
2. YB Datuk Liew Vui Keong bersama-sama Ketua Pesuruhjaya SPRM semasa menghadiri persidangan *4th Session of the Conference of State Parties (CoSP)* di Marrakech, Morocco



1



2

Lawatan Delegasi Luar Negara Ke SPRM

SPRM SEBAGAI SALAH SEBUAH AGENSI PENCEGAHAN RASUAH YANG SENTIASA MENJADI TEMPAT RUJUKAN, BERKONGSI PENGALAMANNYA DALAM MEMERANGI RASUAH DENGAN ORGANISASI - ORGANISASI LAIN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2011, seramai 129 orang daripada 18 lawatan dari Agensi Luar Negara telah mengadakan lawatan kerja dan kunjungan hormat ke pejabat SPRM untuk mempelajari usaha-

usaha pembanteras rasuah yang di lakukan oleh SPRM dalam dan luar negara. Lawatan kerja adalah seperti **Jadual 17**.

Jadual 17: Lawatan Kerja Agensi Luar Negara

| BIL. | NEGARA / AGENSI | JUMLAH DELEGASI |
|------|---|-----------------|
| 1 | <i>Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ), Germany</i> | 3 |
| 2 | Kunjungan Hormat Duta EU, Mr. Vincent Piket | 2 |
| 3 | <i>Anti-Corruption Commission, Jordan</i> | 3 |
| 4 | Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia | 2 |
| 5 | <i>North Western University</i> | 4 |
| 6 | <i>Taipei Economic and Cultural Office</i> | 5 |
| 7 | <i>Ambassador Extraordinary and Plenipotentiary, Ukraine</i> | 1 |
| 8 | <i>Fair Fax Group</i> | 1 |
| 9 | <i>Anti-Corruption & Civil Right Commission (ACRC), Korea</i> | 3 |
| 10 | <i>Government Inspectorate, Vietnam</i> | 7 |
| 11 | <i>International Monetary Fund (IMF)</i> | 2 |
| 12 | <i>The Arab Administrative Development Organization (ARADO)</i> | 50 |
| 13 | <i>Control Yuan of the Republic of China</i> | 6 |
| 14 | <i>Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB), Singapore</i> | 6 |
| 15 | <i>Ministry of Home Affairs Inspectorate, Vietnam</i> | 11 |
| 16 | <i>Anti-Corruption & Civil Right Commission (ACRC), Korea</i> | 7 |
| 17 | <i>Legal Affairs, Oman</i> | 8 |
| 18 | <i>Gauteng Provincial Legislature, South Africa</i> | 19 |



1



2




3



6



4



5

1. Kunjungan hormat Mr. Vincent Piket ke atas YBhg. Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM.
2. YBhg. Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Ketua Delegasi dari *Anti-Corruption Commission*, Jordan semasa sesi lawatan kerja ke SPRM.
3. Ketua Pesuruhjaya SPRM Dato' Sri Hj. Abu Kassim Mohamed dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) YBhg. Datuk Hj Shukri Abdull bersama delegasi dari *Anti-Corruption & Civil Right Commission (ACRC)*, Korea.
4. YBhg. Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM sedang memberi penerangan kepada wakil *Government Inspectorate of Vietnam (GIV)*.
5. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) YBhg. Datuk Hj Shukri Abdull bersama delegasi dari Taiwan.
6. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) YBhg. Dato' Sutinah Sutan menyampaikan taklimat kepada delegasi dari *International Monetary Fund (IMF)*.



7



11



8



12



9



10

7. Delegasi dari *Ministry of Home Affairs Inspectorate, Vietnam*.
8. KPKPj Mohd Jaafar Husin menyampaikan cenderamata kepada Mr. Jaewoo Heo semasa sesi taklimat yang dihadiri di MACA
9. Delegasi dari *The Arab Administrative Development Organization (ARADO)*.
10. Sesi taklimat yang dipengerusikan PPJ Karunanithy kepada delegasi dari *Gauteng Provincial Legislature, South Africa*
11. Dato' Hisham Nordin sedang memberi taklimat kepada pelajar *North Western University* berkaitan fungsi dan peranan NKRA.
12. Lawatan kerja oleh Mr. Eric Tan, Pengarah dan delegasi *Corrupt Practice Investigation Bureau (CPIB)* ke SPRM.

P
R
O
F
E
S
S
I
O
N
A
L
I
S
M
E

AKAUNTABILITI & PROFESIONALISME

“If we want unity, we must all be unifiers. If we want accountability, each of us must be accountable for all we do.”

- Christine Gregoire

“Good men are bound by conscience and liberated by accountability.”

- Wes Fessler

Mewujudkan Warga SPRM Yang Profesional

SPRM SENTIASA MENITIKBERATKAN KUALITI KERJA PEGAWAI-PEGAWAINYA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN. SEBAGAI AGENSI PENGUATKUASAAN YANG BERPEGANG KEPADA PRINSIP BEBAS, TELUS, DAN PROFESIONAL, PERLAKUAN SETIAP PEGAWAI SPRM MESTI BERTERASKAN KEPADA AMALAN ETIKA KERJA, NILAI-NILAI MURNI, PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN, SERTA MEMPUNYAI TAHAP INTEGRITI PALING TINGGI.

Bagi melahirkan warga SPRM yang cemerlang dan profesional dalam menjalankan tugas, beberapa pemeriksaan dijalankan di samping membuat pemantauan ke atas pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Beberapa program dilaksanakan dengan objektif seperti berikut:

- i. **Pengurusan Aduan** – untuk memperkukuhkan kecekapan dan keberkesanan mekanisme saluran aduan dalaman serta menjamin kesaksamaan;
- ii. **Pengurusan Tatakelakuan** – untuk meningkatkan kecemerlangan dan profesionalisme warga SPRM melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan serta tindakan pemulihan;
- iii. **Pengurusan Integriti** – untuk memperkasakan integriti warga SPRM melalui penerapan, penghayatan dan pengukuhan nilai-nilai murni; dan
- iv. **Pengurusan Pematuhan** – untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan tadbir urus melalui pematuhan dan pemantauan ke atas sistem kawalan dalaman.

Ujian Integriti (Integrity Testing)

KAEDAH UJIAN INTEGRITI TELAH DIGUNAPAKAI BAGI MENGUJI TAHAP KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPRM

Ujian Integriti yang dilaksanakan pada tahun 2011 meliputi dua skop kerja iaitu Pelaksanaan Penerimaan Aduan dan Pengendalian Panggilan Telefon.

Pelaksanaan Penerimaan Aduan


Ujian Integriti bagi pelaksanaan penerimaan aduan dibuat melalui panggilan telefon kepada pegawai bertugas yang menerima aduan. Pemeriksaan susulan pula dijalankan ke atas Buku Catatan Pegawai Bertugas.

Pengendalian Panggilan Telefon

Ujian bertujuan untuk melihat tahap kecekapan dan keberkesanan pengendalian panggilan telefon oleh Pegawai Khidmat Pelanggan di SPRM negeri dan ibu pejabat serta kakitangan SPRM bahagian-bahagian di ibu pejabat.

Berdasarkan kepada pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak 81% panggilan dijawab dengan hanya tiga deringan atau kurang oleh Pegawai Khidmat Pelanggan di SPRM negeri dan ibu pejabat seperti ditunjukkan dalam Carta 4.

Manakala pemeriksaan terhadap warga SPRM di bahagian-bahagian mendapati, 93% panggilan telah dijawab seperti ditunjukkan dalam Carta 5. Secara keseluruhannya, tahap keberkesanan dan kecekapan semasa berurusan melalui telefon di SPRM adalah baik.



Carta 4 dan 5: Bilangan Deringan Panggilan Dijawab

Pengurusan Pematuhan

BAGI MEMASTIKAN ORGANISASI YANG DINAMIK DAN CEMERLANG, PENGURUSAN PEMATUHAN MENJADI SUATU ELEMEN YANG PENTING DALAM MEMBUDAYAKAN URUS TADBIR TERBAIK DI SPRM.

Pada tahun 2011, SPRM telah menjalankan auditan prestasi di 15 Pusat Tanggungjawab (PTJ) SPRM Negeri. Pemeriksaan ditumpukan kepada aspek pengurusan aktiviti-aktiviti siasatan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan

serta pengurusan rekod. SPRM Negeri Selangor telah dipilih untuk dinobatkan sebagai penerima Anugerah Prestasi Terbaik 2010 pada Hari Inovasi SPRM 2011.

Pengurusan Tatakelakuan

PENGURUSAN TATAKELAKUAN MERUPAKAN SALAH SATU USAHA KE ARAH PEMANTAPAN DISIPLIN DALAM PERKHIDMATAN SPRM YANG BERMATLAMAT MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI.

SPRM sebagai agensi penguatkuasa sentiasa mengutamakan disiplin yang tinggi dan tingkah laku yang baik. Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Aduan SPRM berperanan sebagai satu mekanisme yang memantau pengendalian aduan mengenai salahlaku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah.

Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan melalui peruntukan seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 bertanggungjawab mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja dan membuat cadangan penambahbaikan. Sepanjang tahun 2011, Jawatankuasa ini telah memantau tindakan ke atas 86 aduan yang diterima berbanding sebanyak 54 aduan pada tahun 2010.

Daripada 86 aduan yang diterima, sebanyak 77 (89.5%) aduan diambil tindakan siasatan manakala sembilan (10.5%) aduan difailkan (*NFA*). Siasatan menghasilkan 13 Kertas Lembaga Tatatertib dan tujuh Surat Amaran Pentadbiran.

Sepanjang tahun 2011, pelaksanaan Hukuman Tatatertib membabitkan 15 kes iaitu Bebas dua kes (13.3%), Amaran enam kes (40.0%), Denda tiga kes (20.0%), Tangguh Pergerakan Gaji satu kes (6.7%), Turun Pangkat satu kes (6.7%) dan Buang Kerja dua kes (13.3%).

Penambahbaikan Tatacara

KEWUJUDAN JAWATANKUASA ADUAN (JA) SPRM SENDIRI MENGGAMBARKAN KETELUSAN SPRM MENANGANI SALAHLAKU PEGAWAI DAN TELAH MEMBERI KEYAKINAN KEPADA MASYARAKAT UNTUK MEMBUAT ADUAN KE ARAH MEMANTAPKAN AKAUNTABILITI DAN PROFESIONALISME PEGAWAI.

Pada tahun 2011, SPRM telah mengambil beberapa tindakan susulan hasil daripada cadangan yang dibuat oleh JA. Tindakan yang diambil tersebut adalah seperti berikut:

Fungsi Jawatankuasa Menilai Maklumat Untuk Memantau Maklumat

Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat telah membuat pemantauan secara berkala dan melaporkan dalam mesyuarat JMM, Ibu Pejabat sekiranya tiada tindakan diambil ke atas maklumat yang didaftarkan dalam '*Corruption Reporting Information System*' (C-RIS).

Prosedur Dalam Pengemaskinian Buku Harian Rasmi SPRM

Bahagian Dasar, Perancangan Dan Penyelidikan SPRM sedang menyelaraskan penyediaan draf Perintah Tetap berhubung dengan Buku Harian Rasmi SPRM di mana satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari setiap bahagian telah ditubuhkan.

Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya Bil. 7/2010 (Siasatan) Iaitu Perintah Untuk Memeriksa, Menggeledah Dan Menyita

Antara penambahbaikan yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Bagi maksud penggeledahan, tiap-tiap pegawai apabila bertindak di bawah Akta 694, hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya kepada orang yang terhadapnya dia bertindak atau yang daripadanya dia meminta apa-apa maklumat. Pegawai Suruhanjaya hendaklah memaklumkan tujuan kehadirannya kepada pemilik atau penjaga atau penghuni premis berkenaan, menunjukkan perintah bertulis, menerangkan tujuan kehadiran dan memberitahunya mengenai kesalahan halangan ataupun gangguan penggeledahan di bawah seksyen 48 Akta 694.
- ii. Pegawai perlu menyerahkan salinan perintah bertulis kepada pemilik atau penjaga atau penghuni permiss berkenaan.
- iii. Pegawai penggeledahan hendaklah membuat catatan mengenai pelaksanaan perintah bertulis iaitu mengenai alamat tempat, tarikh dan masa penggeledahan itu di muka surat belakang perintah asal dan menurunkan tandatangannya. Seterusnya, orang berkenaan perlu memperakukan penerimaan sesalinan perintah dengan menurunkan tandatangan, nama, tempat, tarikh dan masa di muka belakang perintah asal.
- iv. Borang Penyitaan Harta Alih hendaklah dikeluarkan tidak kira sama ada barang kes diambil atau tidak diambil.
- v. Satu Aduan Liputan (*covering report*) perlu dibuat untuk setiap penggeledahan yang dijalankan tanpa menggunakan perintah bertulis. Manakala untuk penggeledahan yang dijalankan dengan perintah bertulis, aduan liputan perlu dibuat sekiranya berlaku apa-apa kejadian atau keadaan yang boleh memberi ruang kepada pengaduan atau tohmahan atau rungutan mengenai tatakelakuan pegawai/perlaksanaan proses penggeledahan ataupun terdapat bukti ataupun penemuan kesalahan jenayah lain dilakukan oleh mana-mana orang.

Pemilikan Dan Pengisytiharan Harta

Pengurusan tertinggi SPRM melakukan pemantauan ke atas gaya hidup warga SPRM melalui pengisytiharan harta dan perolehan pendapatan. Pemilikan dan perisytiharan harta ini dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sehingga tahun 2011, seramai 2,165 (95.54%) telah mengisytiharkan pemilikan harta secara *online* (HRMIS).

Pengisytiharan Status Perkahwinan

“Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM Bil.2/2011 - Pengisytiharan Status Perkahwinan kepada SPRM” bertarikh 8 Ogos 2011 telah dikeluarkan kepada semua pegawai SPRM supaya membuat pengisytiharan mengenai status perkahwinan mereka kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Pembudayaan Inovasi Dan Kreativiti

Kekuatan modal insan yang ada di dalam organisasi SPRM harus dimobilisasikan dan digembleng dengan sepenuhnya agar budaya kerja berprestasi tinggi yang berasaskan inovasi dan kreativiti dapat diterapkan.

Sehubungan dengan itu, SPRM telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) SPRM 2011 yang mempertandingkan hasil inovatif dan kreatif enam kumpulan KIK peringkat ibu pejabat dan negeri.

SPRM juga telah mengadakan sambutan Hari Inovasi SPRM bertemakan “Inovasi dan Kreativiti Pemangkin Kecemerlangan” pada 24 November 2011 bagi mengiktiraf dan menghargai warga SPRM yang berjaya menghasilkan idea-idea inovatif dan kreatif. Pada hari tersebut, dua Anugerah Inovasi SPRM telah diperkenalkan iaitu Kategori Inovasi Perkhidmatan dan Anugerah Inovasi SPRM - Kategori Prestasi Terbaik.

KESELAMATAN

“...Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) mengesyorkan supaya SPRM menekankan aspek keselamatan yang tinggi tanpa kompromi, terutama prosedur membabitkan urusan dengan orang ramai seperti aspek keselamatan bangunan dan ruang pejabat SPRM dipertingkatkan bagi mengelak daripada dicerobohi atau membuka ruang kepada sebarang konflik atau persepsi...”

Laporan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) 2010

Pengurusan Keselamatan

PENGURUSAN KESELAMATAN SENTIASA MENJADI AGENDA UTAMA DI SPRM. BAHAGIAN KESELAMATAN DIPERTANGGUNGJAWABKAN UNTUK MENGURUS KESELAMATAN PERLINDUNGAN YANG MELIPUTI KESELAMATAN FIZIKAL, KESELAMATAN DOKUMEN SERTA KESELAMATAN PERIBADI.

Keselamatan fizikal diuruskan dengan memastikan keselamatan bangunan, premis atau tempat yang digunakan bagi menguruskan perkara-perkara terperingkat dan sensitif di SPRM dalam keadaan selamat daripada kerosakan, kecurian, kehilangan dan kemusnahan. Keselamatan dokumen diuruskan dengan mengawal dokumen dan maklumat terperingkat SPRM daripada pendedahan tanpa kebenaran dan pemalsuan sepanjang kitar hayatnya.

Keselamatan peribadi pula diuruskan dengan memastikan pegawai SPRM sedar akan tanggungjawab dan bersih daripada kesalahan jenayah atau mempunyai kaitan dan hubungan secara langsung mahu pun tidak langsung dengan ejen-ejen negara asing atau pertubuhan subversif. Dalam mengurus keselamatan perlindungan ini, SPRM turut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuhkan struktur pengurusannya selaras dengan peranan sebagai benteng pertahanan daripada sebarang ancaman keselamatan.

Pengukuhan Keselamatan Benteng Organisasi

“...MODAL INSAN ADALAH MENJADI FAKTOR PENTING DALAM MENINGKATKAN LANGKAH KESELAMATAN MELALUI KESEDARAN MENGUTAMAKAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI SETIAP PEJABAT...”

YBhg. Dato Hj Zakaria Bin Hj Jaffar
Mesyuarat Pengurusan Keselamatan SPRM Siri 1 Bil. 1/2011

Dalam memperkukuhkan struktur pengurusan keselamatan, SPRM telah mengambil dua langkah ke arah ini. Pertama, mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan SPRM. Kedua, selaras dengan peruntukan seksyen 6 Akta SPRM 2009 yang menetapkan supaya dilantik Pegawai Rendah bagi Suruhanjaya untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan peruntukan akta ini, sebanyak 74 perjawatan baru untuk pengawal keselamatan telah dipohon dan diluluskan oleh kerajaan.

Analisis Risiko Dan Ancaman Keselamatan

Bagi memastikan pengurusan keselamatan di SPRM memenuhi piawaian, satu analisis risiko dan ancaman keselamatan ke atas aspek keperluan keselamatan SPRM dibuat. Hasil daripada analisis risiko dan ancaman keselamatan ini telah membawa kepada saranan supaya pengurusan keselamatan perlindungan dijadikan sebagai agenda utama selain memperkenalkan langkah yang sistematik bagi tujuan pengawasan, penilaian dan pematuhan sistem pengurusan keselamatan fizikal.

Antara tindakan yang diambil hasil daripada laporan analisis risiko dan ancaman keselamatan adalah seperti berikut:

- i. Menjadikan pengurusan keselamatan sebagai satu agenda utama bagi menjayakan visi dan misi demi mencapai aspirasi yang digariskan oleh SPRM;
- ii. Memperkemaskan langkah yang sistematik bagi tujuan pengawasan, penilaian dan pematuhan sistem pengurusan keselamatan fizikal;
- iii. Memperkenalkan dan mendokumentasikan secara sistematik terhadap semua polisi dan prosedur keselamatan perlindungan yang boleh dijadikan sebagai satu sumber rujukan dalam aspek pengurusan keselamatan perlindungan;
- iv. Memperkenalkan beberapa langkah pencegahan, kawalan dan tindakan susulan semasa berlakunya sesuatu krisis iaitu '*crisis management plan*', '*damage control plan*' dan '*media control plan*'; dan
- v. Mewujudkan satu Cawangan Inspektorat dan Unit Keselamatan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan perlindungan di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.

Cawangan Inspektorat ditubuhkan di Bahagian Keselamatan, Ibu Pejabat SPRM dan Unit Keselamatan di setiap negeri yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua isu keselamatan fizikal, dokumen dan personel. Seorang Ketua Unit Keselamatan dilantik di setiap negeri untuk mengetuai Unit Keselamatan SPRM Negeri.

Selaras dengan tuntutan tugas perlindungan keselamatan, satu pasukan khas telah diwujudkan di Bahagian Keselamatan SPRM. Pasukan ini bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan ke atas aset-aset operasi SPRM seperti saksi, orang tahanan dan barang kes.

Pengurusan keselamatan diperkemaskan lagi melalui Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya, Surat Arahan dan Garis Panduan Keselamatan.



Kuasa Polis Bantuan Kepada Pengawal Keselamatan

Bagi mengukuhkan lagi aspek kawalan keselamatan di pejabat, seramai 18 orang pengawal keselamatan sedia ada dilantik sebagai polis bantuan oleh PDRM yang mempunyai kuasa polis bantuan untuk menjalankan tugas pengawalan keselamatan perlindungan.



Pengawal Keselamatan SPRM yang dilantik sebagai Polis Bantuan

Mengubah Persepsi Mengembalikan Reputasi

“...INFRASTRUKTUR PREMIS DAN PEJABAT SPRM PERLU DITAMBAH BAIK DAN DIPERTINGKATKAN. TIAP-TIAP PEJABAT SPRM PERLU DILENGKAPI CCTV, KAMERA PENGAWASAN UNTUK MEREKOD PERGERAKAN DAN PERLAKUAN SETIAP ORANG YANG MEMASUKI ATAU MENINGGALKAN PEJABAT ITU ATAU MANA-MANA BILIK...”

Laporan Suruhanjaya Diraja Untuk Menyasat Kematian Teoh Beng Hock

Naik Taraf Keselamatan Fizikal

Pada tahun 2011, SPRM memberikan tumpuan untuk meningkatkan aspek keselamatan perlindungan fizikal, dokumen dan peribadi di premis dan pejabat dengan penambahbaikan infrastruktur berdasarkan saranan Suruhanjaya Diraja tersebut. Sebanyak 710 unit kamera sistem CCTV telah dipasang dan beroperasi di semua pejabat SPRM dengan menggunakan teknologi rakaman digital berkualiti tinggi yang berupaya merakamkan pergerakan saksi dan pelawat semasa berurusan di pejabat-pejabat SPRM. Operasi sistem CCTV tersebut diselia dan dikawal sepanjang tempoh 24 jam oleh pegawai bertugas. Kesemua premis SPRM juga dipasang jeriji untuk mempertingkatkan keselamatan fizikal ke tahap maksimum.



Kamera CCTV yang beroperasi di bangunan SPRM

Larangan Membawa Telefon Bimbit

Bagi membendung risiko kemungkinan ketirisan maklumat dan meningkatkan keselamatan perlindungan, SPRM telah memperkenalkan polisi supaya setiap pelawat ke SPRM dilarang menggunakan telefon bimbit tanpa kebenaran. Semua urusan dengan pelawat dilakukan di tingkat bawah pejabat. Orang Tahanan (OT) yang ditahan di lokap SPRM turut diberi perhatian dari segi kawalan keselamatan dan kesihatan.



Telefon bimbit pelawat disimpan dalam bekas khas

Prosedur Mesin Pengimbas Di Pintu Masuk Utama Pejabat

SPRM turut mengambil langkah memperkukuhkan keselamatan fizikal di ibu pejabat SPRM dengan melaksanakan prosedur mesin pengimbas dan alat pengesan logam.



Mesin pengimbas dan alat pengesan logam di pintu masuk utama ibu pejabat SPRM, Putrajaya

Bilik Temuduga Bervideo (Video Interview Room)

SPRM kini mempunyai 12 unit bilik temuduga bervideo yang telah beroperasi sepenuhnya iaitu lapan di ibu pejabat dan empat di SPRM Perak. Bilik temuduga bervideo ini bertujuan untuk merakamkan setiap aktiviti yang berlaku ketika rakaman percakapan saksi dan tertuduh diambil.



Kelengkapan bilik temuduga bervideo

Saksi SPRM Dilindungi

SAKSI MERUPAKAN ASET PENTING SPRM YANG PERLU DILINDUNGI DARIPADA SEBARANG BENTUK ANCAMAN. KERJASAMA DARIPADA SAKSI AMAT PENTING DALAM MEMASTIKAN PERJALANAN DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH DAPAT DIJALANKAN DENGAN LANCAR DAN SEMPURNA.

Bahagian Keselamatan SPRM dipertanggungjawab untuk memberi perlindungan ke atas saksi-saksi SPRM yang merangkumi tugas mengurus keselamatan, kesihatan dan kebajikan saksi-saksi SPRM. Perlindungan kepada saksi ini dibuat dengan kerjasama Unit Perlindungan Saksi (UPS), Jabatan Perdana Menteri. Dalam tahun 2011, seramai tiga orang saksi penting satu kes berprofil tinggi telah diberi perlindungan.

Perlindungan kepada saksi ini dilakukan sepertimana peruntukan Akta Perlindungan Saksi 2009. Akta yang diwartakan pada 30 April 2009 ini bertujuan untuk mewujudkan satu Program Perlindungan Saksi. Saksi yang berasa terancam boleh membuat aduan kepada SPRM dan memohon untuk mendapat

perlindungan. Perlindungan keselamatan terhadap saksi akan diberi berdasarkan jenis ancaman serta bentuk perlindungan yang dipersetujui.

Antara bentuk perlindungan kepada saksi yang mengikuti program ini adalah menukar identiti mereka kepada identiti baru, penempatan, bayaran saraan, perbelanjaan sara hidup, pekerjaan dan pendidikan serta diberi kawalan keselamatan kepada keluarga secara fizikal sepanjang masa sekiranya diperlukan termasuk ketika hadir ke mahkamah. Dengan adanya perlindungan ini, saksi-saksi akan lebih yakin terhadap keselamatan mereka dan dapat memberi kerjasama sehingga kes dibawa ke mahkamah.

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

(MACA)



“Everything was great! The course was realistic addressing both theory and practice with a good balance of interaction.”

Dr. Fabian Loewenberg
Mentor, Attorney General Office
European Police Mission in Afghanistan (EUPOL)



“The course was very well organized with excellent lectures and modules. MACA and International Studies Center deserve our recognition. We will bring back a greater impression that what we had to be shared with the others.”

Mr. Nimesh Jani
Mentor to the Afghan AGO
British Nationality, British Embassy

Peranan MACA

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA) MERUPAKAN PUSAT KECEMERLANGAN PENCEGAHAN RASUAH YANG UTAMA DI RANTAU ASIA-PASIFIK. MACA DIKTIRAF SEBAGAI PUSAT SERANTAU DALAM MEMBINA KEMAMPUAN DAN KEUPAYAAN MEMERANGI RASUAH. KEWUJUDAN AKADEMI INI MENCERMINKAN KESUNGGUHAN DAN KOMITMEN KERAJAAN MALAYSIA UNTUK MEMERANGI RASUAH, PENYELEWENGAN DAN PENYALAHGUNAAN KUASA.



Lembaga Penasihat Antarabangsa MACA

Dalam usaha untuk memantapkan lagi proses latihan dan pembangunan akademik MACA, satu Lembaga Penasihat Antarabangsa yang berperanan menasihati aspek pembangunan kurikulum dan modul kursus telah ditubuhkan. Lembaga ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Hj. Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan dianggotai empat orang tokoh atau pakar dalam bidang pencegahan rasuah seperti berikut:

- i. Dr. Chris Saville - Pensyarah program MBA di Sekolah Perniagaan Antarabangsa (IBS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM);
- ii. Mr. Martin Kreutner - Pengerusi *International Transition Team, International Anti-Corruption Academy (IACA)*, Vienna, Austria;
- iii. Mr. Daniel Li Ming-Chak - Timbalan Pesuruhjaya merangkap Ketua Operasi, *Independent Commission Against Corruption (ICAC)*, Hong Kong; dan
- iv. Dr. Ye Feng - Setiausaha Agung, *International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)*, Republik Rakyat China.

Pencapaian MACA Di Persada Antarabangsa Dan Tempatan

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 135 program latihan telah dianjurkan oleh MACA untuk pegawai dan kakitangan SPRM serta lain-lain jabatan di peringkat domestik dan antarabangsa. Pencapaian pelaksanaan program latihan adalah seperti di **Carta 6** dan **Carta 7**.



Program Latihan Antarabangsa Anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

“Corruption Prevention And Risk Management In Public Sector Organisations”

Bengkel ini telah diadakan pada 4 hingga 8 April 2011 bertempat di MACA. Objektif bengkel ini adalah untuk melatih dan melengkapkan para peserta dengan kemahiran dalam merekabentuk, melaksana serta mengawal selia Pelan Pencegahan dan Pengurusan Risiko Rasuah di organisasi masing-masing.

Daripada 25 orang peserta yang menghadiri bengkel ini, sembilan orang peserta adalah wakil dari Thailand, Fiji, Ghana, Macau, Bhutan dan Taiwan. Manakala 16 orang peserta lagi adalah mewakili lapan buah agensi kerajaan seperti SPRM, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), PETRONAS, Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Amanah Raya Berhad (ARB).



Dr. Chris Saville berinteraksi dengan peserta bengkel *“Corruption Prevention & Risk Management in Public Sector Organisations”*



TPJ Dato' Samarajoo Manikam ketika sesi soal jawab bersama peserta bengkel *“Corruption Prevention & Risk Management in Public Sector Organisations”*

“Program ini telah diaturkan dengan baik. Dimensi antarabangsa sedemikian dapat membantu dan memberi pendedahan yang baik kepada para peserta supaya lebih mengetahui situasi yang berlaku di negara-negara lain.”

Mr. Gbando David (CHRAJ - Ghana)

Peserta bengkel *“Corruption Prevention And Risk Management In Public Sector Organisation Workshop 2011”*.
(diterjemahkan daripada teks asal dalam Bahasa Inggeris)



“Training For Focal Points And Government Experts Participating In The Review Mechanism For The United Nations Convention Against Corruption”

Bengkel ini telah diadakan pada 26 hingga 28 Julai 2011 di MACA, atas permohonan *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)*. Seramai 28 orang peserta telah menghadiri bengkel ini.

Daripada 28 orang peserta yang menghadiri bengkel ini, 17 orang peserta adalah wakil dari Mongolia, Pakistan, Bangladesh, Maldives, Sri Lanka, Lao PDR, Negara Brunei Darussalam, Singapura dan Australia. Manakala 11 orang peserta lagi adalah mewakili tiga agensi kerajaan iaitu SPRM, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri.



1. Sesi perbincangan di antara penceramah dengan peserta “*Training for Focal Points And Government Experts Participating in the Review Mechanism for the United Nations Convention Against Corruption*”
2. Majlis penutup “*Senior Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme*”

“Senior Executive Certificate Course For Strategic Management Of Anti-Corruption Programme”

Program yang berlangsung dari 17 hingga 21 Oktober 2011 ini merupakan kerjasama antara MACA dan Kementerian Luar Negeri, Malaysia di bawah Program “*Malaysian Technical Cooperation Programme*” (MTCP).

Tujuan kursus ini dijalankan adalah untuk meningkatkan profesionalisme peserta dalam usaha pembanterasannya rasuah di negara masing-masing. Seramai 15 orang peserta luar negara telah menghadiri kursus ini yang mewakili Cambodia, Fiji, Swaziland, Ghana, Sri Lanka, Macau, Vietnam, Maldives, Mauritius, Timor Leste, Uzbekistan, Bhutan, Uganda dan Palestin serta seorang wakil SPRM.



“Saya memperoleh pelbagai manfaat melalui kursus ini antaranya seperti penilaian risiko rasuah, pencegahan, penyiasatan forensik dan analisis nilai bersih, pengurusan penyiasatan yang berkesan. Tenaga pengajar dalam kursus ini juga mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam setiap tajuk perbincangan.”

Mr. Wong Ip (CCAC-Macau)

Peserta “*Senior Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme*”.
(diterjemahkan daripada teks asal dalam Bahasa Inggeris)

“Executive Certificate Course For Strategic Management Of Anti-Corruption Programme”

Program kerjasama antara MACA dan Kementerian Luar Negeri Malaysia di bawah program “*Malaysian Technical Cooperation Programme*” (MTCP) telah berlangsung dari 5 hingga 16 Disember 2011.

Program ini merupakan landasan kepada peserta untuk mengembangkan jalinan kerjasama dalam usaha membanteras jenayah rasuah di peringkat global.

Seramai 23 orang peserta luar negara telah menghadiri kursus ini yang mewakili Bangladesh, Afghanistan, Yemen, Iraq, Filipina, Fiji, Uganda, Timor Leste, Sri Lanka, Maldives, Swaziland, Vietnam, Uzbekistan, Mauritius, Jordan, Ghana, Cambodia, Kyrgyz, China dan dua orang wakil SPRM.

Latihan Asas Untuk Pegawai Bhutan Anti-Corruption Commission

Seramai 14 orang pegawai *Bhutan Anti-Corruption Commission* telah menjalani latihan asas pada 16 Mei 2011 hingga 4 Jun 2011 di Tiara Beach Resort, Port Dickson. Kursus ini direkabentuk untuk memenuhi permintaan *Bhutan Anti-Corruption Commission* yang ingin melahirkan para pegawainya yang cekap dan kompeten dalam usaha membanteras rasuah dalam era moden ini.



Encik Mohd Nizam Mohd Ali dari Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai penceramah dalam Bengkel “*Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme*”



Sesi perbincangan dalam kumpulan oleh peserta latihan asas *Bhutan Anti-Corruption Commission*

Usahasama Erat antara MACA dengan UNDP

Sebanyak tiga program latihan usahasama antara MACA dengan *United Nation Development Programme (UNDP)* telah diadakan sepanjang tahun 2011. Tujuan program-program ini adalah untuk memperkukuhkan kefahaman dan kapasiti teknikal pegawai penguatkuasa pencegahan rasuah dari negara anggota *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)*.

“Critical Element Of Corruption Detection, Investigation Skills, Corruption Prevention And Community Education”

Bengkel ini telah diadakan pada 26 September hingga 7 Oktober 2011, seramai 16 orang pegawai dari Maldives, Bangladesh, Afghanistan, Jordan, Brunei, Pakistan, Indonesia, Iraq dan dua orang pegawai SPRM telah diberi latihan berhubung pengurusan kes-kes penyiasatan rasuah serta latihan asas dalam bidang pendidikan masyarakat, forensik perakaunan, pengubahan wang haram, pengesanan aset, pengumpulan keterangan dan jalinan kerjasama untuk membanteras jenayah rasuah.

“Training Of Trainers Programme” – Development Of National Training Plans

Berpegang kepada semangat pembanteras jenayah rasuah, seramai 25 orang pegawai dari beberapa negara anggota *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)* seperti Maldives, Bangladesh, Jordan, Afghanistan, Brunei, Iraq, Indonesia, Pakistan, Palestine, Uzbekistan, Yemen dan Algeria telah menyertai kursus selama lima hari ini bermula dari 21 sehingga 25 November 2011 yang berlangsung di MACA.

“High Level Roundtable Dialogue On Anti-Corruption: Strategic Collaborations & Partnerships In The Asia & Arab Region”

Bengkel ini diadakan bagi mewujudkan hubungan baik antara ketua-ketua agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah dari rantau Asia dan Arab. Satu majlis makan malam telah diadakan pada 15 Disember 2011 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur dan telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Sri Idris Jala. Manakala Majlis Penutup bengkel ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Liew Vui Keong di Dewan Tun Ismail, MACA pada 16 Disember 2011.



Majlis makan malam bersama YB Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Majlis penutup disempurnakan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) MACA - UKM Melangkah Siri Ketiga

Pada 12 September 2011, seramai 12 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai SPRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mendaftar masuk mengikuti Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah). Program ini merupakan inisiatif yang diambil bagi mempertingkatkan kepakaran, kemahiran dan melahirkan kumpulan intelektual bidang pencegahan rasuah dalam konteks agensi penguatkuasa tempatan mahupun antarabangsa.



Sesi bergambar bersama peserta Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Semester 1 Sesi 2011/2012

Kursus Integriti Sektor Korporat: Kumpulan Sime Darby Dan Tenaga Nasional Berhad

Susulan daripada menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*CIP*) yang bertema “*Steadfast in Sustaining Integrity*” oleh Kumpulan Sime Darby pada 9 Jun 2011 di *Sime Darby Convention Centre*, satu keperluan latihan telah dirangka antara MACA dan Kumpulan Sime Darby bagi memenuhi keperluan latihan syarikat konglomerat itu khususnya dalam memupuk budaya integriti di kalangan anak-anak syarikatnya. Pada 18 Julai 2011, sebagai tanda komitmen Pengurusan Tertinggi Kumpulan Sime Darby, MACA telah dijemput untuk menyampaikan satu sesi taklimat pencegahan rasuah bertajuk “*Corruption: Borderless Crime*” dalam Kursus Induksi Global yang turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Mohd. Bakke Salleh, Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby.

Manakala bagi TNB, satu program latihan secara berkala dan berterusan telah dirangka bersama pihak SPRM susulan daripada menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*CIP*) pada 26 Julai 2011. Program latihan pertama telah diadakan mulai 24 hingga 25 Oktober 2011 dengan penglibatan seramai 30 orang pegawai TNB dari seluruh Malaysia yang bertanggungjawab secara langsung dalam proses perolehan. Program ini diadakan bagi meningkatkan integriti dan kesedaran anti rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan TNB di samping meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap organisasi itu.

Lafaz ikrar integriti oleh warga TNB dalam Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*CIP*) pada 26 Julai 2011



Pembangunan Kapasiti Dan Kapabiliti Pencegahan Rasuah Sektor Awam Dan Korporat

Sepanjang tahun 2011, *MACA* telah menganjurkan 10 program latihan bersama agensi kerajaan dan swasta tempatan yang melibatkan seramai 216 orang pegawai. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti modal insan dalam pencegahan rasuah di sektor awam dan korporat.

Dengan adanya program sebegini, para peserta dapat menghayati dan mendukung usaha SPRM dalam membanteras rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa serta kelemahan pentadbiran khususnya yang melibatkan sektor awam dan korporat.

Komitmen Dalam Meningkatkan Modal Insan SPRM

MACA menyediakan platform latihan untuk pegawai lantikan baru bagi melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan profesionalisme dalam menghadapi tugas sebenar apabila ditempatkan di mana-mana SPRM bahagian atau negeri. Seramai 57 orang pegawai lantikan baru Gred P29 dan P41 telah menghadiri Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 1/2011 bermula 2 Mei 2011 hingga 28 Julai 2011.

Dalam kursus asas ini, pegawai telah didedahkan dengan latihan teori dan praktikal termasuk latihan lasak bagi pembentukan disiplin diri yang tinggi, pendedahan dan pengetahuan kepada isu-isu semasa yang berkaitan perundangan, penyiasatan serta pencegahan rasuah. Majlis Tamat Latihan Kursus Asas telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 28 Julai 2011.



Pemeriksaan tamat latihan kursus asas oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Pesuruhjaya

Pembangunan *MACA* Fasa II

Pada 11 November 2011, Kompleks *MACA* Fasa II telah diserahkan secara rasminya oleh Jabatan Kerja Raya kepada *MACA*. Pembangunan *MACA* Fasa II mengandungi antara lain dua buah blok asrama, dua blok kuarters pegawai dan staf, dua unit banglo pegawai kanan, dewan makan, padang kawad, surau dan sebuah jambatan.



Majlis penyerahan Projek Kompleks *MACA* Fasa II oleh Jabatan Kerja Raya kepada *MACA* yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Haji Zakaria Bin Jaffar

Dengan adanya kemudahan penginapan ini kos pengurusan latihan dapat dikurangkan di mana asrama *MACA* dapat memuatkan 240 orang dalam satu masa. Jumlah bilik penginapan adalah seperti di **Rajah 7**.

Rajah 7: Jumlah Bilik Penginapan Yang Disediakan Oleh *MACA*



Kuarters pegawai dan staf *MACA*



Dua blok asrama *MACA*

Bilik penginapan peserta kursus *MACA* yang dilengkapi dengan kemudahan asas.



Lawatan Kerja Delegasi Tempatan Dan Antarabangsa

MACA menerima 14 lawatan kerja delegasi tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun 2011. Senarai lawatan delegasi adalah seperti dalam **Jadual 18**.

Jadual 18: Lawatan Kerja Agensi Luar Negara

| BIL | DELEGASI | TARIKH |
|-----|---|-----------------------|
| 1 | Delegasi <i>International Criminal Police Organisation (INTERPOL)</i> | 5 Jan 2011 |
| 2 | Delegasi Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) | 26 Jan 2011 |
| 3 | Delegasi Jordan <i>Anti-Corruption Commission (JACC)</i> , Jordan | 9 Feb 2011 |
| 4 | Program Sandaran Pegawai Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia | 22 hingga 25 Feb 2011 |
| 5 | Delegasi dari Kedutaan Kanada | 4 Mac 2011 |
| 6 | Delegasi <i>Agency Against Corruption (AAC)</i> , Republic of China (Taiwan) | 9 Mac 2011 |
| 7 | Delegasi <i>Anti-Corruption & Civil Right Commission</i> , Korea (<i>ACRC</i>), Korea Selatan | 26 Mei 2011 |
| 8 | Delegasi <i>Corrupt Practice Investigation Bureau (CPIB)</i> , Singapore | 14 Jul 2011 |
| 9 | Delegasi <i>Government Inspectorate</i> , Vietnam (<i>GIV</i>), Vietnam | 15 Sept 2011 |
| 10 | Lawatan Kerja Institut Perakaunan Negara (IPN) | 15 Sept 2011 |
| 11 | Delegasi <i>Transparency International</i> , Filipina | 17 Nov 2011 |
| 12 | Delegasi <i>Taipei Economic and Cultural Office</i> di Malaysia | 15 Nov 2011 |
| 13 | Delegasi <i>Supreme National Anti-Corruption Commission (SNACC)</i> , Yemen | 15 Nov 2011 |
| 14 | Delegasi <i>Anti-Corruption & Civil Right Commission (ACRC)</i> , Korea Selatan | 23 Nov 2011 |

1. Lawatan delegasi dari *International Criminal Police Organization (INTERPOL)*
2. Lawatan delegasi dari Kedutaan Kanada
3. Program Sandaran Pegawai Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia di MACA
4. Lawatan delegasi dari *Transparency International*, Filipina.





P E N G U R U S A N
S U M B E R
M A N U S I A &
K E W A N G A N

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN AM

“.....Penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap dan berkesan berkait rapat dengan kecemerlangan sumber manusia. Bagi mengekalkan bakat berkualiti dalam perkhidmatan awam, rangka kerja pengurusan sumber manusia dan pembangunan kerjaya akan ditambah baik. Peluang kepada penjawat awam untuk menambah ilmu dan kepakaran masing-masing juga akan diperluaskan. Dalam hal ini, sebuah institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia akan diwujudkan untuk meningkatkan kompetensi mereka.....”

Petikan Ucapan Perdana Menteri Malaysia,
YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak
Semasa Membentangkan Usul Tentang Rancangan Malaysia Ke-10
Pada 10 Jun 2010.

Perjawatan

Bagi meningkatkan tahap keselamatan, keyakinan dan persepsi positif masyarakat sebanyak 74 jawatan kader Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) telah diluluskan seperti **Jadual 19**.

Jadual 19: Jawatan Kader Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) Yang Diluluskan


| BIL. | JAWATAN | GRED | BILANGAN JAWATAN |
|--------|------------------------------|-----------|------------------|
| 1 | Penolong Pegawai Keselamatan | KP38 | 1 |
| 2 | Penolong Pegawai Keselamatan | KP27/KP32 | 3 |
| 3 | Pembantu Keselamatan | KP17/KP22 | 70 |
| JUMLAH | | | 74 |

Secara keseluruhannya, jumlah perjawatan yang telah diisi dalam tahun 2011 adalah seramai 2,271 orang. Daripada jumlah tersebut, 1,541 merupakan jawatan pegawai Suruhanjaya manakala baki 730 adalah daripada kalangan pegawai atau kakitangan jawatan gunasama. Pada tahun 2010, pengisian perjawatan pegawai Suruhanjaya seramai 1,523 orang dan jawatan gunasama seramai 737 orang seperti ditunjukkan dalam **Jadual 20** dan **Carta 8**.

Jadual 20: Kekosongan Dan Pengisian Perjawatan SPRM Bagi Tahun 2010 Dan 2011


| JAWATAN | PERJAWATAN | | PENGISIAN | | KEKOSONGAN | |
|---------------------|------------|------|-----------|------|------------|------|
| | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 |
| Pegawai Suruhanjaya | 1805 | 1760 | 1531 | 1539 | 274 | 221 |
| Gunasama | 775 | 840 | 738 | 725 | 37 | 115 |
| JUMLAH | 2580 | 2600 | 2269 | 2264 | 311 | 336 |

Carta 8: Perbandingan Pengisian Perjawatan SPRM Bagi Tahun 2010 Dan 2011



Peruntukan Perbelanjaan

SPRM telah diperuntukkan sebanyak RM202,280,000 di bawah peruntukan mengurus bagi tahun 2011. Sebanyak RM109,279,200 (54.02%) daripada peruntukan mengurus adalah untuk emolumen, 87,627,600 (43.32%) untuk perkhidmatan dan bekalan, RM5,140,400 (2.54%) untuk aset, manakala RM232,800 (0.12%) adalah untuk pemberian dan kenaikan. Pecahan peruntukan adalah seperti di **Carta 9**.



Pembangunan

Teknologi Maklumat

Pada tahun 2011, SPRM telah membelanjakan sejumlah RM959,244 bagi perolehan aset *ICT*. Perolehan ini adalah untuk menggantikan aset *ICT* yang telah dilupuskan dan juga bagi kegunaan pegawai lantikan baru SPRM.

SPRM juga telah melaksanakan penambahbaikan ke atas aplikasi '*Corruption Reporting Information System*' (*CRIS*) dengan menambah beberapa modul baru kegunaan pegawai

dan Pengurusan SPRM. Modul-modul yang dibangunkan adalah seperti berikut:

1. '*Module Management Dashboard*' – dibangunkan bagi memberi kemudahan kepada pihak Pengurusan SPRM dalam memantau perkembangan kes-kes siasatan SPRM.
2. Modul Jamin – dibangunkan bagi memudahkan pemantauan dan urusan sambung jamin.
3. Modul '*Whistleblower*' – dibangunkan bagi menyimpan rekod pemberi maklumat serta tertakluk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Selain itu, SPRM juga telah melaksanakan Sistem Tapisan Keutuhan (*eSTK*) bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan tapisan keutuhan. Bermula Januari 2011 sehingga Disember 2011, seramai 1017 orang pengguna daripada 43 kementerian atau agensi telah mendaftar dan menggunakan *eSTK*. Purata masa yang diperuntukkan untuk memproses permohonan tapisan keutuhan adalah satu setengah hari bagi seorang calon. *eSTK* telah memberi impak positif terhadap pengurusan permohonan tapisan keutuhan kepada SPRM amnya dan agensi-agensi berkaitan khususnya.

Projek Pembangunan Pejabat SPRM

Mulai Rancangan Malaysia Ke-10 (*RMK10*) bermula pada Tahun 2011, Kerajaan memperkenalkan sistem *Rolling Plan (RP)* di dalam pelaksanaan projek/program pembangunan negara. Kementerian atau agensi dikehendaki menyediakan Perancangan Pembangunan masing-masing bagi tempoh dua tahun dan juga 'Unjuran Perbelanjaan' berdasarkan kepada tempoh tersebut.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diluluskan siling sebanyak RM46,500,000 dalam *RP 1* bagi pelaksanaan empat projek fizikal yang mana kesemuanya merupakan projek sedia ada. Manakala peruntukan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM30,262,000. Pecahan Siling Projek di bawah *RP 1*, *RMK10* dan peruntukan Tahun 2011 mengikut projek adalah seperti **Jadual 21**.

Jadual 21: Jadual Siling Projek Di Bawah RP 1, RMK10 Dan Peruntukan Tahun 2011

| BIL. | PROJEK | SILING RP 1, RMK10 (RM) | PERUNTUKAN TAHUN 2011 (RM) |
|--------|--|-------------------------|----------------------------|
| 1. | Membina Kompleks Pejabat SPRM Kelantan | 8,000,000 | 8,000,000 |
| 2. | Membina Kompleks Akademi Pencegahan Rasuah Fasa II (Reka & Bina) | 9,000,000 | 4,500,000 |
| 3. | Membina Kompleks Pejabat SPRM Pahang | 18,500,000 | 8,262,000 |
| 4. | Membina Unit Kediaman SPRM Pulau Pinang | 11,000,000 | 9,500,000 |
| JUMLAH | | 46,500,000 | 30,262,000 |

Pada tahun 2011, sebanyak RM29,300,000 daripada RM30,262,000 yang diperuntukkan bagi pembangunan telah disalurkan kepada agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) yang telah membelanjakan sebanyak RM28,906,027.31 (95.52%) sehingga Akaun Kena Bayar (AKB) tahun 2011. Peratusan perbelanjaan tersebut adalah melebihi purata nasional iaitu 83.9%.

Pencapaian utama bagi pelaksanaan projek pembangunan pejabat SPRM bagi tahun 2011 ialah penyiapan Kompleks Pejabat SPRM Kelantan yang telah diserahkan oleh pihak kontraktor dan JKR selaku agensi pelaksana kepada SPRM pada 25 September 2011. Kejayaan ini dicapai apabila SPRM telah berjaya membelanjakan 95.52% daripada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2011.

Satu lagi projek yang telah disempurnakan dalam tahun 2011 ialah projek membina asrama dan kuarters Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. Majlis penyerahan telah dilaksanakan pada 11 November 2011.



1. Penyerahan projek bangunan baru Kompleks Pejabat SPRM Kelantan pada 25 September 2011
2. Bangunan baru Kompleks Pejabat SPRM Kelantan



Penyerahan projek bangunan baru Kompleks Akademi Pencegahan Rasuah Fasa II pada 11 November 2011



Bangunan baru Kompleks Akademi Pencegahan Rasuah Fasa II



L
A
M
P
I
R
A
N

Lampiran 1

Pemeriksaan Dan Perundingan

Senarai organisasi yang telah menandatangani *Corporate Integrity Pledge (CIP)* bersama SPRM

| BIL. | ORGANISASI | CORPORATE INTEGRITY PLEDGE |
|------|--|---|
| 1. | Komuniti perniagaan yang terdiri daripada DPMM, ACCCIM, MAICCI, MICCI dan FMM. | <i>Pledge To Fight Corruption</i> |
| 2. | Sime Darby Berhad | <i>Corporate Integrity Pledge</i> |
| 3. | Tenaga Nasional Berhad | <i>Corporate Integrity Pledge</i> |
| 4. | Malayan Banking Berhad | <i>Corporate Integrity Pledge</i> |
| 5. | <i>SME Corporation Malaysia (SME Corp.)</i> | <i>SME Pledge and Code of Ethics for SMEs</i> |

Lampiran 2

Pemeriksaan Dan Perundingan

Surat Khidmat Nasihat Yang Dikemukakan Kepada Jabatan Sepanjang 2011

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU KHIDMAT NASIHAT |
|------|--|---|
| 1. | POS MALAYSIA | Proses penyambungan kontrak penyelenggaraan bangunan Institut Latihan Pos Malaysia yang dilaksanakan bercanggah dengan <i>Group Procurement Policy</i> dan <i>Discretionary Authority Limit 2007</i> . |
| 2. | Kementerian Pelajaran Malaysia | Kelemahan Sistem dan Tatacara Kerja Pengagihan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Perkara ini berlaku disebabkan oleh ketidakjujuran sesetengah pihak dalam memohon dan menerima bantuan tersebut. |
| 3. | Sime Darby Berhad | Amalan sistem dan tatacara kerja pelaksanaan projek-projek di Sime Darby Berhad. |
| 4. | Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya Malaysia | Perolehan sistem <i>Solar Hybrid</i> untuk sekolah luar bandar Negeri Sabah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan penggunaan solar penal lain daripada disyorkan oleh JKR yang mana spesifikasi yang disyorkan oleh JKR menjurus kepada produk atau jenama tertentu sahaja. |
| 5. | FELCRA Berhad | Pembelian estet yang dilakukan oleh FELCRA disyaki berlaku salahguna kuasa dan penyelewengan disebabkan FELCRA tidak mempunyai prosedur yang jelas berhubung pembelian estet serta tidak didokumenkan. |
| 6. | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia | Kelemahan pemilihan dan perlantikan ahli Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang mana kuasa perlantikan terletak kepada Menteri seperti yang dinyatakan dalam peruntukan seksyen 4(1) Akta Perbadanan Filem Malaysia 1981. |
| 7. | Kementerian Pengangkutan Malaysia | Kelewatan penyiapan dan peningkatan kos Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Rawang-Ipoh disebabkan kelemahan pemantauan terhadap Perkhidmatan Perunding oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. |
| 8. | Majlis Perbandaran Klang | Amalan sistem dan tatacara kerja penguatkuasaan dan pemantauan berkaitan warga asing yang menjalankan aktiviti menjaja tanpa lesen di Klang |
| 9. | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) | Pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja kelulusan lesen pemborong gula terutamanya di sempadan Malaysia |
| 10. | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) | Kelemahan dalam prosedur perlantikan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah JAKIM. |
| 11. | FELCRA Berhad | Pemberian tender Projek Pertanian Am di Kampung Lawas, Sarawak kepada Koperasi Peserta Rancangan (KPR) FELCRA Kampung Kandang, Perak yang bernilai RM 6 juta. |
| 12. | Jabatan Kerja Raya Selangor | Kelemahan pemantauan dalam kerja-kerja penanaman paip serta sistem perparitan menyebabkan berlaku banjir lumpur |
| 13. | Polis Diraja Malaysia (PDRM) | Kelemahan sistem dan prosedur pemeriksaan dan penerimaan barangan di <i>Specific Material Store (SMS)</i> , PDRM. |

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU KHIDMAT NASIHAT |
|------|---|---|
| 14. | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Penyalahgunaan kenderaan projek oleh pegawai di Bahagian Pengairan dan Saliran, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. |
| 15. | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | Sistem dan tatacara kerja pengagihan rumah kos rendah di seluruh negara. |
| 16. | Majlis Bandaraya Selayang | Kelemahan ke atas sistem kompaun yang dikenakan ke atas peniaga tanpa lesen. |
| 17. | Bahagian Pembangunan Institusi dan Masyarakat Nelayan/ LKIM | Pemilihan dan pengagihan bayaran elaun sara hidup nelayan dikatakan tidak telus dan efisien sehingga terdapat nelayan yang tidak mendapat bantuan tersebut |
| 18. | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | Pemberian bantuan racun kepada pesawah secara terpilih menimbulkan persepsi telah berlaku rasuah. |
| 19. | Kementerian Pengajian Tinggi/ Jabatan Imigresen | Jenayah yang dilakukan oleh pelajar asing di Malaysia meningkat. |
| 20. | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani/ LKIM | Ketirisan di dalam Skim Subsidi Diesel kepada nelayan yang menyebabkan negara menanggung kerugian yang besar setiap tahun. |
| 21. | | Penetapan kuota diesel bersubsidi kepada pembekal, syarikat minyak dan <i>vesse</i> l di Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK). |
| 22. | | Permohonan, pemprosesan dan kelulusan Kad Pintar e-Nelayan (e-Diesel). |
| 23. | | Urusniaga (penjualan/pembelian) diesel di PNK sebagai Pusat Jualan. |
| 24. | | Penguatkuasaan dan pemantauan terhadap skim subsidi diesel. |
| 25. | Kementerian Kerja Raya Malaysia | Kelemahan berhubung kelewatan di dalam pembinaan Hospital Pekan, Pahang yang disebabkan oleh pemilihan kontraktor yang tidak telus yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah. |
| 26. | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | Kelemahan dalam pengeluaran lesen dan penguatkuasaan premis pusat kecantikan atau SPA dan rumah urut di Jabatan Pelesenan DBKL yang menimbulkan persepsi berlaku amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan oleh pihak penguatkuasa DBKL. |
| 27. | Polis Diraja Malaysia (PDRM) | Penguatkuasaan dan pemantauan pengeluaran permit bagi penjualan peralatan dan pakaian seragam polis yang menimbulkan persepsi rasuah. |
| 28. | Kementerian Pelajaran Malaysia - Dewan Bahasa dan Pustaka | Percetakan Buku Teks <i>English Year 1</i> yang tidak dilakukan dengan teliti dan teratur. |
| 29. | Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Sektor Awam (CUEPACS) | Perlantikan kontraktor pembekalan perkhidmatan dan pembayaran di CUEPACS yang boleh membuka ruang peluang dan salahguna kuasa serta penyelewengan. |
| 30. | Kementerian Kesihatan Malaysia | Penguatkuasaan dan pelepasan produk rampasan atau sitaan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. |
| 31. | Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia | Pengeluaran permit import kayu bakau dan pemantauan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah, salahgunakuasa dan penyelewengan. |
| 32. | Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) | Penguatkuasaan dan pemantauan berhubung prosedur mengeksport serta memindahkan haiwan yang melindungi melalui pengangkutan udara |
| 33. | Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) | Ejen penghantaran membuat pengisytiharan yang tidak benar dalam Borang K1 menyebabkan duti kastam dibayar kurang daripada amaun sebenar. |

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU KHIDMAT NASIHAT |
|------|--|--|
| 34. | Kementerian Pelajaran Malaysia - Bahagian Buku Teks | Pemantauan dan penyeliaan yang lemah menyebabkan percetakan Buku Bahasa Inggeris Tahun 1 (KSSR) mempunyai banyak kecacatan. |
| 35. | Kementerian Kewangan Malaysia | Kelemahan pemantauan projek yang menyebabkan berlakunya kelewatan dan kecacatan ke atas projek-projek kerajaan yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2009. |
| 36. | Kementerian Kewangan Malaysia | Kelewatan penyiapan bangunan menyebabkan kerajaan rugi. |
| 37. | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor | Perniagaan kereta terpakai di kawasan kediaman menyebabkan pencemaran bunyi bising dan ketidakselesaan kepada penduduk sekitar. |
| 38. | Jabatan Imigresen Malaysia | Kelemahan penguatkuasaan ke atas pengendalian kemasukan pendatang terutamanya dari Indonesia. |
| 39. | Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Amanah Raya Berhad (ARB) | Amalan, sistem dan tatacara pengesahan 'Surat Kuasa Mentadbir' dalam proses tuntutan oleh waris. |
| 40. | Lembaga Tabung Haji | Sistem dan prosedur berhubung kelemahan di dalam pemilihan dan proses rayuan ke tanah suci Mekah oleh Lembaga Tabung Haji. |
| 41. | Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands, Pahang | Kelemahan dalam sistem dan prosedur kelulusan pembinaan premis penginapan dan perniagaan yang mengancam keselamatan. |
| 42. | Jabatan Perhutanan Selangor | Kelemahan dalam penguatkuasaan terhadap kilang 'Industri Berasaskan Kayu' (IBK) yang dijalankan tanpa kebenaran. |
| 43. | Majlis Sukan Negara (MSN) | Kelemahan pemantauan terhadap peruntukan Persatuan Sukan oleh MSN. |
| 44. | FELCRA Berhad | Tiada kawalan terhadap geran kerajaan yang disalurkan kepada badan-badan sukan. |
| 45. | Kementerian Belia dan Sukan | Pengurusan perolehan oleh badan sukan yang menerima peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan . |

Lampiran 3

Pemeriksaan Dan Perundingan

Surat Nasihat Yang Dikemukakan Kepada Jabatan Sepanjang 2011

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU |
|------|--|--|
| 1. | Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) | Perolehan mesin pengimbas badan daripada General Diesel Services Sdn. Bhd. yang dibuat secara pembelian terus melalui kontrak pusat perbendaharaan. |
| 2. | PUSPAKOM Sdn. Bhd. | Proses kerja pemeriksaan ketelusan cahaya cermin kenderaan (cermin gelap) bagi kenderaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM Sdn. Bhd. |
| 3. | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (JKPTG) | Amalan, sistem dan tatacara membuat keputusan di dalam penentuan pampasan Lot 4466 Mukim Dengkil oleh Pentadbir Tanah bagi pembinaan projek Ibu Pejabat Agesi Anti Dadah Kebangsaan. |
| 4. | Kementerian Dalam Negeri | Amalan, sistem dan tatacara membekal dan mengurus (<i>out-sourcing</i>) pekerja asing. |
| 5. | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | Amalan, sistem dan tatacara pemberian projek <i>Built-Operate-Transfer (BOT)</i> kepada syarikat swasta oleh MBPJ |
| 6. | PROTON Holdings Sdn. Bhd. | Khidmat nasihat berhubung sistem dan prosedur <i>Pre-delivery Inspection (PDI)</i> oleh Proton Edar Sdn. Bhd. |
| 7. | Kementerian Pengajian Tinggi | Pemeriksaan Sijil Perakuan Pendaftaran Bersyarat yang dikeluarkan kepada Kolej Sains Kesihatan Aseana (KSKA). |
| 8. | Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) | Wujudnya khidmat juruperunding atau ejen dalam urusan permohonan dan pemberian geran dalam bentuk persamaan kepada 'Enterprise Kecil dan Sederhana' di SME Corporation Malaysia. |
| 9. | Jabatan Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan | Penggabungan tiga buah projek pembinaan di bawah Program Projek Infrastruktur (PIAS) kepada hanya sebuah projek sahaja. |
| 10. | Kementerian Dalam Negeri | Kutipan denda oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap Projek Pembinaan Perumahan dan Ibu Pejabat Polis Kontijen Negeri Kedah. Kelewatan kutipan denda ini menyebabkan kerugian kepada kerajaan. |
| 11. | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | Penguatkuasaan dan pemantauan pembersihan di kawasan perumahan awam oleh pihak MPS yang dikatakan tidak mematuhi prosedur. |
| 12. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | Ketidakpatuhan prosedur pelaksanaan tindakan peruntukan penguatkuasaan bangunan oleh MPSJ. |
| 13. | Kementerian Teknologi dan Air Malaysia | Pemilihan penender kedua termahal dalam penilaian tender bagi projek menyiapkan Rangkaian Paip Pembentungan Terbangkalai di Kuala Sawah, Seremban Negeri Sembilan. |
| 14. | Pebadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) | Pengurusan pinjaman PTPTN yang menyatakan adanya kelewatan di dalam pengurusannya. |

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU |
|------|--|---|
| 15. | Persatuan Bola Sepak Malaysia (<i>FAM</i>) | Amalan, sistem dan tatacara dalam pengagihan serta pengurusan peruntukan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (<i>FAM</i>). |
| 16. | Perbadanan Stadium Merdeka | Pemilihan kontraktor dan pemilihan produk bagi menggantikan <i>'turf'</i> untuk dua stadium hoki di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pemilihan syarikat oleh Lembaga Perolehan B, Perbadanan Stadium Merdeka didapati tidak menepati kehendak Persatuan Hoki Malaysia. |
| 17. | Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) | Peruntukan pakaian seragam atendan kesihatan dan jururawat terlatih bagi PPUKM. |
| 18. | KPDNKK | Isu penguatkuasaan ke atas kegiatan penjualan <i>VCD</i> cetak rompak. |
| 19. | Jabatan Pengangkutan Jalan | Isu pengurusan tempahan nombor pendaftaran kenderaan. |
| 20. | Perbadanan Stadium Merdeka | Pemilihan kontraktor bagi kerja-kerja menggantikan trek di Stadium Nasional Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Pemilihan syarikat oleh Lembaga Perolehan B, Perbadanan Stadium Merdeka didapati tidak tepat kerana syarikat berkenaan menawarkan harga yang lebih tinggi dan merupakan syarikat yang tidak berwibawa. |
| 21. | Kementerian Kesihatan Malaysia | Amalan sistem dan tatacara kerja Penguatkuasaan dan Pendaftaran Produk |
| 22. | Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan | Proses lelongan rumah kediaman mempunyai ruang dan peluang rasuah yang membolehkan pelelong dan pembida membuat pakatan semasa proses lelongan dijalankan. |
| 23. | Kementerian Pengangkutan Malaysia | Pemilihan tender dan proses ujian <i>'live demonstration'</i> ke atas penender bagi Projek <i>'Automated Enforcement System'</i> (<i>AES</i>). |
| 24. | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | Pematuhan dan penguatkuasaan ke atas <i>'cyber cafe'</i> oleh Jabatan Perlesenan DBKL. |
| 25. | Kementerian Pertahanan Malaysia | Perolehan tender membekalkan pelbagai jenis tali di Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). |
| 26. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) | Penguatkuasaan ke atas struktur alat pemancar telekomunikasi tanpa izin. |
| 27. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | Pemberian dan penguatkuasaan lesen hiburan oleh pihak MPSJ. |
| 28. | JAKIM | Sistem dan prosedur kerja dalam pensijilan logo <i>'Halal'</i> . |
| 29. | Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan | Kelemahan dalam sistem dan prosedur pemberian kerja secara undian. |
| 30. | Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) | Pengurusan baja di bawah Program Insentif Pengeluaran Padi. |
| 31. | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | Kelemahan penguatkuasaan dan pemantauan ke atas <i>'Koperasi Berdaftar'</i> dalam pembiayaan secara kredit kepada ahli dan bukan ahli. |
| 32. | Polis Diraja Malaysia | Ketidaktepatan prosedur semasa menjalankan tugas pengendalian kenderaan selepas berlakunya kemalangan seperti mana Arahan Ketua Trafik Pasukan membuka ruang dan peluang rasuah serta penyalahgunaan kuasa. |

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU |
|------|---|---|
| 33. | Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) | Pengurusan pemberian kereta kepada pengedar dan cawangan PERODUA yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah. |
| 34. | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | Kelemahan dalam penguatkuasaan dan pemantauan ke atas tapak pelupusan sampah secara haram. |
| 35. | Kementerian Pertahanan Malaysia | Kelemahan dalam perolehan Sistem Peperangan Elektronik Strategik yang dijalankan secara rundingan terus |
| 36. | DBKL | Penguatkuasaan dan pemantauan ke atas iklan papan tanda perniagaan yang menggunakan bahasa asing. |
| 37. | Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) | Pemberian hak konsesi pembinaan papan iklan di dalam kawasan MPSJ yang boleh membuka ruang dan peluang, salahguna kuasa dan penyelewengan |
| 38. | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | Kelemahan sistem dan prosedur pengambilan dan pembayaran pampasan tanah kepada tuan tanah yang menimbulkan persepsi rasuah. |
| 39. | Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) | Kelemahan di dalam proses penerimaan saguhati oleh Ahli Lembaga Koperasi yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah perlakuan rasuah. |
| 40. | Jabatan Imigresen Malaysia | Pemberian 'Special Pass' kepada pekerja warga asing bagi perlanjutan tempoh masa berada di Malaysia yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. |
| 41. | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) | Pemilihan kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja secara tender di KBS. |
| 42. | Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) | Nombor pendaftaran bagi 'G1M' digunakan di seluruh Semenanjung Malaysia di mana sepatutnya nombor pendaftaran berkenaan hanya boleh digunakan di Pulau Langkawi sahaja. |
| 43. | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | Pemberian lesen perniagaan penduduk tempatan kepada warga asing. |
| 44. | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | Tiada penguatkuasaan ke atas peniaga-peniaga yang menghalang pintu masuk utama bangunan Wisma Yakin, Kuala Lumpur. |
| 45. | Majlis Bandaraya Melaka | Penguatkuasaan garis panduan kerja-kerja tambakan laut oleh kontraktor di kawasan pantai Batu 5¼ Batang Tiga, Tanjung Keling, Melaka. |
| 46. | Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) | Proses <i>Novasi</i> (penukaran pegangan milikan saham) MARDEC Berhad yang dilaksanakan oleh Seksyen Kesihatan, Sains & Teknologi dan Industri Perkhidmatan, UKAS. |
| 47. | Kementerian Pelajaran Malaysia | Pengurusan tender cadangan membekal diesel, mengoperasi serta menyelenggara set janakuasa di sekolah-sekolah kawasan luar bandar. |
| 48. | Kementerian Pelancongan Malaysia | Amalan, sistem dan tatacara pengurusan perolehan Perkhidmatan Perpindahan Pusat Data <i>ICT</i> Kementerian. |
| 49. | Kementerian Pertahanan Malaysia | Kaedah pemilihan kontraktor dalam pemberian kerja-kerja senggaraan melebihi RM20,000 hingga RM200,000 yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. |

| BIL. | JABATAN/ KEMENTERIAN | ISU |
|------|--|--|
| 50. | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | Penyediaan kontrak perjanjian <i>Malaysian Institute of Chemical Engineering Technology (MICET Definitive Agreement)</i> di antara MARA dan <i>Kausar Corporation</i> . |
| 51. | Institut Perakaunan Negara | Tatacara perolehan kerajaan dan proses pemberian perolehan kerajaan yang dikatakan tidak mempunyai garis panduan. |
| 52. | Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) | Pemilihan dan pengurusan bangunan sewaan APMM sebagai pejabat di seluruh negara. |
| 53. | Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) | Pengurusan perolehan kerajaan dalam pembekalan sistem <i>IT</i> yang tidak mengikut sebagaimana perenggan 39.2(a)(ii) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. |
| 54. | Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) | Amalan, sistem dan tatacara berhubung perolehan sebutharga secara undian di Pejabat FAMA Negeri Selangor. |
| 55. | Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) | Kelemahan dalam pengurusan kewangan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). |
| 56. | Kementerian Pengajian Tinggi | Proses menaiktaraf Kolej Lincoln kepada Universiti Lincoln dikatakan dengan adanya perbuatan rasuah. |
| 57. | Kementerian Kesihatan Malaysia | Kelemahan dalam perolehan peralatan Orthopedik oleh Doktor Pakar daripada pembekal untuk kegunaan pesakit klinik kerajaan. |
| 58. | Jabatan Perdana Menteri (JPM) | Tidak mematuhi garis panduan bagi sistem dan prosedur pemberian bantuan kepada peserta yang bukan dalam senarai e-Kasih. |
| 59. | Kementerian Kewangan Malaysia | Kelemahan dalam pengurusan wang awam di dalam penetapan harga sesuatu projek di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. |
| 60. | Kementerian Sumber Manusia | Kelemahan pembayaran yuran perkhidmatan kepada syarikat di bawah sistem latihan 'dual nasional' oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia |
| 61. | Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) | Amalan, sistem dan prosedur Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (<i>Certificate of Completion and Compliance, CCC</i>). |
| 62. | Kementerian Pelancongan Malaysia | Pemberian bantuan kerajaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (<i>NGO</i>) oleh Kementerian Pelancongan. |
| 63. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah | Pembayaran pampasan pengambilan balik tanah untuk projek pembangunan kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. |
| 64. | Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) | Kelemahan dalam proses pembayaran bagi kerja-kerja pembinaan lantai dan struktur Projek Perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana. |
| 65. | Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan | Penambahbaikan dalam pengurusan permit bahan batuan. |



*Halaman ini sengaja dibiarkan kosong